Menurut Bank of Korea (BOK), ekonomi Korea bertumbuh mampan pada kadar 4.1 peratus selepas susut 0.7 peratus pada tahun 2020. Kejayaan usaha pantas kerajaan melaksanakan program imunisasi dilaporkan apabila kadar populasi rakyat Korea telah divaksin sepenuhnya menjangkaui 80 peratus pada pertengahan Disember 2021 di samping sentiasa memberikan maklumat yang tepat berkaitan pandemik kepada rakyat merupakan antara pemacu kepada pemulihan ini (UN WESP, 2022). Situasi ini membolehkan kerajaan Korea melonggarkan sekatan terhadap aktiviti perhimpunan persendirian serta operasi perniagaan.

Lanjutan daripada itu, aktiviti eksport Korea giat dijalankan khususnya dalam pengeluaran produk ICT, dengan kadar peningkatan eksport tertinggi sejak 1996 iaitu 24.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 3.8%) seperti yang dilaporkan oleh *South Korea Ministry of Trade, Industry and Energy* (MOTIE). Pertumbuhan ini didominasi oleh peningkatan eksport semikonduktor sebanyak 28.4 peratus terutamanya cip sistem serta cip memori dengan masing-masing meningkat 28.9 peratus dan 31.4 peratus. Pengeluaran cip memori meningkat susulan permintaan global yang stabil terhadap telefon bimbit dan server, sejajar dengan kebergantungan populasi dunia terhadap alat digital yang memuncak rentetan oleh penularan pandemik yang berpanjangan. Sementara itu, eksport automobil bertambah 24.2 peratus mencecah USD46.5 bilion dirangsang khususnya oleh pengeluaran kereta hibrid yang melonjak 71.0 peratus (MOTIE, 2022).

BOK turut melaporkan, pertumbuhan ekonomi juga disokong oleh perbelanjaan persendirian yang meningkat 6.3 peratus hasil daripada pelaksanaan kerajaan memperuntukkan bajet tambahan dan pelonggaran sekatan yang berkaitan dengan pandemik. Perbelanjaan kerajaan turut bertambah 8.3 peratus terutamanya perbelanjaan berkaitan pembelian vaksin, pentadbiran serta pembayaran balik insurans kesihatan. Namun begitu, sistem kewangan republik ini berpotensi untuk mengalami ketidaktentuan disebabkan oleh peningkatan yang berterusan dalam hutang isi rumah dan peningkatan harga rumah menerusi laporan *Financial Stability Report* (BOK FSR) 2021. Harga harta tanah naik mendadak 100 peratus pada suku tahun ketiga sejajar dengan peningkatan 9.9 peratus dalam harga jualan rumah secara keseluruhannya pada tahun 2021 dirangsang oleh permintaan yang tinggi terhadap pangaspuri kos rendah dan sederhana dalam kalangan generasi muda.

Harga pasaran harta tanah tetap melonjak dengan lebih pesat walaupun BOK telah memperkenalkan pelbagai kaedah dalam usaha meredakan pasaran harta tanah antaranya peningkatan kadar polisi berkaitan harta tanah (UN WESP, 2021).

Dari segi pasaran buruh pula, kadar pengangguran menurun pada paras 3.7 peratus dengan kadar individu yang bekerja meningkat 60.5 peratus (2020: 60.1%). Walau bagaimanapun, kerajaan republik ini telah memperluaskan pelaksanaan polisi fiskal dalam usaha menambahkan peluang pekerjaan.

## Taiwan

Taiwan mengalami pengembangan ekonomi yang berbeza dengan negara-negara membangun yang lain hasil daripada usaha negara ini mengekang penularan pandemik COVID-19 dengan lebih pantas. Negara ini tidak melaksanakan sekatan perjalanan ketat yang boleh memberi impak buruk kepada aktiviti perniagaan berikutan rakyatnya masih boleh bebas bergerak dan menggunakan perkhidmatan awam seperti hari-hari biasa. *National Statistics Republic of China* (Taiwan) (NSRC) juga melaporkan, Taiwan menyaksikan perkembangan ekonomi yang tertinggi pada tahun 2021 dengan kadar KDNK mencapai 6.6 peratus (2020: 6.5%), rekod yang tertinggi sejak krisis kewangan antarabangsa pada 12 tahun yang lalu.

Susulan daripada perintah kawalan pergerakan yang diimplementasikan oleh negara lain, ekonomi Taiwan mendapat manfaat yang besar antaranya permintaan global yang tinggi terhadap produk maklumat dan komunikasi (IT) dan elektronik. Permintaan terhadap barang tersebut semakin memuncak hasil daripada peningkatan aktiviti persidangan video dan aktiviti secara maya dipengaruhi oleh dasar

bekerja dari rumah (BDR) serta aktiviti pembelajaran dalam talian. Ministry of Economic Affairs Taiwan, R.O.C. Taiwan (MOEA) menyatakan kadar permintaan eksport terhadap produk ICT dan elektronik yang diterima oleh syarikat-syarikat Taiwan pada tahun ini meningkat 22.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 19.4%). Selain itu, permintaan yang tinggi terhadap industri semikonduktor juga merupakan pemacu kepada pengembangan ekonomi Taiwan.

Walau bagaimanapun, industri pelancongan dan penerbangan masih bergelut untuk bangkit daripada kemerosotan kerana terjejas teruk disebabkan oleh kawalan sempadan yang ketat di Taiwan dan di seluruh dunia menyebabkan permintaan untuk penerbangan jatuh dengan ketara. Kenyataan ini turut disokong apabila syarikat penerbangan tempatan masih merekodkan kerugian pada tahun 2021.

Sementara itu, kadar pengangguran di Taiwan berada pada kadar 4.0 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya susulan daripada penutupan aktiviti perniagaan (NSRC, 2022). Bilangan tenaga buruh tertinggi direkodkan dalam sektor Pembuatan iaitu 3.0 juta orang diikuti dengan perdagangan borong dan runcit 1.9 juta orang (NSRC, 2022).

## Singapore

Singapore merekodkan lantunan semula ekonomi pada tahun 2021 dengan peningkatan KDNK pada kadar 7.6 peratus setelah mengalami penguncutan pada tahun sebelumnya (2020: -4.1%) berdasarkan laporan *Ministry of Trade and Industry* (MTI) republik itu. Pengembangan ekonomi ini adalah yang tertinggi sejak 2010 iaitu 14.5 peratus setelah menghadapi Krisis Kewangan Global 2008/2009. Pemulihan ekonomi ini dipengaruhi oleh keberkesanan pelaksanaan program

inokulasi yang efisien dan pantas oleh kerajaan Singapore. Sejajar dengan usaha yang dilakukan ini, *Ministry of Health of Singapore* memaklumkan kadar inokulasi dalam kalangan rakyat yang telah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin adalah 87.0 peratus daripada jumlah populasi.

Industri berorientasikan eksport merupakan penyumbang utama kepada pengembangan ekonomi Singapore dengan mempamerkan pertumbuhan yang rancak dalam sektor Pembuatan pada kadar 13.2 peratus berbanding 7.5 peratus pada tahun sebelumnya (MTI, 2022). Kenyataan ini disokong oleh kenaikan pengeluaran produk elektrik & elektronik (E&E) yang sejajar dengan permintaan dunia yang tinggi terhadap item semikonduktor terutamanya produk cip.

Pada masa yang sama, *Ministry of Manpower of Singapore* (MOM) mengeluarkan kenyataan peningkatan 41,400 orang yang bekerja berbanding kemerosotan 166,600 orang pada tahun 2020 telah mencerminkan pemulihan yang signifikan terhadap pasaran buruh. Prestasi yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif penduduk tetap Singapore yang bekerja sebanyak 71,300 orang berbanding tahun sebelumnya (2020: 14,900 orang).



**KDNK Singapore meningkat  
7.6% berbanding -4.1%  
pada tahun 2020**

## PELAKSANAAN PROGRAM IMUNISASI BAGI MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19

Program vaksinasi terus dipergiat di serantau dunia dalam usaha untuk membendung penularan kadar kebolehjangkitan virus COVID-19 bagi memastikan tahap imunisasi individu serta persekitaran selamat untuk menjalani rutin harian seperti biasa. Setiap negara di dunia melakukan pelbagai strategi untuk memastikan program vaksinasi berjalan dengan lancar dan efisien seterusnya mencapai matlamat pembentukan imuniti kelompok dalam negara. Namun begitu, perbezaan jumlah ketersediaan bekalan vaksin dan akses kepada vaksin bagi setiap negara telah mengakibatkan berlakunya jurang yang besar dalam kemajuan keberhasilan program pemberian vaksin antara negara. Kenyataan ini disokong menerusi kadar pemberian vaksin di kalangan negara kurang membangun yang hanya mencapai 23.9 peratus berbanding 147.4 peratus bagi negara maju pada tahun 2021 (UN WESP, 2022).

### United States of America (USA)

Sejak 14 Disember 2020, program vaksinasi di USA dijayakan melalui kebersamaan dan penglibatan daripada semua pihak seiring dengan strategi kerajaan negara tersebut untuk mencapai status imuniti kelompok dalam populasi negaranya. Antara program yang dianjurkan adalah *Federal Retail Pharmacy Program (FRPP)*, *Health Center COVID-19 Vaccine Program* dan *Rural Health Clinic COVID-19 Vaccine Distribution (RHCVD) Program*.

Agensi kesihatan kerajaan pusat iaitu *Centers for Disease Control and Prevention (CDC)* telah mengadakan kerjasama dengan farmasi di seluruh negara melalui FRPP. FRPP dilancarkan untuk memastikan kadar pemberian vaksin COVID-19 adalah menyeluruh iaitu meliputi semua populasi dalam komuniti USA. Program yang bermula pada 11 Februari 2021 ini melibatkan 21 cawangan farmasi kebangsaan

dengan jumlah 40,000 farmasi runcit yang aktif beroperasi serta rangkaian farmasi dalam talian seperti dinyatakan oleh CDC. Pengambilan vaksin ditawarkan menerusi pusat vaksinasi berskala besar, farmasi, tempat kerja atau sekolah. *Pfizer-BioNTech*, *Moderna* dan *Janssen* merupakan antara vaksin yang digunakan serta diberikan secara percuma kepada rakyat dan dibayar melalui insurans swasta dan awam. Bagi penerima vaksin yang tidak mempunyai perlindungan insurans, pembayaran kos vaksinasi akan dilakukan oleh *Provider Relief Fund (PRF)*. Selain itu, kerajaan USA telah membuat pembelian sebanyak 600 juta dos vaksin daripada *Pfizer Inc.* dan *Moderna Inc.* bagi menampung keperluan vaksin bagi 300 juta orang pada 11 Februari 2021. Menurut *Our World in Data*, jumlah keseluruhan populasi USA yang telah lengkap divaksinasi pada penghujung bulan Disember 2021 adalah 62.9 peratus dan 22.5 peratus telah menerima dos penggalak hasil daripada program vaksinasi ini.

### Kawasan Euro

Kebanyakan daripada negara kawasan Euro memperkenalkan program inokulasi COVID-19 bermula pada penghujung tahun 2020 iaitu antara 26 hingga 31 Disember 2020. Seterusnya, kumpulan pertama vaksin jenama *Pfizer* diedarkan kepada kawasan Euro oleh pengilang vaksin seperti dilaporkan oleh *European Centre for Disease Prevention and Control (ECDC)*. Kawasan Euro telah menggunakan suntikan pelalian vaksin jenama *Moderna*, *Janssen*, *Novavax* dan *AstraZeneca* ke atas rakyat mereka. Program inokulasi dijalankan melalui pelbagai fasa bergantung kepada negara masing-masing dengan memulakan vaksinasi ke atas golongan yang mempunyai risiko tinggi dijangkiti COVID-19. Sebahagian negara mengutamakan golongan warga emas, petugas pusat jagaan, petugas barisan hadapan, kakitangan kesihatan dan kumpulan rentan dengan masalah morbiditi, manakala sebahagian yang

lain pula mendahuluikan pemberian vaksin kepada penjawat awam seperti polis, bomba dan pendidik.

Antara lokasi pemberian vaksin adalah pusat vaksinasi berskala besar, pusat kesihatan, farmasi, pusat jagaan, klinik bergerak, sekolah, tempat kerja dan penjara. Dalam masa yang sama, Malta iaitu antara negara terpantas menjalankan inokulasi dalam kalangan negara kawasan Euro mempunyai 40 pusat vaksinasi termasuklah di kampus universiti dan ibu pejabat polis. Ini kerana, Malta berjaya mendapatkan bekalan vaksin yang mencukupi untuk seluruh populasi selain menubuhkan pasukan vaksinasi melibatkan kolaborasi antara pasukan IT, pasukan koordinasi dan hospital kerajaan. Mengikut laporan *European Health Report* oleh *World Health Organization*, secara keseluruhannya 63.9 peratus populasi kawasan Euro telah mengambil sekurang-kurangnya satu dos suntikan pelalian COVID-19 pada 31 Disember 2021.

### **China**

Pelopor utama dunia dalam pengeluaran vaksin virus COVID-19 iaitu China mengambil langkah besar untuk mempercepatkan aktiviti inokulasi dalam kalangan rakyatnya. China memulakan aktiviti inokulasi di bawah program kegunaan kecemasan vaksin pada 22 Julai 2020 berikutan kadar jangkitan dan kematian yang tinggi akibat virus COVID-19 seperti yang dilaporkan oleh *National Health Commission (NHC) China*. Aktiviti inokulasi melalui *National Immunization Programme (NIP)* giat dilakukan secara berterusan sehingga mula dilancarkan secara rasmi pada 15 Disember 2020. NIP melibatkan operasi bersepadu antara kerajaan China termasuk kerajaan pusat serta kerajaan negeri dan *Chinese Center for Disease Control and Prevention (CDC) China* di bawah NHC. Matlamat utama China adalah untuk mencapai 83.0 peratus imuniti kelompok

pada penghujung bulan Disember 2021. Justeru itu, negara ini bertindak pantas dengan menumpukan inokulasi kepada individu yang mempunyai risiko tinggi untuk menyebarkan jangkitan. Individu tersebut termasuk kakitangan kesihatan, perkhidmatan awam, pengangkutan dan individu yang merancang untuk belajar atau melancong ke luar negara. Antara vaksin yang digunakan adalah *Sinovac*, *Cansino* dan *Sinopharm*.

Warganegara asing turut diberikan vaksin secara percuma khususnya bagi mereka yang telah menyertai insurans perubatan China. Walau bagaimanapun, bagi warganegara asing yang tidak menyertai insurans tersebut perlu membayar wang berjumlah 100 yuan. Lokasi dan masa program inokulasi dibuka dengan mempertimbangkan faktor jarak penduduk dengan lokasi, masa yang sesuai untuk penerima vaksin dan kecekapan suntikan. Sebagai contoh, NHC memanjangkan tempoh vaksinasi sehingga waktu malam untuk pekerja kurier serta melaksanakan aktiviti suntikan vaksin bergerak seperti bas dilengkapi dengan peti sejuk perubatan, stesen vaksinasi dan peralatan pertolongan cemas. Sehingga bulan September 2021, sebanyak 25,395 lokasi vaksinasi telah dibuka untuk memudahkan rakyat mengambil vaksin. Hasilnya, kadar populasi China yang telah lengkap divaksinasi adalah 84.0 peratus pada 28 Disember 2021.

### **Japan**

Japan memulakan program imunisasi COVID-19 agak lewat jika dibandingkan dengan negara maju yang lain kerana memerlukan masa yang lebih panjang dalam menjalankan ujian klinikal untuk menguji keselamatan vaksin yang diberikan. Banyak pihak berganding bahu dalam menjayakan program ini termasuklah kerajaan Japan, *Self-Defense Forces (SDF)*

Japan, syarikat-syarikat industri dan Ministry of Health, Labour and Welfare (MHLW) Japan. Aktiviti imunisasi bermula pada 17 Februari 2021 yang mengutamakan petugas kesihatan barisan hadapan seramai 20,000 orang (MHLW, 2021). Seterusnya, keutamaan pemberian vaksin diberikan kepada golongan warga emas dan individu yang menghidapi penyakit kronik secara berperingkat sebelum diberikan kepada individu yang lain. Suntikan pelalian vaksin diberikan kepada seluruh warganegara termasuk pemastautin tetap Japan yang layak serta dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan membabitkan vaksin daripada jenama Comirnaty, Spikevax dan Vaxzevria. Tempahan untuk penerima dos pertama boleh dibuat melalui telefon atau sistem tempahan atas talian.

Tempat pemberian vaksin dilakukan di arked permainan video, klinik swasta, pusat vaksinasi berskala besar di tempat kerja seperti universiti, syarikat serta kem tentera. Selanjutnya, 4,000 tempat vaksinasi diwujudkan untuk pekerja dan keluarga serta pelajar di bawah program vaksinasi di tempat kerja. Antara inisiatif kerajaan dalam menggalakkan rakyat Japan menerima suntikan vaksin adalah dengan memberikan diskon sebanyak 20.0 peratus kepada penggemar aktiviti luar untuk menghadiri aktiviti sukan, konsert, pameran dan taman tema bagi mereka yang menunjukkan bukti penerimaan vaksinasi dos ketiga selain hasil keputusan negatif COVID-19. Di samping itu, 1.3 trillion yen diperuntukkan untuk menyokong program imunisasi oleh kerajaan. Setakat 28 Disember 2021, 78.3 peratus populasi Japan telah divaksin sepenuhnya serta 0.4 peratus telah menerima dos penggalak.



**Japan memperuntukkan  
1.3 trillion yen bagi  
mempromosikan program imunisasi**

### Republic of Korea

Program vaksinasi di bawah National Immunization Program (NIP) dilaksanakan secara besar-besaran bermula pada 26 Februari 2021 menerusi kenyataan daripada Korea Disease Control and Prevention Agency (KDCA). Kerajaan menjalankan program ini untuk meraih sasaran imuniti kelompok sebanyak 70 peratus daripada 52 juta rakyatnya menjelang bulan November 2021 sebagai usaha untuk membolehkan rakyat kembali menjalani kehidupan seperti biasa. Program ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri dan National Health Insurance Service. Warganegara termasuk pemastautin tetap yang tinggal di Republic of Korea melebihi tempoh tiga bulan ditawarkan untuk mendapatkan vaksin secara percuma. Proses pemberian suntikan pelalian ini melibatkan 250 pusat vaksinasi menggunakan vaksin keluaran AstraZeneca, Janssen, Pfizer dan Moderna.

Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan pasukan vaksinasi bergerak untuk memberi suntikan kepada penghuni di pusat kebajikan komuniti seperti golongan kurang upaya bagi mengelakkan rakyat tercincir daripada liputan vaksinasi. Lanjutan daripada itu, polisi penggunaan pasport vaksin untuk menikmati kemudahan awam diimplementasikan oleh kerajaan. Dalam pada itu, Republic of Korea turut membayar pampasan kepada individu yang mengalami kesan advers susulan imunisasi dengan bayaran sehingga jumlah maksimum 30 juta won kepada individu yang layak. Secara keseluruhan, 83.1 peratus daripada populasi telah lengkap divaksinasi serta 36.0 peratus telah menerima dos penggalak direkodkan pada 31 Disember 2021.

## Taiwan

Berbanding negara lain, Taiwan mempunyai tindak balas dan kesiapsiagaan yang amat baik dalam membendung penularan COVID-19 selepas penubuhan *Taiwan Model* hasil daripada pengalaman memerangi wabak SARS pada tahun 2003. Ekoran itu, negara ini mempunyai sistem pengawasan penyakit yang berkesan untuk memantau wabak dan mampu memberi respons segera kepada Pusat Kawalan Penyakit untuk tindakan lanjut. Pelbagai kaedah dilaksanakan oleh kerajaan Taiwan dalam mengawal penularan COVID-19 dan salah satu daripada kaedah tersebut adalah dengan melaksanakan program vaksinasi kebangsaan bermula pada tarikh 22 Mac 2021, menggunakan vaksin keluaran AstraZeneca, Moderna dan Pfizer.

*Taiwan Central Epidemic Command Center* (CECC), melaporkan bahawa sebanyak 16 pusat suntikan vaksin tambahan diwujudkan daripada jumlah asal 87 pusat vaksin dalam memastikan warga Taiwan mendapat akses kepada suntikan vaksin dengan pantas. Sementara itu, kerajaan Taiwan memperuntukkan dana dalam anggaran NT\$4 bilion sebagai insentif kepada klinik swasta yang memberikan dos vaksin secara percuma kepada orang awam bermula pada 7 Jun 2021 bagi menyokong program vaksin berskala besar. Program vaksinasi ini telah membawa hasil yang menggalakkan apabila kadar peratusan rakyat Taiwan yang telah mendapat suntikan vaksin adalah 78.4 peratus daripada jumlah populasi berdasarkan analisis daripada *Our World in Data*.

## Singapore

Kerajaan Singapore bergerak secara proaktif dalam menangani krisis COVID-19 dengan menubuhkan *National Vaccination Programme* (NVP) untuk melindungi kesihatan

awam, mengelakkan sistem keselamatan negara daripada terlalu dibebani dan membenarkan aktiviti ekonomi beroperasi semula. NVP bermula secara rasmi pada 30 Disember 2020 dengan suntikan vaksin diberikan terlebih dahulu kepada 40 kakitangan kesihatan di *National Centre for Infectious Disease* (NCID) menerusi laporan yang dikeluarkan oleh *Ministry of Health* (MOH) Singapore. Aktiviti program imunisasi tersebut diadakan di poliklinik, hospital, klinik swasta, klinik kesihatan awam, pusat komuniti dan Terminal 4 Lapangan Terbang Changi termasuk 37 pusat vaksinasi berskala mega bagi mempercepatkan proses vaksinasi. Penyuntikan vaksinasi diberikan secara percuma untuk semua warganegara Singapore dan pemastautin tetap membabitkan vaksin jenama Pfizer, Moderna dan Sinovac.

Dalam pada itu, penerima vaksin termasuk warganegara, pemastautin tetap dan pemegang pas lawatan jangka panjang yang mendapat kesan sampingan teruk susulan imunisasi boleh memohon bayaran pampasan melalui *Vaccine Injury Financial Assistance Programme* (VIFAP). Selain NCID, *Health Promotion Board* (HPB) turut membantu kerajaan mempercepatkan proses vaksinasi melalui program *Lets Get Our Seniors Vaccinated* dengan pemberian baucar S\$30 kepada individu yang berjaya merujuk warga emas untuk mengambil vaksin. *Ministry of Finance* (MOF) Singapore memaklumkan bahawa S\$11 bilion diperuntukkan dalam *COVID-19 Resilience Package* bagi menjaga kesihatan awam termasuk pembiayaan program vaksinasi secara percuma. Pada Disember 2021, kadar populasi Singapore yang telah lengkap divaksinasi dan mengambil dos penggalak masing-masing adalah 85.0 peratus dan 30.0 peratus telah mencerminkan keberkesanan program imunisasi hasil daripada kerjasama semua pihak (MOH, 2021).

## PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2022

Krisis Russia-Ukraine dijangka bakal menyumbang kepada penyusutan KDNK dunia sebanyak 3.6 peratus selepas mencatatkan pemulihan 6.1 peratus pada tahun 2021. Krisis ini menyebabkan ketidakpastian keadaan ekonomi dunia khususnya dalam pasaran komoditi, arus perdagangan dan kewangan (IMF WEO, April 2022).

Kemelut yang berlaku antara dua negara ini telah menjasikan fasiliti negara masing-masing lantas menggugat rantaian sumber bekalan import utama seperti minyak, gas, logam, gandum dan jagung. Bekalan yang terhad daripada kedua-dua pembekal ini boleh mengakibatkan ledakan harga dalam pasaran komoditi terutamanya di Europe, Caucasus and Central Asia, Middle East and North Africa dan sub-Saharan Africa. Lonjakan harga makanan dan minyak juga akan memberi impak buruk kepada isi rumah yang berpendapatan rendah termasuk Asia dan USA. Seterusnya, kekurangan sumber bahan logam daripada Russia boleh menyebabkan kenaikan harga logam antarabangsa justeru mempengaruhi sektor Pembuatan dalam pengeluaran kereta, semikonduktor dan kapal terbang di seluruh dunia.

Situasi ini dijangka memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara *Emerging Market and Developing Economies* (EMDE) yang diramal mencatatkan KDNK 3.8 peratus pada tahun 2022 (2021: 6.8%). Ekonomi Russia dijangka menyusut berikutan daripada kesan penalti yang dikenakan ke atas negara tersebut termasuk larangan ke atas pelaburan baharu dan aktiviti perantaraan kewangan domestik yang terjejas. Ukraine dijangka mengalami penguncutan ekonomi lebih besar sebanyak 35.0 peratus ekoran daripada kerosakan infrastruktur, pertempuran Ukraine dan Russia

serta penghijrahan beramai-ramai penduduk Ukraine ke negara lain. Negara China dijangka menyaksikan penguncutan KDNK sebanyak 4.4 peratus berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang bertumpu di hub industri pembuatan khususnya di Shenzhen dan Shanghai. Sekatan ini berlaku berpunca daripada lonjakan kes jangkitan varian Omicron pada November 2021 dan penularan virus baharu Deltacron yang mula meletus pada Januari 2022.

Menurut *Asian Development Outlook* (ADO), ekonomi ASEAN-5 (Malaysia, Indonesia, Philippines, Thailand, Vietnam) juga diramal terus memulih sebanyak 5.3 peratus dengan Philippines dijangka merekodkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 6.5 peratus. Pertumbuhan ini dipacu oleh pelaburan dan penggunaan domestik kerana sekatan berkaitan pandemik dan sekatan perjalanan antarabangsa telah dilonggarkan di samping kerancakan dalam sektor Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan.

Keadaan ekonomi negara maju seperti USA diunjur menyusut sebanyak 3.7 peratus ekoran daripada tindakan kerajaan mengurangkan pakej sokongan fiskal iaitu *Build Back Better* serta episod gangguan rantaian bekalan yang berpanjangan (IMF WEO, 2022). Gangguan ini mampu menyebabkan aktiviti pengeluaran menjadi semakin perlahan dan menimbulkan kesesakan rantaian bekalan global yang baharu. Kawasan Euro diramal merekodkan penyusutan ekonomi pada kadar 2.8 peratus ekoran daripada peningkatan harga tenaga dunia. Rantaian bekalan juga diunjur terus meruncing di kawasan Euro sekali gus membantutkan pengeluaran dalam industri automobil terutamanya Germany and Italy. Ini kerana sumber tenaga yang diperlukan untuk menjalankan operasi dalam industri tersebut perlu diimport dari Russia.

Dari segi perdagangan antarabangsa, volum barang dan perkhidmatan diunjur merudum

5.0 peratus berbanding 10.1 peratus pada tahun 2021. Ini mencerminkan keseluruhan aktiviti perdagangan yang lembap akibat daripada permintaan terhadap barang yang menyederhana disebabkan oleh penarikan balik sokongan polisi yang dijangka berlaku pada tahun 2022 berikutan lambakan hutang hasil daripada perbelanjaan kerajaan untuk membendung penularan pandemik COVID-19.

Krisis Russia-Ukraine telah memperlihatkan bahawa negara lain perlu menyemak semula kadar kebergantungan kepada pembekal utama punca tenaga serta mengambil inisiatif untuk meminimumkan impak daripada lonjakan harga tenaga. Menurut OECD dalam laporan *Interim Report March 2022*, kerajaan perlu mempelbagai dan mempertingkatkan sumber bekalan tenaga pengeluaran makanan bagi menjamin ketahanan negara dalam menghadapi krisis tersebut.

Nota:  
Rujukan yang diambil telah diolah bersesuaian dengan laporan ini.



# SENARIO EKONOMI MALAYSIA

*Ekonomi Malaysia  
2021 pulih 3.1%  
berbanding negatif  
5.5% pada tahun  
2020*

## PASCA PANDEMIK COVID-19: PEMULIHAN EKONOMI MALAYSIA

Kemelesetan ekonomi yang melanda Malaysia pada tahun 2020 menampakkan pemulihan apabila negara melangkah ke tahun 2021. Kesiapsiagaan kerajaan dalam menangani krisis global membuka ruang kepada landasan pemulihan ekonomi yang pantas. Kebenaran pembukaan semula beberapa aktiviti ekonomi secara berperingkat dengan waktu operasi yang lebih panjang, kebenaran untuk aktiviti sosial serta perjalanan rentas negeri telah menyumbang dengan ketara dalam merangsang prestasi ekonomi Malaysia.

Kerajaan Malaysia dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19 telah mula melaksanakan kempen vaksinasi kebangsaan pada 2021. Fasa pertama bermula pada Februari hingga April 2021, dengan kumpulan sasaran terdiri daripada petugas kesihatan dan barisan hadapan. Fasa kedua pula yang bermula pada April hingga Ogos 2021 memfokuskan kepada warga emas, golongan berpenyakit serta Orang Kurang Upaya (OKU). Manakala fasa ketiga kepada orang awam telah bermula pada Jun 2021 hingga Februari 2022. Pada September 2021, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah berjaya mencapai sasarannya untuk 80 peratus populasi dewasa di negara ini lengkap divaksin. Seterusnya pada 13 Oktober 2021, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Penggalak (Booster) atau lebih dikenali sebagai PICK-B diperkenalkan sebagai usaha pemberian dos penggalak kepada penerima yang telah menerima vaksin lengkap. Program vaksinasi yang dilaksanakan secara meluas dan komprehensif mulai 2021 ini telah membolehkan Malaysia mencapai imuniti kelompok dan menyaksikan pelbagai sektor dapat beroperasi semula selain terdapat kelonggaran bagi pergerakan rakyat.



**Pelaburan Langsung Asing (FDI)**  
Malaysia merekodkan  
**RM48.1 bilion** pada tahun 2021,  
tertinggi sejak 2016

Usaha dan inisiatif pantas yang diambil oleh kerajaan ini membawa hasil apabila ekonomi Malaysia kembali menunjukkan pemulihian pada tahun 2021 dengan peningkatan 3.1 peratus berbanding penyusutan 5.5 peratus pada tahun sebelumnya. Tenaga buruh telah menunjukkan pemulihian pada tahun 2021 dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi iaitu 68.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (68.4%).

Dari perspektif dagangan, jumlah perdagangan Malaysia merekodkan pencapaian baharu iaitu melepas dua trilion ringgit Malaysia dengan pertumbuhan dua digit iaitu 24.9 peratus selepas mencatatkan penyusutan selama dua tahun berturut-turut. Eksport Malaysia bernilai RM1,241.0 bilion dengan peningkatan 26.1 peratus berbanding RM983.8 bilion yang dicapai pada tahun sebelumnya. Sementara itu, import juga mencatatkan peningkatan 23.3 peratus kepada RM987.3 bilion berbanding RM800.5 bilion pada tahun 2020.

Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih sebanyak

RM48.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM13.3 bilion pada 2020 (Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 2021, DOSM). Peningkatan ini dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi yang mulai pulih secara beransur-ansur selepas menerima impak daripada pandemik COVID-19. Sebagai rekod, jumlah pelaburan FDI ke Malaysia pada 2021 ini adalah yang tertinggi sejak 2016. Sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan ketara untuk merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM29.5 bilion yang menyumbang kepada aliran masuk terbesar dalam FDI. Manakala sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan RM12.0 bilion. Rantau Asia kekal menjadi sumber utama FDI di Malaysia pada 2021 dengan aliran masuk bersih sebanyak RM22.5 bilion, diikuti oleh rantau Amerika dengan RM18.4 bilion. Menurut UN Conference on Trade and Development (UNCTAD) di dalam laporan *World Investment Report 2022*, dunia mencatatkan aliran FDI berjumlah USD1.5 trillion di mana Asia telah menyumbang hampir 40 peratus iaitu USD619 bilion. Trend peningkatan FDI di peringkat global dijangka akan terus meningkat dengan Asia terus menjadi destinasi pilihan pelabur.

Prestasi ekonomi Malaysia yang lebih baik dipamerkan pada tahun 2021 turut disokong oleh pakej rangsangan yang disalurkan oleh kerajaan pusat dan negeri, melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang bertujuan untuk membebaskan negara daripada pandemik COVID-19. Belanjawan 2021 telah memperuntukkan perbelanjaan berjumlah RM322.5 bilion iaitu merangkumi RM236.5 bilion bagi perbelanjaan mengurus, RM60 bilion bagi pembangunan dan RM17 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19.

Sepanjang tempoh 2021, kerajaan juga telah merealisasikan beberapa pakej rangsangan meliputi Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program

Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH).

PERMAI yang bernilai RM15 bilion, bertujuan menambah baik inisiatif sedia ada yang masih berterusan dan juga mempercepatkan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan. PEMERKASA pula diperkenalkan untuk terus menyokong proses pemulihian ekonomi negara yang memerlukan sejumlah RM20 bilion serta suntikan fiskal baharu berjumlah RM11 bilion. Manakala pakej rangsangan PEMERKASA Tambahan bernilai RM40 bilion dengan sejumlah 12 inisiatif dengan tiga matlamat utama untuk meningkatkan ekonomi negara dan membantu rakyat di tengah-tengah langkah sekatan pergerakan untuk membendung peningkatan jangkitan pandemik COVID-19.

Kerajaan juga telah melancarkan PEMULIH dengan peruntukan sebanyak RM150 bilion. Pakej ini bertujuan menyalurkan bantuan menyeluruh kepada rakyat dan tertumpu kepada tiga fokus utama iaitu meneruskan agenda prihatin rakyat, menyokong perniagaan dan meningkatkan vaksinasi.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM156.1 bilion daripada RM225 bilion yang diperlukan menerusi empat pakej bantuan dan rangsangan ekonomi ini telah dibelanjakan setakat 30 November 2021 bagi merangsang semula ekonomi negara. Kesemua pakej rangsangan yang dilaksanakan kerajaan ini telah memanfaatkan lebih 20 juta rakyat, serta 2.4 juta premis dan entiti perniagaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.



## PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2021

Ekonomi Malaysia memperoleh semula momentum pada tahun 2021 dengan pertumbuhan 3.1 peratus daripada negatif 5.5 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.1**). Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 81.3 peratus daripada jumlah KDNK. Dari segi permintaan, perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 58.8 peratus pada tahun 2021 (**Carta 1.2**).

Walaupun ekonomi Malaysia beransur pulih pada tahun 2021, KDNK masih lebih rendah 2.6 peratus berbanding paras ekonomi pra-pandemik pada tahun 2019, dengan penurunan RM37.2 bilion. Penyusutan ini adalah berikutan penguncupan dalam kesemua aktiviti ekonomi utama kecuali Pembuatan yang pulih 6.6 peratus dari paras ekonomi pada tahun 2019.

KDNK Malaysia pada harga semasa adalah berjumlah RM1.55 trilion pada tahun 2021, manakala RM1.39 trilion pada harga malar. Selari dengan prestasi keseluruhan, Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat kepada RM47,324 daripada RM43,518 pada tahun sebelumnya.

### Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan kembali pulih kepada 1.9 peratus pada tahun 2021 daripada negatif 5.4 peratus pada tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.3**. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor utama seperti kewangan dan insurans pada 10.0 peratus (2020: 2.9%), maklumat & komunikasi pada 6.3 peratus (2020: 6.0%) dan perdagangan borong & runcit pada 1.6 peratus (2020: -6.0%). Walau bagaimanapun, subsektor makanan & minuman dan penginapan merosot 11.0 peratus, namun subsektor ini menunjukkan

prestasi lebih baik berbanding tahun sebelumnya (2020: -26.7%).

## Pembuatan

Sektor Pembuatan meningkat 9.5 peratus daripada negatif 2.7 peratus pada tahun 2020 seperti di **Carta 1.4**. Pertumbuhan kukuh dalam sektor Pembuatan dipacu oleh pertumbuhan dua digit subsektor utama iaitu komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna pada 16.0 peratus (2020: 3.7%), produk petroleum bertapis pada 13.0 peratus (2020: -9.6%) dan bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal pada 10.3 peratus (2020: -4.6%). Sebaliknya, minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan menyusut 9.1 peratus (2020: -2.8%).

## Pertanian

Sektor Pertanian menurun marginal sebanyak 0.2 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada tahun 2020 (**Carta 1.5**). Penurunan ini disebabkan oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang masing-masing menyusut 5.6 peratus (2020: -3.6%) dan 8.4 peratus (2020: -18.6%). Walau bagaimanapun, subsektor ternakan dan pertanian lain kekal positif masing-masing pada 3.2 peratus (2020: 3.5%) dan 5.8 peratus (2020: 3.8%).

## Pembinaan

Sektor Pembinaan menyusut 5.2 peratus berbanding negatif 19.3 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.6**). Penyusutan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh penurunan 18.1 peratus dalam kejuruteraan awam (2020: -28.1%). Tambahan lagi, bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman masing-masing menurun 12.6 peratus (2020: -16.5%) dan negatif 2.2 peratus (2020: -15.8%). Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan pertukangan khas mencatatkan pertumbuhan 20.6 peratus (2020: -8.9%).

## Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat 0.3 peratus daripada negatif 9.7 peratus pada tahun 2020 seperti di **Carta 1.7**. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor gas asli yang pulih kepada 6.6 peratus (2020: -9.4%). Sementara itu, minyak mentah & kondensat dan perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan masing-masing menyusut 6.5 peratus (2020: -9.5%) dan 3.1 peratus (2020: -12.6%).

## Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat sebanyak 1.9 peratus pada tahun 2021 selepas mencatatkan kemerosotan 4.2 peratus pada tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.8**. Momentum pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan ke atas makanan & minuman bukan alkohol, komunikasi dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain.

Sumbangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan kepada jumlah perbelanjaan penggunaan swasta menurun daripada 46.8 peratus pada tahun 2020 kepada 46.0 peratus. Sementara itu, sumbangan perbelanjaan bagi barang meningkat kepada 54.0 peratus (2020: 53.2%) yang terdiri daripada barang tidak tahan lama (74.1%) dan barang tahan lama (15.2%).

## Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan terus meningkat kepada 5.3 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.9**). Pertumbuhan dalam perbelanjaan ke atas kesihatan, pendidikan dan kemudahan perumahan & kemasyarakatan telah merangsang keseluruhan perbelanjaan kerajaan.

### Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menyusut marginal 0.9 peratus daripada penurunan 14.4 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.10**). Penyusutan yang lebih perlahan ini dipengaruhi oleh pemulihan dalam jentera & peralatan dan aset lain yang masing-masing meningkat kepada 13.2 peratus dan 0.6 peratus. Walau bagaimanapun, struktur menyusut 10.1 peratus berbanding negatif 18.3 peratus pada tahun 2020.

Dari segi sektor, sektor swasta (sumbangan: 77.6%) telah pulih kepada 2.6 peratus daripada pertumbuhan negatif 11.9 peratus pada tahun 2020. Namun begitu, sektor awam menurun 11.3 peratus daripada penguncutan 21.2 peratus pada tahun sebelumnya dan telah memperlakukan prestasi sektor ini.


### Eksport dan import

Eksport melonjak kepada 15.4 peratus berbanding kejatuhan 8.6 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.11**). Prestasi ini dirangsang oleh eksport barang dengan peningkatan 18.1 peratus (2020: -0.7%) dan menyumbang sebanyak 92.5 peratus daripada jumlah eksport. Sementara itu, eksport perkhidmatan menyusut 9.6 peratus daripada negatif 47.8 peratus pada tahun 2020.

Import menokok kepada 17.7 peratus (2020: -7.9%) seperti yang digambarkan dalam **Carta 1.12**. Kedua-dua import barang dan perkhidmatan pulih masing-masing dengan pertumbuhan 20.5 peratus dan 3.2 peratus. Import barang menyumbang 85.9 peratus daripada jumlah import keseluruhan.


## CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2021

**Carta 1.1** KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar








**Carta 1.2** KDNK mengikut kaedah pengeluaran dan perbelanjaan (% sumbangan) pada harga malar




**KDNK pada harga malar: RM1,386.7 billion**






**Carta 1.3** Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan



**Carta 1.4** Prestasi sektor Pembuatan, tahunan**Carta 1.5** Prestasi sektor Pertanian, tahunan**Carta 1.6** Prestasi sektor Pembinaan, tahunan

**Carta 1.7** Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, tahunan**Carta 1.8** Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta, tahunan**Carta 1.9** Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan, tahunan

**Carta 1.10** Prestasi pembentukan modal tetap kasar, tahunan**Carta 1.11** Prestasi eksport, tahunan**Carta 1.12** Prestasi import, tahunan

## Inflasi

Kenaikan inflasi telah berlaku di seluruh dunia pada tahun 2021 akibat daripada gangguan rantaian bekalan global, yang sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19. Inflasi yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.5 peratus berbanding negatif 1.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Untuk rekod, kadar inflasi pernah mencapai 4.7 peratus pada April 2021, iaitu paras tertinggi yang direkodkan sejak 2018.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, kadar inflasi keseluruhan 2.5 peratus ini dipengaruhi oleh peningkatan ketara dalam kumpulan pengangkutan (11.0%), makanan & minuman bukan alkohol (1.7%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (1.6%) dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.5%). Empat kumpulan ini menyumbang secara kumulatif sebanyak 72.0 peratus kepada keseluruhan wajaran IHP.

Antara faktor yang mendorong kepada kenaikan inflasi kumpulan makanan & minuman bukan alkohol termasuklah harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 berikutan kenaikan harga bahan makanan haiwan di peringkat global. Bencana banjir yang melanda beberapa kawasan pada penghujung tahun 2021 turut menjasakan bekalan makanan, sekali gus menyebabkan kenaikan harga terutamanya sayur-sayuran dan ikan segar & makanan laut. Corak perubahan cuaca tidak menentu yang bertembung dengan kekurangan tenaga buruh turut menyumbang kepada lonjakan kadar inflasi apabila berlakunya peningkatan harga komoditi minyak sawit mentah. Dalam pada itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 mencecah angka tertinggi dalam tempoh 10 tahun dengan peningkatan sebanyak 32.9 peratus manakala purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus dan purata harga



**Inflasi pada tahun 2021 meningkat sebanyak **2.5%****

diesel pula meningkat 18.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, penamatian diskaun bil elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej PEMULIH selama tiga bulan yang berakhir pada September 2021 turut memberi tekanan kepada kenaikan inflasi negara pada tahun 2021.

Sementara itu, inflasi teras merekodkan peningkatan yang lebih perlakuan pada kadar 0.7 peratus (2020: 1.1%) manakala inflasi tanpa bahan api meningkat 1.2 peratus (2020: 0.4%). Dari sudut kawasan, inflasi kawasan bandar meningkat 2.4 peratus (2020: -1.1%) dan kawasan luar bandar juga meningkat 2.6 peratus (2020: -1.5%). Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan inflasi tertinggi ialah Terengganu yang meningkat 3.4 peratus (2020: -1.3%), diikuti oleh Kelantan, 3.1 peratus (2020: -1.5%) dan Pahang, 3.0 peratus (2020: -1.2%). Negeri yang merekodkan peningkatan inflasi terendah pula ialah Sabah & W.P. Labuan, 1.6 peratus (2020: -1.9%) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur, 2.0 peratus (2020: -0.6%). Manakala Sarawak dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan peningkatan 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Bagi kadar inflasi di negara serantau, Philippines mencatatkan kadar inflasi tertinggi iaitu 3.9 peratus, manakala Thailand mencatatkan inflasi terendah sebanyak 1.2 peratus.



**Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) merekodkan peningkatan kepada **68.6%****

### Pasaran tenaga buruh

Pasaran buruh di Malaysia mula menunjukkan momentum pemulihan pada tahun 2021 apabila bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.8 peratus (+129.4 ribu orang) kepada 15.8 juta orang, selaras dengan prestasi ekonomi yang memberangsangkan susulan langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh kerajaan dalam fasa Pelan Pemulihian Negara (PPN). Antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menstabilkan kembali ekonomi dalam tempoh pasca pandemik termasuklah membuka semula sempadan negeri dan antarabangsa, membenarkan premis perniagaan beroperasi dengan waktu yang lebih panjang serta kelonggaran bagi aktiviti sosial seperti penganjuran majlis keraian dan kenduri. Perkembangan positif pasaran tenaga buruh Malaysia pada tahun 2021 ini juga adalah selari dengan peningkatan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan.

Berdasarkan laporan Statistik Tenaga Buruh tahun 2021 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk bekerja merekodkan 15.1 juta orang, peningkatan 0.7 peratus (+107.4 ribu orang) berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 3.1 peratus (+22.0 ribu orang) selepas mencatatkan

peningkatan dua digit pada tahun 2020, merekodkan seramai 733.0 ribu penganggur (2020: 711.0 ribu orang). Kadar pembukaan semula lebih banyak aktiviti perniagaan yang secara tidak langsung telah menggalakkan kumpulan yang tidak aktif untuk masuki pasaran buruh sama ada untuk bekerja atau mencari pekerjaan telah mendorong kepada peningkatan 0.2 mata peratus kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) kepada 68.6 peratus (2020: 68.4%). Sementara itu, kadar pengangguran pada tahun 2021 turut meningkat 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus selepas mencatatkan peningkatan 1.3 mata peratus pada tahun 2020 (KP: 4.5%).

Dari segi komposisi penduduk bekerja yang berjumlah 15.06 juta orang, seramai 9.19 juta orang adalah lelaki manakala selebihnya adalah perempuan (5.87 juta orang). Dari segi sektor ekonomi, majoriti penduduk bekerja tertumpu dalam sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 64.9 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan (16.6%) dan Pertanian (10.3%). Sementara itu, penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing mencatatkan 7.7 peratus dan 0.5 peratus. Mengikut kategori kemahiran pula, kategori pekerja separa mahir merangkumi 57.7 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja diikuti kategori mahir (29.6%) dan kategori berkemahiran rendah (12.7%). Dari sudut taraf pekerjaan, didominasi oleh kategori pekerja dengan liputan sebanyak 78.5 peratus diikuti oleh kategori bekerja sendiri (14.8%), majikan (3.4%) dan pekerja keluarga tanpa gaji (3.3%).

Melihat kepada perincian penganggur pula, penganggur lelaki meningkat sebanyak 3.1 peratus (+13.3 ribu orang) kepada 438.0 ribu orang (2020: 424.7 ribu orang), manakala penganggur perempuan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus (+8.7 ribu orang) kepada 295.0 ribu orang (2020: 286.3 ribu orang). Penganggur aktif atau

mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi 75.7 peratus daripada jumlah penganggur pada 2021. Kumpulan ini meningkat sebanyak 7.9 peratus (+40.5 ribu orang) untuk mencatatkan 554.7 ribu orang (2020: 514.2 ribu orang). Sementara itu, kumpulan penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan yang tersedia pula menurun kepada 178.3 ribu orang (-9.4%) pada tahun 2021.

Beralih kepada prestasi mengikut negeri, kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh dengan KPTB tertinggi direkodkan oleh Selangor (76.4%), diikuti oleh W.P. Putrajaya (75.0%), W.P. Kuala Lumpur (71.7%) dan Sabah (70.4%). Dari segi pengangguran, Sabah merekodkan kadar pengangguran tertinggi dengan 8.2 peratus, diikuti oleh W.P. Labuan (7.4%) dan Perak (5.3%). Tiga negeri mencatatkan kadar pengangguran terendah ialah W.P. Putrajaya (1.6%) diikuti oleh Melaka (2.0%) dan Pahang (3.3%).

### Luar tenaga buruh

Inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mendepani cabaran ekonomi berikutan krisis kesihatan awam pada tahun 2020 dilihat membawa hasil apabila pasaran tenaga buruh menunjukkan perkembangan yang positif pada tahun 2021. Ini turut dicerminkan oleh bilangan luar tenaga buruh yang mencatatkan penurunan marginal 0.1 peratus (-4.1 ribu orang) kepada 7.22 juta orang (2020: 7.23 juta orang).

Perincian luar tenaga buruh pada tahun 2021 menunjukkan lebih separuh atau 68.6 peratus adalah perempuan. Golongan ini meningkat sebanyak 0.4 peratus merekodkan pertambahan sebanyak 5.0 juta orang, manakala lelaki menurun sebanyak 1.1 peratus kepada 2.3 juta orang pada 2021. Sebab



**Bilangan luar tenaga buruh perempuan **lebih ramai** berbanding luar tenaga buruh lelaki**

utama tidak mencari pekerjaan bagi kumpulan luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga yang merangkumi 45.2 peratus daripada jumlah luar tenaga buruh. Ini diikuti oleh bersekolah/latihan (41.1%), bersara/lanjut usia (7.8%), hilang upaya (3.4%), akan melanjutkan pelajaran (1.5%) dan tidak berminat (1.0%).

### Produktiviti buruh

Produktiviti buruh diukur melalui nilai ditambah per pekerja serta nilai ditambah per jam bekerja. Prestasi produktiviti buruh per pekerja meningkat 1.8 peratus pada tahun 2021 (2020: -5.5%) dengan merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM90,647 per pekerja (2020: RM89,022 per pekerja). Sementara itu, produktiviti buruh per jam bekerja menyusut 2.6 peratus (2020: 3.4%) dengan mencatatkan nilai RM41.0 per jam berbanding RM42.0 per jam pada tahun sebelumnya (**Jadual 1.2**). Jika dibandingkan dengan paras pra-pandemik, produktiviti buruh per jam bekerja telah melebihi nilai yang dicatatkan pada 2019 (RM40.7 per jam) manakala produktiviti buruh per pekerja masih berada di bawah paras 2019 (RM94,162 per pekerja).

**Jadual 1.2 Perubahan peratusan produktiviti buruh tahunan mengikut aktiviti ekonomi (%), 2020-2021**

Aktiviti ekonomi	Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja		Produktiviti nilai ditambah per pekerja	
	2020	2021	2020	2021
Pertanian	1.9	-4.6	-1.8	-0.6
Perlombongan dan pengkuarian	1.3	-3.4	-8.5	-0.9
Pembuatan	7.0	3.1	-2.6	6.8
Pembinaan	-5.1	-8.3	15.7	-4.3
Perkhidmatan	3.2	-4.2	-6.0	-0.5
<b>Produktiviti buruh</b>	<b>3.4</b>	<b>-2.6</b>	<b>-5.5</b>	<b>1.8</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan merupakan satu-satunya sektor yang telah melepas paras pra-pandemik dengan produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 3.1 peratus (2020: 7.0%) kepada RM57.0 per jam (2020: RM55.3 per jam). Produktiviti buruh per pekerja pula meningkat 6.8 peratus (2020: -2.6%) dengan nilai RM128,836 per pekerja (2020: RM120,675 per pekerja).

Bagi sektor Perkhidmatan, produktiviti buruh per jam bekerja menguncup 4.2 peratus (2020: 3.2%) dengan merekodkan RM38.1 per jam (2020: RM39.8 per jam) manakala produktiviti buruh per pekerja mencatatkan peningkatan marginal 0.5 peratus (2020: -6.0%) dengan RM84,647 per pekerja (2020: RM84,266 per pekerja).

Sementara itu, produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor Pertanian menurun 4.6 peratus pada 2021 (2020: 1.9%) dengan nilai RM25.1 per jam (2020: RM26.3 per jam) manakala produktiviti buruh per pekerja turun marginal 0.6 peratus (2020: -1.8%) dengan nilai RM52,939 per pekerja (2020: RM53,254 per pekerja).

Bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, produktiviti buruh per jam bekerja merosot kepada 3.4 peratus daripada negatif



**Sektor Pembinaan** mencatatkan produktiviti buruh per jam bekerja pada kadar **8.3%**

1.3 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya dengan RM530.5 per jam (2020: RM549.1 per jam). Manakala produktiviti buruh per pekerja juga turun marginal sebanyak 0.9 peratus (2020: -8.5%) dengan nilai RM1,235,789 per pekerja (2020: RM1,247,616 per pekerja).

Seterusnya, sektor Pembinaan mencatatkan produktiviti buruh per jam bekerja pada kadar negatif 8.3 peratus (2020: -5.1%) dengan nilai RM16.5 per jam (2020: RM18.0 per jam) manakala produktiviti buruh per pekerja jatuh 4.3 peratus (2020: -15.7%) dengan nilai RM36,644 per pekerja (2020: RM38,279 per pekerja).

## PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2022

KDNK Malaysia bagi suku tahun pertama 2022 berkembang 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya (**Carta 1.13**). Bagi terma pelarasan musim, KDNK meningkat 3.9 peratus (ST4 2021: 4.6%) seperti di **Carta 1.14**.

Dari segi penawaran, prestasi ekonomi pada suku tahun ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, sementara Pertanian mencatatkan pertumbuhan marginal. Pada masa yang sama, prestasi lebih baik dari segi permintaan didorong oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta, diikuti dengan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan dan pembentukan modal tetap kasar.

Prestasi ekonomi bulanan menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik dari Januari hingga Mac 2022. Prestasi KDNK pada Januari dan Februari 2022 masing-masing bertumbuh 4.3 peratus dan 5.2 peratus seterusnya pertumbuhan ini meningkat 5.4 peratus pada Mac 2022. Daripada kedudukan ekonomi semasa, prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2022 telah melepas paras suku tahun pertama 2019 sebanyak 5.2 peratus atau RM17.9 bilion. Secara keseluruhannya, KDNK Malaysia pada harga semasa adalah RM422.5 bilion, manakala pada harga malar adalah berjumlah RM360.2 bilion.



### Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan mengukuh kepada 6.5 peratus pada suku tahun ini berbanding 3.2 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.15**. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 5.5 peratus (ST4 2021: 5.1%).

Subsektor Pengangkutan dan penyimpanan memacu sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan dua digit 25.8 peratus (ST4 2021: 11.8%) didorong oleh prestasi kukuh dalam semua segmen, terutamanya pengangkutan darat dan udara. Pengembangan ini disusuli oleh subsektor perdagangan borong dan runcit yang bertumbuh 4.0 peratus (ST4 2021: 1.3%) dipengaruhi oleh prestasi yang lebih baik dalam semua segmen, terutamanya perdagangan runcit dan kenderaan bermotor. Tambahan lagi, subsektor makanan & minuman dan penginapan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 24.2 peratus (ST4 2021: 5.6%) disokong oleh prestasi kukuh dalam kedua-dua segmen. Walau bagaimanapun, subsektor kewangan dan insurans menyusut 1.0 peratus (ST4 2021: 3.8%).

### Pembuatan

Sektor Pembuatan meningkat 6.6 peratus berbanding 9.1 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.16**. Sektor ini meningkat 1.8 peratus bagi terma pelarasan musim daripada 6.6 peratus pada suku tahun keempat 2021.

Prestasi sederhana ini adalah dipengaruhi oleh produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 15.4 peratus (ST4 2021: 16.4%), diikuti oleh produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka pada 5.3 peratus (ST4 2021: 5.8%) dan produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan pada 6.6 peratus (ST4 2021: 5.6%). Sebaliknya, produk petroleum, kimia, getah

dan plastik menurun 0.5 peratus (ST4 2021: 6.5%).

### Pertanian

Sektor Pertanian meningkat marginal 0.2 peratus berbanding 2.8 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.17**. Sebaliknya, sektor ini menyusut 3.2 peratus bagi terma pelarasan musim (ST4 2021: 1.7%).

Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor kelapa sawit yang meningkat secara sederhana pada 3.9 peratus (ST4 2021: 4.8%). Selain itu, subsektor perikanan dan ternakan masing-masing bertumbuh kepada 3.5 peratus (ST4 2021: -0.5%) dan 1.5 peratus (ST4 2021: 0.2%).

### Pembinaan

Sektor Pembinaan menurun 6.2 peratus berbanding negatif 12.2 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.18**. Sektor ini meningkat dengan ketara bagi terma pelarasan musim pada 8.9 peratus (ST4 2021: -1.9%).

Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Namun begitu, penyusutan ini diimbangi dengan pertumbuhan yang lebih baik dalam bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan pertukangan khas.



### Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian terus menyusut kepada 1.1 peratus daripada penurunan 0.6 peratus pada suku tahun keempat 2021 seperti di **Carta 1.19**. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini meningkat 2.9 peratus (ST4 2021: -1.6%).

Penurunan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor minyak mentah dan kondensat. Walau bagaimanapun, gas asli kekal positif pada suku tahun ini.

### Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir berkembang 5.7 peratus daripada 3.2 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.20**.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat kepada 5.5 peratus (ST4 2021: 3.7%) didorong terutamanya oleh penggunaan yang lebih tinggi bagi komunikasi dan makanan & minuman bukan alkohol. Di samping itu, perbelanjaan bagi pengangkutan dan restoran & hotel mencatatkan pertumbuhan kukuh pada suku tahun ini. Bagi terma pelarasan musim, perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 4.6 peratus (ST4 2021: 4.3%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang 6.7 peratus pada suku tahun ini berbanding 1.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pengembangan ini disumbangkan oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, terutamanya untuk perbelanjaan berkaitan dengan kesihatan. Bagi terma pelarasan musim, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan pulih kepada 7.4 peratus (ST4 2021: -3.8%) pada suku tahun ini.

## Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) bertumbuh marginal 0.2 peratus daripada penurunan 3.0 peratus pada suku tahun keempat 2021 seperti di **Carta 1.21**. Bagi terma pelarasan musim, PMTK meningkat kepada 5.0 peratus (ST4 2021: 4.4%).

Pertumbuhan yang lebih baik dalam PMTK dirangsang oleh jentera & peralatan yang meningkat kepada 12.0 peratus daripada 17.4 peratus pada suku tahun keempat 2021. Walau bagaimanapun, struktur dan aset lain masing-masing mencatatkan penguncutan yang lebih kecil 7.9 peratus (ST4 2021: -15.6%) dan 0.9 peratus (ST4 2021: -3.3%).

Sektor swasta yang merupakan penyumbang utama (sumbangan: 80.8%) meningkat kepada 0.4 peratus (ST4 2021: -2.8%) dan telah memacu momentum pertumbuhan PMTK pada suku tahun ini. Sebaliknya, sektor awam menyusut 0.9 peratus berbanding negatif 3.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.

## Eksport dan import

Eksport bertumbuh perlahan kepada 8.0 peratus berbanding 13.0 peratus pada suku tahun sebelumnya berikutan pertumbuhan sederhana dalam eksport barang (**Carta 1.22**). Bagi terma pelarasan musim, Eksport bertumbuh 4.0 peratus (ST4 2021: 6.8%).


Import kekal kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 11.1 peratus berbanding 14.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, Import meningkat 8.5 peratus (ST4 2021: 6.8%).

Import kekal kukuh  
dengan mencatatkan pertumbuhan  
**11.1%** pada  
suku tahun pertama 2022




## CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2022


**Carta 1.13** KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2020-2022



**Carta 1.14** KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2019-2022




**Carta 1.15** Prestasi sektor Perkhidmatan, suku tahunan




**Sumbangan, ST12022**











**Carta 1.16** Prestasi sektor Pembuatan, suku tahunan



**Sumbangan, ST12022**



**Carta 1.17** Prestasi sektor Pertanian, suku tahunan**Carta 1.18** Prestasi sektor Pembinaan, suku tahunan**Carta 1.19** Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, suku tahunan

**Carta 1.20** Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir, suku tahunan**Carta 1.21** Prestasi pembentukan modal tetap kasar, suku tahunan**Carta 1.22** Prestasi eksport dan import, suku tahunan**Carta 1.23** Pertumbuhan KDNK bulanan, suku tahunan dan tahunan

**Jadual 1.3 Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih (%), ST1 2020 – ST1 2022**

Negara	Jenis pertumbuhan	2020				2021				2022
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
European Union 27	Tahunan	-2.5	-13.8	-3.8	-4.0	-0.8	14.1	4.2	4.9	5.6
	Pelarasan musim*	-3.1	-11.2	11.7	-0.2	0.1	2.1	2.2	0.5	0.4
United Kingdom	Tahunan	-2.0	-21.1	-7.7	-6.3	-5.0	24.5	6.9	6.6	8.7
	Pelarasan musim*	-2.5	-19.4	17.6	1.5	-1.2	5.6	0.9	1.3	0.8
USA	Tahunan	0.6	-9.1	2.9	-2.3	0.5	12.2	4.9	5.5	3.5
	Pelarasan musim*	-5.1	-31.2	33.8	4.5	6.3	6.7	2.3	6.9	-1.5
Japan	Tahunan	-1.9	-10.2	-5.4	-0.8	-1.7	7.3	1.2	0.4	0.4
	Pelarasan musim*	0.5	-7.9	5.3	1.8	-0.4	0.6	-0.8	1.0	-0.1
Republic of Korea	Tahunan	1.5	-2.5	-0.9	-0.9	2.2	6.2	4.0	4.2	3.0
	Pelarasan musim*	-1.3	-3.0	2.3	1.2	1.7	0.8	0.2	1.3	0.6
Hong Kong	Tahunan	-9.3	-9.4	-4.1	-3.6	8.0	7.6	5.4	4.7	-4.0
	Pelarasan musim*	-5.1	-1.2	2.7	0.6	5.8	-1.7	0.7	0.0	-2.9
Taiwan	Tahunan	3.0	0.6	4.3	5.3	9.2	7.8	4.4	5.3	3.1
	Pelarasan musim*	-0.6	-0.2	4.2	1.9	2.9	-0.9	0.5	2.4	1.1
	Pelarasan musim**	-2.3	-0.9	17.8	7.7	12.2	-3.7	1.8	10.1	4.3
Singapore	Tahunan	1.2	-12.2	-4.6	-0.9	2.0	15.8	7.5	6.1	4.0
	Pelarasan musim*	-0.1	-12.6	9.2	3.8	3.0	-0.8	1.5	2.3	0.9
	Pelarasan musim**	-0.3	-12.5	21.8	-5.4	-0.8	-3.8	2.3	0.8	-1.4
China	Tahunan	-6.9	3.1	4.8	6.4	18.3	7.9	4.9	4.0	4.8
	Pelarasan musim*	-10.3	11.6	3.4	2.5	0.5	1.2	0.7	1.5	1.3
Thailand	Tahunan	-2.2	-12.3	-6.4	-4.2	-2.4	7.7	-0.2	1.8	2.2
	Pelarasan musim*	-1.6	-9.3	7.1	0.0	0.5	0.1	-0.9	1.8	1.1
Philippines	Tahunan	-0.7	-16.9	-11.6	-8.2	-3.8	12.1	7.0	7.8	8.3
	Pelarasan musim*	-3.4	-14.9	7.8	3.0	1.4	-0.2	2.9	3.5	1.9
Indonesia	Tahunan	3.0	-5.3	3.5	-2.2	-0.7	7.1	3.5	5.0	5.0
	Pelarasan musim*	-2.4	-4.2	5.1	-0.4	-1.0	3.3	1.6	1.1	-1.0
Malaysia	Tahunan	0.7	-17.1	-2.5	-3.3	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0
	Pelarasan musim*	-0.9	-15.1	18.1	-3.1	2.4	-0.8	-2.7	4.6	3.9

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)  
 Pelarasan musim\* = Data KDNK yang diselaras musim  
 Pelarasan musim\*\* = Kadar tahunan pelarasan musim

## PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2022

Pada tahun 2019, seluruh dunia telah dilanda penularan COVID-19 dan diisyiharkan sebagai pandemik pada Mac 2020 oleh *World Health Organization* (WHO). Kesan pandemik COVID-19 kepada ekonomi amat dirasai oleh seluruh dunia, tidak terkecuali Malaysia. Setelah hampir dua tahun bergelut dengan pandemik ini, akhirnya pada 1 April 2022 Kerajaan Malaysia telah mengumumkan peralihan fasa daripada fasa pandemik ke fasa peralihan endemik apabila sasaran 80 peratus penduduk dewasa lengkap divaksin telah dicapai. Seiring dengan peralihan fasa ini, sektor ekonomi juga telah dibenarkan beroperasi seperti biasa. Sempadan antarabangsa yang ditutup sebelum ini juga mulai dibuka.

Dalam usaha memulihkan kembali ekonomi Malaysia yang terjejas, kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 2022 yang memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat, perniagaan yang berdaya tahan dan ekonomi yang makmur dan mampan. Bajet ini juga lebih tertumpu untuk memulihkan sektor yang terjejas, meningkatkan keupayaan sistem kesihatan awam serta skop perlindungan sosial selain merancakkan ekonomi digital dalam usaha mengukuhkan daya saing negara dalam menghadapi norma baharu global. Justeru, sebanyak RM332.1 bilion diperuntukkan dalam bajet ini yang diharap dapat membantu rakyat untuk memulihkan kehidupan mereka, khasnya yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19.

Antara bantuan yang telah diperkenalkan melalui bajet berkenaan adalah Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang fokus kepada golongan B40, M40 dan bujang. Bantuan sebanyak RM2,000 disalurkan kepada isi rumah yang mempunyai tiga anak atau lebih dengan pendapatan kurang RM2,500. Kerajaan juga memberi bantuan tambahan sebanyak RM500

kepada ibu atau bapa tunggal yang mempunyai anak tanggungan dan berpendapatan sehingga RM5,000 serta RM300 diberikan kepada warga emas.

Selain itu, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion disediakan kepada golongan belia dengan pelbagai inisiatif termasuk Program ePemula kepada dua juta belia yang berumur 18 hingga 20 tahun, pelajar sepenuh masa di peringkat Diploma atau Sijil Kemahiran Malaysia 4 (SKM4) ke atas di institut pengajian tinggi awam serta swasta. Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia juga ditawarkan oleh kerajaan dengan kos sebanyak RM450 juta bagi membekalkan sebuah tablet kepada setiap pelajar B40 di institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini dijangka dapat memanfaatkan seramai kira-kira 350,000 orang mahasiswa serta memudahkan pelajar untuk mengikuti aktiviti pembelajaran dalam talian dan melayari internet bagi tujuan penyelidikan. Di samping itu, RM65 juta turut disumbangkan oleh syarikat telekomunikasi.

Sehubungan itu, prospek ekonomi dijangka lebih menggalakkan pada tahun 2022, dipacu oleh peningkatan semula permintaan domestik dan pengembangan yang berterusan bagi industri berorientasikan eksport. Dalam tempoh RMKe-12, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus setahun seiring dengan pemulihan ekonomi global. Bank Pembangunan Asia (ADB) mengunjurkan prestasi ekonomi negara membangun di Asia dijangka bertumbuh 4.6 peratus, sementara ekonomi Asia Tenggara pula diunjurkan akan berkembang kepada 5.0 peratus pada tahun 2022. ADB juga telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 5.8 peratus pada tahun 2022. Manakala berdasarkan Laporan *Global Economic Prospect* yang dikeluarkan oleh *World Bank* pada Jun 2022, ekonomi Malaysia diunjurkan bertumbuh 5.5 peratus pada 2022. Bank Negara Malaysia (BNM) turut

mengunjurkan pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh, iaitu antara 5.3 peratus hingga 6.3 peratus berbanding 2021 (3.1%). Ini disokong selepas beberapa sempadan negara antarabangsa dibuka serta pasaran buruh yang semakin baik. Selain itu, pelaksanaan beberapa projek dan langkah dasar yang dijangka akan memberikan sokongan kepada aktiviti ekonomi serta permintaan agregat.

Malaysia secara keseluruhannya telah beralih ke fasa keempat PPN pada suku tahun pertama 2022 sekali gus membenarkan aktiviti perniagaan dan sosial beroperasi kepada kapasiti penuh. Kelonggaran berterusan sekatan menangani pandemik sepanjang suku tahun pertama 2022 telah menggalakkan lebih banyak aktiviti ekonomi, yang mana telah mendorong peningkatan dalam permintaan buruh dan seterusnya pertambahan bilangan penduduk bekerja serta mengurangkan pengangguran. Pada suku tahun pertama 2022, bilangan tenaga buruh merekodkan 16.3 juta orang, meningkat 1.5 peratus tahun ke tahun. Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh turut naik 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat 2.2 peratus kepada 15.6 juta orang dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk naik kepada 66.2 peratus. Bilangan penganggur berkurang sebanyak 100.6 ribu kepada 671.2 ribu orang, sekali gus mencatatkan kadar pengangguran 4.1 peratus.

Pada suku tahun pertama 2022, indeks volum perdagangan borong & runcit mencatatkan pertumbuhan 3.9 peratus untuk mencapai 134.7 mata berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini disumbangkan oleh subsektor kenderaan bermotor dan perdagangan runcit yang masing-masing merekodkan pertumbuhan 8.8 peratus dan 5.1 peratus, diikuti oleh perdagangan borong yang meningkat 1.2 peratus pada tempoh yang sama.


Malaysia juga telah menarik sejumlah RM42.8 bilion untuk pelaburan yang diluluskan dalam sektor Perkilangan, Perkhidmatan dan Utama (pertanian, perlombongan serta perladangan dan komoditi), membabitkan 910 projek antara Januari dan Mac 2022 di mana pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama, sebanyak 65.0 peratus atau RM27.8 bilion (USD6.6 bilion) manakala pelaburan daripada sumber domestik menyumbang 35.0 peratus berjumlah RM15.0 bilion (USD3.6 bilion).

KDNK Malaysia bagi suku tahun pertama 2022 juga berkembang pada 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Indeks Pelopor (IP) pada bulan Mei 2022 mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.2 peratus kepada 111.2 mata berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya iaitu 108.8 mata (**Carta 1.24**). Keseluruhannya, IP menunjukkan prestasi yang lebih baik pada Mei 2022 dengan indeks arah aliran jangka panjang kekal di atas 100.0 mata, menjangkakan tinjauan ekonomi yang positif pada bulan-bulan akan datang.

Pembukaan semula sepenuhnya sempadan antarabangsa apabila negara memasuki fasa peralihan endemik dijangka berupaya mengukuhkan pemulihan ekonomi pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi mungkin sedikit terjejas berikutan konflik geopolitik dan penutupan bandar-bandar utama China disebabkan daripada peningkatan mendadak kes COVID-19. Begitu juga, isu inflasi dan kenaikan harga komoditi perlu diberi perhatian dengan mengambil kira situasi global.



**Carta 1.24 Indeks Pelopor (2015=100) dan kitaran perniagaan (kawasan berlorek kelabu), Januari 1991 hingga Mei 2022**



## Rencana 1:

### Indeks nilai ditambah ekonomi mengikut negeri, 2020-2021<sup>1</sup>

Nur Dini Athirah Kamal Ariffin, Mimi Amalia Norhisham dan Nur Najihah Sazuki

#### 1.0 Pendahuluan

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang tidak terkecuali daripada tempias wabak COVID-19 akibat kemasukan warga asing dan kepulangan rakyat tempatan ke tanah air (Musa dan Abdul Rashid, 2021). Rentetan daripada wabak yang menular dengan pantas ini juga telah memberi impak yang sangat besar kepada keadaan sosioekonomi negara. Kes pertama wabak ini telah dilaporkan di Wuhan pada 17 November 2019 dan disahkan menembusi Malaysia pada 25 Januari 2020.

Pada tahun 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan secara berperingkat sebagai salah satu inisiatif bagi mengekang penularan wabak tersebut. PKP ini telah memberi impak kepada sektor ekonomi di Malaysia yang mana telah menyebabkan penutupan operasi terutamanya aktiviti pelancongan, makanan dan minuman, serta perniagaan. Ini telah dicerminkan melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia juga telah mencatatkan penyusutan 5.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019.

Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan gelembung pelancongan bersasar di setiap negeri. Pada Jun 2021, PPN telah dilaksanakan secara berfasa bagi mengawal penularan pandemik COVID-19 serta memberi kelonggaran kepada pembukaan sektor ekonomi dan sosial. Pemulihan ini turut disokong oleh pelaksanaan pakej bantuan dan rangsangan iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH.

Bermula 1 April 2022, Malaysia telah memasuki fasa endemik berikutan kejayaan program vaksinasi COVID-19. Tambahan pula, liputan vaksinasi COVID-19 dalam kalangan individu dewasa di Malaysia juga telah melebihi 90 peratus. Beberapa kelonggaran telah diberikan dalam fasa ini iaitu tiada had waktu beroperasi bagi premis perniagaan, pendaftaran menggunakan MySejahtera dan penjarakan sosial dimansuhkan. Usaha yang diambil ini adalah sebagai langkah untuk mengembalikan kestabilan ekonomi negara serta mengukuhkan lagi ekonomi. Walaupun ekonomi nasional mencatatkan pertumbuhan positif 3.1 peratus pada 2021 namun nilai tersebut masih di bawah paras pra-pandemik 2019. Namun begitu pada tahun 2021, terdapat beberapa negeri yang telah melepas paras pra-pandemik 2019.

Menurut Zanariah Abd Mutalib (2022), Malaysia kini berada di kedudukan ke-13 daripada 122 negara dalam Indeks Pemulihan COVID-19 Nikkei. Selepas mengambil kira aspek pengurusan jangkitan, pelaksanaan program vaksinasi serta mobiliti sosial, 66.6 mata diperoleh oleh Malaysia dalam Indeks Nikkei Asia iaitu yang tertinggi bagi negara Asia. Ini menunjukkan Malaysia semakin hampir kepada pemulihan dari semua aspek. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti indeks nilai ditambah ekonomi berbanding paras pra-pandemik 2019.

<sup>1</sup> Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

## 2.0 Objektif kajian

- i. Mengenal pasti indeks nilai ditambah ekonomi negeri berbanding paras pra-pandemik 2019.
- ii. Menentukan skor berdasarkan jumlah nilai ditambah bagi setiap negeri.

## 3.0 Sorotan Literatur

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan banyak negara mengalami ketidakstabilan ekonomi sejak awal tahun 2020. Pelbagai langkah dan inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membendung penularan COVID-19 dan pemulihan ekonomi Malaysia. Morelli (2020) telah mengukur pemulihan Bandar New York menggunakan jumlah purata indeks untuk enam boleh ubah iaitu kesihatan, pengangkutan dan mobiliti, pekerjaan, harta tanah dan perumahan serta tempahan restoran.

Ilcheva (2022) mengenal pasti faktor utama menyumbang kepada prestasi ekonomi di Broward, Miame-Dade dan Pantai Palm merangkumi tiga kategori penting untuk indeks pemulihan iaitu kesihatan, ekonomi dan perumahan. Pengiraan indeks pemulihan ekonomi COVID-19 melibatkan beberapa proses bermula dengan memberi markah 0-100 untuk setiap data indikator lalu mengira puratanya. Seterusnya, pemberat diberi kepada setiap boleh ubah dan melaraskan data Januari 2020 kepada 100 indeks.

Menurut Soomro, Mangi dan Shah (2021), China telah memulihkan ekonominya dengan memperkenalkan transformasi digital, perundangan yang berkesan, pemulihan berbentuk V dan U dalam pembuatan dan perkhidmatan. Langkah dan inisiatif China untuk merancakkan pembangunan ekonomi semasa pandemik juga membantu memberi manfaat kepada perkhidmatan lain yang menghadapi cabaran pembangunan ekonomi.

Fan (2020) menyatakan bahawa wabak COVID-19 telah menjelaskan sektor Pertanian dan makanan dalam kalangan warga China. Beliau juga telah menganalisa indeks harga pengguna menggunakan data Disember 2019 hingga April 2020 dengan 2019=100. Analisis menunjukkan peningkatan secara purata pada nilai indeks Februari 2020 dan harga makanan dijangka akan lebih stabil kerana bekalan bijirin dan pengeluaran ternakan, buah dan sayur telah kembali normal.

Jiang, Wang dan Zhao (2022) mengkaji pemulihan ekonomi di China dengan menganalisis indeks ketahanan ekonomi. Hasil kajian daripada Autoregressive Integrated Moving Average Model (ARIMA) menunjukkan China mempunyai ketahanan ekonomi yang tinggi. Model ini digunakan untuk membuat analisis empirikal terhadap data KDNK dari tahun 1990 sehingga 2020. Berdasarkan hasil kajian ini, ARIMA (0,1,1) diaplifikasi untuk meramal nilai KDNK di bawah senario tiada pandemik dan kemudiannya dibandingkan dengan data semasa pandemik.

Zhang *et al.* (2020) memodelkan kos ekonomi COVID-19 untuk keseluruhan rantaian bekalan makanan dan pertanian, seterusnya mendapat penurunan tujuh peratus daripada nilai ditambah pada suku tahun pertama 2020 berbanding 2019. Mereka juga mengunjurkan bahawa sektor Pembuatan juga akan terus menyusut pada suku tahun kedua dan ketiga 2020, manakala pertumbuhan nilai ditambah dalam pertanian dan sistem makanan akan bertukar positif,

walaupun masih sederhana. Pemulihan penuh bergantung kepada permintaan dari seluruh negara untuk eksport China pada lewat tahun 2020. Tanpa ada semula permintaan eksport, ekonomi China akan berkembang kurang daripada satu peratus pada 2020, manakala kadar pertumbuhan diramal meningkat kepada 1.7 peratus dengan adanya kembali permintaan eksport. Hal ini juga disokong oleh dagangan Malaysia yang telah merekodkan pertumbuhan KDNK pada Mac 2022 yang disumbang oleh aktiviti import dan eksport.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pelbagai kaedah telah dilakukan untuk mengira indeks pemulihan ekonomi. Justeru itu, kajian ini fokus kepada kaedah mengenal pasti indeks nilai ditambah ekonomi negeri berbanding pra-pandemik 2019 dan menentukan skor berdasarkan jumlah nilai ditambah bagi setiap negeri.

## **4.0 Metodologi kajian**

### **4.1 Sumber data**

Sumber data yang digunakan adalah berasaskan nilai KDNK mengikut negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data bagi tahun 2015 hingga 2021 digunakan dalam kajian ini.

### **4.2 Metodologi**

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji indeks nilai ditambah ekonomi negeri-negeri di Malaysia yang merangkumi 13 negeri dan dua Wilayah Persekutuan. Analisis deskriptif dilaksanakan bagi mendapatkan nilai minimum, maksimum, dan purata indeks nilai ditambah bagi setiap sektor utama di setiap negeri.

Selain itu, penentuan skor dijalankan dengan memplot (i) skor dengan indeks nilai ditambah, (ii) skor dengan pertumbuhan dan (iii) skor dengan nilai ditambah. Plot taburan ini dibahagikan berdasarkan empat kuadran.

- i. Skor dengan indeks nilai ditambah:
  - a) Kuadran pertama: Skor tinggi, indeks nilai ditambah tinggi
  - b) Kuadran kedua: Skor tinggi, indeks nilai ditambah rendah
  - c) Kuadran ketiga: Skor rendah, indeks nilai ditambah tinggi
  - d) Kuadran keempat: Skor rendah, indeks nilai ditambah rendah
- ii. Skor dengan pertumbuhan KDNK:
  - a) Kuadran pertama: Skor tinggi, pertumbuhan tinggi
  - b) Kuadran kedua: Skor tinggi, pertumbuhan rendah
  - c) Kuadran ketiga: Skor rendah, pertumbuhan tinggi
  - d) Kuadran keempat: Skor rendah, pertumbuhan rendah
- iii. Skor dengan nilai ditambah:
  - a) Kuadran pertama: Skor tinggi, nilai ditambah tinggi
  - b) Kuadran kedua: Skor tinggi, nilai ditambah rendah
  - c) Kuadran ketiga: Skor rendah, nilai ditambah tinggi
  - d) Kuadran keempat: Skor rendah, nilai ditambah rendah

Pengiraan indeks nilai ditambah:

Data KDNK bagi tahun 2019 dijadikan rujukan dan digunakan sebagai tahun asas (2019=100) bagi pengiraan indeks nilai ditambah. Indeks nilai ditambah dihitung sebagai indikator prestasi ekonomi dalam setiap negeri. Dalam usaha untuk indeks dirantai bersama nilai ditambah, wajaran sektor perlu dinyatakan bagi setiap negeri.

Kaedah tersebut adalah seperti berikut:

1. Hitung wajaran sektor kepada keseluruhan KDNK setiap negeri bagi tahun 2020 dan 2021.

Formula:

$$W_{ij} = \frac{X_{ij}}{\sum_{i=1}^5 X_{ij}}$$

di mana,

$W_{ij}$  = Wajaran sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$

$X_{ij}$  = Nilai ditambah sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$

$i$  = Sektor utama

$j$  = Negeri

2. Hitung indeks sektor dalam setiap negeri bagi tahun 2020 dan 2021.

Formula:

$$I_{ijt} = \frac{X_{ijt}}{X_{ij2019}} \times 100$$

di mana,

$I_{ijt}$  = Indeks sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$  pada tahun,  $t$

$X_{ijt}$  = Nilai ditambah sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$  pada tahun,  $t$

$i$  = Sektor utama

$j$  = Negeri

$t$  = Tahun ( $t = 2020, 2021$ )

3. Hitung indeks berwajaran sektor dalam setiap negeri bagi tahun 2020 dan 2021.

Formula:

$$\sum_{i=1}^5 \sum_{j=1}^{15} Y_{ijt} = W_{ij} \times I_{ijt}$$

di mana,

$Y_{ijt}$  = Indeks berwajaran sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$  pada tahun,  $t$

$W_{ij}$  = Wajaran sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$

$I_{ijt}$  = Indeks sektor,  $i$  bagi negeri,  $j$  pada tahun,  $t$

$i$  = Sektor utama ( $i=1, \dots, 5$ )

$j$  = Negeri ( $j=1, \dots, 15$ )

$t$  = Tahun ( $t = 2020, 2021$ )

Pengiraan skor nilai ditambah:

Data nilai ditambah bagi tahun 2015 sehingga 2021 dijadikan rujukan dan digunakan dalam pengiraan skor. Skor yang dikaji adalah mengikut jenis sektor ekonomi bagi boleh ubah negeri.

1. Mengira pertumbuhan tahun ke tahun dari 2016 hingga 2021.

Formula:

$$Y_t = \left( \frac{X_t}{X_{t-1}} - 1 \right) \times 100$$

di mana,

$Y_t$  = Pertumbuhan tahun ke tahun

$X$  = Nilai ditambah pada tahun,  $t$

$t$  = Tahun ( $t = 2016, 2017, \dots, 2021$ )

2. Hitung purata pertumbuhan tahun ke tahun dari 2016 hingga 2019.

Formula:

$$P = \frac{\sum_{t=1}^4 Y_t}{4}$$

di mana,

$P$  = Purata pertumbuhan

$Y_t$  = Pertumbuhan tahun ke tahun

$t$  = Tahun ( $t = 1, \dots, 4$ )

3. Menentukan skor berdasarkan paras KDNK bagi setiap sektor. Penerangan bagi setiap skor adalah seperti dalam Jadual 1(a).

**Jadual 1(a): Skor dan penerangan**

Skor	Penerangan
<b>100</b>	Nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih besar</u> daripada 2019 dan nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2019.
<b>90</b>	Nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih kecil</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih besar</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>80</b>	Nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih kecil</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih kecil</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>70</b>	Nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih kecil</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih besar</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>60</b>	Nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih kecil</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih kecil</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>50</b>	Nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih besar</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih besar</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>40</b>	Nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih besar</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih besar</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih kecil</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>30</b>	Nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih besar</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih besar</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>20</b>	Nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih besar</u> daripada 2019, nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2019 dan pertumbuhan 2021 <u>lebih kecil</u> daripada pertumbuhan purata 2016-2019.
<b>10</b>	Nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2020, nilai 2020 <u>lebih kecil</u> daripada 2019 dan nilai 2021 <u>lebih kecil</u> daripada 2019.

**5.0 Hasil dan penemuan****5.1 Pengenalan**

Malaysia telah melangkah ke arah pemulihan setelah mengalami kemerosotan ekonomi pada tahun 2020 berikutan krisis pandemik yang melanda. Susulan daripada itu, ekonomi Malaysia kini mencatatkan pemulihan dengan merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.1 peratus pada 2021 berbanding negatif 5.5 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan KDNK ini telah didorong oleh keberkesanan kadar vaksinasi yang telah membantu memulihkan keyakinan perniagaan dan pengguna dalam melaksanakan aktiviti harian sekali gus turut membawa kepada peningkatan pemulihan negara. Selain itu, keputusan kerajaan dalam membenarkan pengoperasian aktiviti-aktiviti ekonomi turut memacu pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

**Jadual 1(b): Indeks nilai ditambah mengikut negeri (2019=100), Malaysia, 2020-2021**

Negeri	2020	2021	Pertumbuhan (%)
<b>Malaysia</b>	94.6	97.8	3.4
<b>Johor</b>	96.0	98.9	3.0
<b>Kedah</b>	98.3	101.6**	3.4
<b>Kelantan</b>	98.9	101.3**	2.4
<b>Melaka</b>	94.5	95.5	1.1
<b>Negeri Sembilan</b>	96.7	100.6**	4.0
<b>Pahang</b>	94.2	95.2	1.1
<b>Pulau Pinang</b>	98.1	106.0**	8.1
<b>Perak</b>	97.8	101.6**	3.9
<b>Perlis</b>	94.7	96.5	1.9
<b>Selangor</b>	94.9	99.98	5.4
<b>Terengganu</b>	94.4	97.7	3.5
<b>Sabah</b>	91.1	92.1	1.1
<b>Sarawak</b>	93.3	96.3	3.2
<b>W.P Kuala Lumpur*</b>	93.0	94.0	1.1
<b>W.P Labuan</b>	99.7	100.2**	0.5

Nota: \*Termasuk W.P. Putrajaya

W.P.: Wilayah Persekutuan

Nota: \*\* Negeri yang telah memulih

Jadual 1(b) memaparkan prestasi indeks nilai ditambah bagi kesemua tiga belas negeri dan dua Wilayah Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2021. Malaysia mencatatkan peningkatan 3.2 mata indeks (3.4%) pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.

Pulau Pinang merekodkan kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 8.1 peratus. Semua negeri turut mencatatkan prestasi indeks nilai ditambah yang lebih baik berbanding tahun 2020. Nilai indeks yang melebihi 100 bermaksud negeri tersebut telah melepas paras indeks pra-pandemik 2019. Enam negeri melepas paras indeks 100 iaitu Kedah (101.6), Kelantan (101.3), Negeri Sembilan (100.6), Pulau Pinang (106.0), Perak (101.6) dan W.P. Labuan (100.2).

**Jadual 1(c): Indeks nilai ditambah mengikut negeri dan sektor utama (2019=100), Malaysia, 2020-2021**

Negeri	Tahun	Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Jumlah
<b>Malaysia</b>	2020	98.1	90.3	81.3	98.6	96.3	94.6
	2021	98.6	90.9	80.8	109.2**	100.1**	97.8
<b>Johor</b>	2020	103.3**	80.9	67.3	97.6	98.3	96.0
	2021	105.6**	74.8	60.2	103.4**	102.6**	98.9
<b>Kedah</b>	2020	98.4	89.3	103.1**	102.1**	98.3	98.3
	2021	101.5**	85.2	98.5	108.7**	101.9**	101.6**
<b>Kelantan</b>	2020	100.8**	82.0	105.5**	96.0**	100.0**	98.9
	2021	103.2**	86.2	113.3**	101.5**	103.7**	101.3**
<b>Melaka</b>	2020	103.6**	87.3	79.0	92.1	96.8	94.5
	2021	103.2**	83.5	77.7	93.5	100.6**	95.5
<b>Negeri Sembilan</b>	2020	94.0	84.7	79.1	96.0	100.3**	96.7
	2021	94.1	81.8	81.2	107.1**	102.9**	100.6**
<b>Pahang</b>	2020	101.7**	74.9	81.6	96.2	94.3	94.2
	2021	103.3**	64.8	104.0**	103.1**	97.5	95.2
<b>Pulau Pinang</b>	2020	99.4	81.2	87.4	103.4**	96.5	98.1
	2021	98.7	77.9	108.0**	118.8**	100.3**	106.0**
<b>Perak</b>	2020	101.2**	85.6	88.0	107.6**	97.2	97.8
	2021	104.4**	82.7	86.9	121.5**	100.9**	101.6**
<b>Perlis</b>	2020	86.1	90.2	94.6	95.0	99.6	94.7
	2021	86.0	88.1	93.8	99.9	102.7**	96.5
<b>Selangor</b>	2020	100.8**	87.9	91.6	102.5**	95.6	94.9
	2021	107.2**	85.3	94.0	119.0**	100.0**	99.98
<b>Terengganu</b>	2020	97.3	87.5	96.8	90.8	97.6	94.4
	2021	95.5	90.6	106.6**	100.2**	99.9	97.7
<b>Sabah</b>	2020	94.1	88.1	74.1	93.8	95.5	91.1
	2021	91.5	90.8	87.8	92.6	99.7	92.1
<b>Sarawak</b>	2020	92.1	95.4	91.8	91.6	96.2	93.3
	2021	89.0	91.4	100.9**	103.6**	99.8	96.3
<b>W.P Kuala Lumpur*</b>	2020	102.5**	90.6	74.3	94.3	95.7	93.0
	2021	102.1**	87.8	69.8	99.6	99.1	94.0
<b>W.P Labuan</b>	2020	86.9	-	93.8	98.9	101.2**	99.7
	2021	88.1	-	92.9	98.2	103.6**	100.2**

Nota: \*Termasuk W.P. Putrajaya

W.P.: Wilayah Persekutuan

Nota: \*\* Negeri yang telah memulih


Jadual 1(c) merekodkan indeks nilai ditambah ekonomi bagi lima sektor utama bagi setiap negeri pada tahun 2020 dan 2021. Lapan negeri melepas paras indeks 100 bagi sektor Pertanian iaitu Johor yang mencatatkan 105.6 diikuti Kedah (101.5), Kelantan (103.2), Melaka (103.2), Pahang (103.3), Perak (104.4), Selangor (107.2) dan W.P. Kuala Lumpur (102.1).

Ekonomi Malaysia memperoleh semula momentum pada tahun 2021 dibuktikan dengan peningkatan indeks nilai ditambah. Selangor mencatatkan nilai maksimum sebanyak 107.2 mata indeks bagi sektor Pertanian manakala nilai minimum bagi sektor tersebut direkodkan oleh Perlis dengan 86.0 mata indeks. Selain itu, nilai maksimum bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian direkodkan oleh Sarawak dengan 91.4 mata indeks manakala 64.8 mata indeks dicatatkan oleh Pahang sebagai nilai maksimum. Perak mencatatkan 121.5 mata indeks dalam sektor Pembuatan manakala 92.6 mata indeks direkodkan oleh Sabah yang merupakan nilai minimum bagi sektor tersebut. Sementara itu, sektor Pembinaan merekodkan 113.3 mata


indeks oleh Kelantan sebagai nilai maksimum dan 60.2 mata indeks oleh Johor sebagai nilai minimum. Seterusnya, nilai maksimum bagi sektor Perkhidmatan ialah 103.7 mata indeks dicatatkan oleh Kelantan manakala nilai minimum bagi sektor ini ialah 97.5 mata indeks bagi Pahang.

## 5.2 Skor berdasarkan jumlah nilai ditambah bagi setiap negeri

**Carta 1(a): Carta pengagihan skor mengikut sektor ekonomi dan negeri**



Carta 1(a), memaparkan skor bagi setiap negeri dalam setiap sektor. Negeri yang telah mencatatkan skor tertinggi dalam sektor Pertanian ialah Johor, Kelantan, Perak dan Selangor. Sementara itu, sektor Perlombongan dan pengkuarian menunjukkan Kelantan, Terengganu dan Sabah mempunyai skor yang lebih tinggi berbanding negeri lain. Sektor Pembuatan menunjukkan skor yang tinggi oleh Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Selain itu, Kelantan merekodkan skor tertinggi dalam sektor Pembinaan manakala sektor Perkhidmatan pula direkodkan oleh W.P. Labuan. Kesimpulannya, setiap negeri menunjukkan prestasi ekonomi yang berbeza-beza bagi setiap sektor.

**Carta 1(b): Plot skor dengan indeks nilai ditambah mengikut negeri, Malaysia, 2021****Carta 1(c): Plot skor dengan pertumbuhan KDNK mengikut negeri, Malaysia, 2021**

**Carta 1(d): Plot skor dengan nilai ditambah mengikut negeri, Malaysia, 2021**

Carta 1(b) memaparkan plot skor dengan indeks nilai ditambah mengikut negeri pada tahun 2021. Kuadran pertama menunjukkan tujuh negeri yang mempunyai skor tinggi dan indeks nilai ditambah tinggi iaitu Selangor, W.P. Labuan, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang. Sabah, Pahang, Sarawak dan Johor merupakan negeri yang berada pada kuadran kedua dengan skor tinggi dan indeks nilai ditambah rendah. Sementara itu, Malaysia dan empat negeri lain berada pada kuadran keempat dengan skor dan indeks nilai ditambah rendah.

Carta 1(c) memaparkan plot skor dengan pertumbuhan KDNK mengikut negeri pada tahun 2021. Selangor dan Pulau Pinang ialah negeri yang berada pada kuadran pertama dengan skor tinggi dan pertumbuhan KDNK tinggi. Pada kuadran kedua pula, terdapat sembilan negeri mempunyai skor tinggi dan pertumbuhan KDNK rendah iaitu W.P. Labuan, Pahang, Sabah, Kelantan, Johor, Sarawak, Negeri Sembilan, Kedah dan Perak. Tambahan pula, empat negeri lain berada pada kuadran keempat dengan skor dan pertumbuhan rendah.

Selangor merupakan satu-satunya negeri yang berada pada kuadran pertama dengan skor tinggi dan nilai ditambah tinggi (Carta 1(d)). Sementara itu, kebanyakan negeri berada pada kuadran kedua dengan skor tinggi dan nilai ditambah rendah. Antara negeri yang tergolong dalam kuadran ini ialah W.P. Labuan, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak. Selain itu, W.P. Kuala Lumpur berada pada kuadran ketiga dengan skor rendah dan nilai ditambah tinggi. Melaka, Perlis dan Terengganu pula didapati berada pada kuadran keempat dengan skor dan nilai ditambah rendah.

Secara keseluruhannya, Selangor merupakan negeri yang berada pada kuadran pertama bagi ketiga-tiga carta manakala Melaka, Terengganu dan Perlis berada pada kuadran keempat dalam setiap carta.

## 6.0 Rumusan

### 6.1 Ringkasan penemuan

Kesimpulannya, indeks nilai ditambah ekonomi di Malaysia telah direkodkan oleh Pulau Pinang dengan 106.0 mata indeks. Penyumbang utama kepada indeks nilai ditambah ini adalah sektor Pembuatan dengan 118.8 mata indeks. Tambahan pula, sumbangan ini dapat dilihat seiring dengan pertumbuhan KDNK bagi sektor tersebut iaitu 12.4 peratus pada tahun 2021 (2020: 2.8%).

Prestasi ekonomi Pulau Pinang ini turut disokong dengan pengagihan skor di setiap negeri. Di samping indeks nilai ditambah tinggi, pertumbuhan KDNK bagi negeri ini juga tinggi sebanyak 6.8 peratus (2020: -2.1) dengan nilai ditambah berjumlah RM99.0 bilion (2020: RM92.7 bilion). Selain sektor Pembuatan, sektor Pembinaan juga turut menyumbang kepada indeks nilai ditambah ekonomi ini iaitu sebanyak 108.0 mata indeks.

### 6.2 Prospek masa hadapan

Kerajaan telah mengambil inisiatif berterusan dengan mengumumkan pelbagai peruntukan untuk memastikan kelangsungan ekonomi negara. Salah satu inisiatif tersebut adalah seperti penyediaan peruntukan sebanyak RM4.83 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Peruntukan ini disalur bagi memastikan struktur pertanian menjadi lebih moden serta menjadikan struktur ekonomi negara lebih kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia. Tambahan pula, peruntukan ini turut diberikan agar kelangsungan rantaian makanan bagi setiap rakyat mencukupi.

Antara usaha lain kerajaan untuk membantu sektor ekonomi negara adalah melalui pembukaan semula sempadan antarabangsa. Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan permintaan luaran dan industri tempatan agar memenuhi permintaan pasaran global sekali gus meningkatkan prestasi ekonomi negara. Kemasukan tenaga buruh diharap dapat membantu melonjakkan pengeluaran dalam negara seterusnya pendapatan negara juga turut meningkat. Pembukaan sempadan juga dapat mendorong sektor pelancongan domestik dan antarabangsa untuk kembali rancak daripada tahun sebelumnya yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan. Di samping itu, unjuran pertumbuhan ekonomi ini didorong oleh penambahan beberapa stesen baharu di jajaran projek Landasan Rel Pantai Timur (ECRL). Pembinaan landasan ini adalah salah satu inisiatif kerajaan bagi membantu jaringan logistik dengan tujuan menjadikan pengangkutan kargo sebagai keutamaan.

Pasaran minyak dan gas bakal meningkat agar dapat menyokong lembaran imbangan kerajaan yang bakal membawa kepada lebih banyak pelaburan prasarana yang berkait secara langsung dengan pertumbuhan KDNK. Harga minyak yang kekal tinggi ini dilaksanakan kerana peningkatan permintaan yang dapat memberi prospek yang baik bagi Malaysia. Oleh itu, inisiatif-inisiatif dan peruntukan kerajaan ini akan dapat meningkatkan prestasi ekonomi di Malaysia.

Jika dibandingkan dengan negara jiran Indonesia, Malaysia mendahului kadar vaksinasi dan ini dapat memberi keyakinan rakyat untuk bebas menjalankan sebarang aktiviti sekali gus membantu penjanaan ekonomi Malaysia kepada yang lebih baik.

Walaupun orang ramai sudah mula menyesuaikan diri dengan fasa endemik, ancaman baharu telah timbul dalam bentuk gangguan rantaian bekalan berikutan ketegangan geopolitik yang berterusan antara Russia dan Ukraine serta keadaan cuaca yang tidak menentu. Usaha untuk merancakkan pemulihan ekonomi global pastinya akan terjejas oleh perkara ini termasuk di Malaysia. Bagi mencari penyelesaian menepis kesan konflik antara dua negara ini, Malaysia menjadi anggota perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) secara rasminya pada 18 Mac 2022. RCEP merupakan satu per tiga daripada dagangan dunia dan dipercayai akan memberi ruang dan peluang pemain industri tempatan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Kesimpulannya, kajian ini hanya tertumpu kepada pemulihan berdasarkan ekonomi sahaja. Oleh itu, cadangan lain boleh dilaksanakan dengan tidak hanya tertumpu kepada nilai KDNK malah boleh menggunakan pemboleh ubah seperti kadar pengangguran, pendapatan isi rumah, kadar tenaga buruh dan lain-lain.

## Rujukan

- Fan, S. (2020). *Agriculture, Food and Nutrition Security Under Covid-19: Lessons from China*. *Agrarian Studies*.
- Ilcheva, M. (2022, July 6). Covid-19 Economic Recovery Index January 2022. Diambil daripada Tableau Public: <https://public.tableau.com/app/profile/maria.ilcheva4975/viz/Covid-19EconomicRecoveryIndexJanuary2022/MAINDASHBOARD>
- Jiang, D., Zhao, R., & Wang, X. (2022). *Analysis on the Economic Recovery in the Post-COVID-19 Era: Evidence From China*.
- Morelli, A. (2020). *Methodology: New York City Economic Recovery Index*. Diambil daripada Investopedia: <https://www.investopedia.com/new-york-city-economic-recovery-index-methodology-5072061>
- Musa, A. S., & Abdul Rashid, S. M. (2021). Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Pekebun.
- Mutalib, Z. (9 Januari, 2020). Malaysia tangga ke-13 pemulihan COVID-19. Diambil daripada Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/909670/malaysia-tangga-ke-13-pemulihan-covid-19>
- Soomro, B. A., & Mangi, S. (2020). *Strategic factors and significance of organizational innovation and organizational learning in organizational performance*. *European Journal of Innovation Management*.
- Zhang, Y., Diao, X., Chen, K., Robinson, S., & Fan, S. (2020). *Impact of COVID-19 on China's macroeconomy and agri-food system – an economy-wide multiplier model analysis*.

## PRESTASI EKONOMI MENGIKUT NEGERI, 2021




**6** negeri utama menyumbang 72.2% kepada KDNK nasional

**5** negeri bertumbuh lebih baik daripada KDNK nasional



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PADA HARGA MALAR 2015 (%)



PERBANDINGAN NILAI KDNK DENGAN PARAS PRA-PANDEMIK 2019 MENGIKUT NEGERI



Petunjuk: ■ Di atas paras pra-pandemik (%)

\*Termasuk W.P. Putrajaya

W.P. Wilayah Persekutuan

KL: Kuala Lumpur

Supra State merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri (Sektor Perlombongan & pengkuarian)

### KADAR PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN NEGERI TERPILIH MENGIKUT 5 AKTIVITI UTAMA<sup>1</sup> (%)





# PRESTASI EKONOMI NEGERI 2021

Pada tahun 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pemulihan susulan daripada tindakan pantas yang diambil oleh pihak kerajaan. Impak pemulihan ini dapat dilihat apabila semua negeri mencatatkan prestasi positif pada tahun 2021 berbanding kemerosotan pada 2020. Dari sudut sumbangan, Selangor kekal menerajui ekonomi negara dengan sumbangan 24.8 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (15.7%), Johor (9.5%), Sarawak (9.5%), Pulau Pinang (7.1%) dan Sabah (5.7%). Enam negeri tersebut kekal sebagai penyumbang utama KDNK nasional dengan jumlah sumbangan sebanyak 72.2 peratus (2020: 72.1%).

## Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri

Dari sudut pertumbuhan, lima negeri merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih baik berbanding 3.1 peratus peringkat nasional. Negeri-negeri tersebut adalah Pulau Pinang (6.8%), Selangor (5.0%), Terengganu (3.6%), Perak (3.5%) dan Kedah (3.2%) seperti di **Jadual 1.5**.

Melihat kepada prestasi sektoral, terdapat beberapa negeri yang menyumbang kepada peningkatan bagi sektor-sektor utama. Sektor Perkhidmatan yang menyumbang 57.0 peratus kepada ekonomi Malaysia, mencatatkan pemulihan 1.9 peratus berbanding penurunan sebanyak 5.4 peratus

*“Enam negeri telah menyumbang 72.2 peratus kepada KDNK Malaysia”*

pada tahun sebelumnya. Negeri yang mempunyai sumbangan signifikan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan merupakan pendorong kenaikan sektor ini. Antara negeri-negeri yang menyumbang kepada peningkatan sektor ini ialah Kelantan (2.7%), Johor (2.6%), Perak (2.4%), Selangor (2.2%), Sarawak (2.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (1.6%).

Sementara itu, sektor Pembuatan yang menyumbang 24.3 peratus kepada KDNK nasional, mengukuh sebanyak 9.5 peratus (2020: -2.7%). Pertumbuhan yang memberangsangkan ini disokong oleh peningkatan dua angka oleh produk elektrik, elektronik & optikal dan kumpulan produk petroleum, kimia, getah & plastik. Lonjakan kedua-dua kumpulan tersebut turut menyumbang kepada pertumbuhan dua angka sektor Pembuatan terutama di Selangor (13.1%), Pulau Pinang (12.4%) dan Sarawak (11.2%).

Sektor Perlombongan & pengkuarian juga menunjukkan pemulihan dengan bertumbuh secara marginal 0.3 peratus berbanding

kejatuhan 9.7 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh lonjakan pengeluaran gas asli terutamanya di Sabah.

Sebaliknya, dengan sumbangan sebanyak 7.1 peratus kepada KDNK nasional, sektor Pertanian masih menyusut secara marginal, iaitu 0.2 peratus berbanding penyusutan 2.4 peratus pada tahun 2020. Penurunan ini dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran kelapa sawit, getah dan perikanan. Negeri yang menyumbang kepada penyusutan sektor ini ialah Perlis dengan mencatatkan penguncutan 6.0 peratus, diikuti Terengganu (-5.3%), Sarawak (-3.2%), Sabah dan Pulau Pinang (-2.4%), Melaka (-0.6%), Negeri Sembilan (-0.4%) dan Pahang (-0.1%).

Pada masa yang sama, sektor Pembinaan menyusut 5.2 peratus berbanding kemerosotan dua angka pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh penurunan bagi semua segmen kecuali aktiviti pertukangan khas. Walaupun sektor Pembinaan di peringkat nasional mencatatkan penyusutan, namun tujuh negeri merekodkan peningkatan iaitu Pahang yang mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan 18.5 peratus, Pulau Pinang (12.9%), Sarawak (10.2%), Sabah (7.9%), Terengganu (2.5%), Kelantan (1.2%) dan Perlis (0.2%).

Meskipun ekonomi Malaysia beransur pulih, KDNK masih lebih rendah 2.6 peratus berbanding paras ekonomi pra-pandemik pada tahun 2019, dengan penurunan sebanyak RM37.2 bilion. Penyusutan ini adalah berikutan penguncutan dalam kesemua aktiviti ekonomi utama kecuali Pembuatan yang pulih 6.6 peratus dari paras ekonomi pada tahun 2019. Walaupun KDNK Malaysia pada 3.1 peratus masih mencatatkan pertumbuhan di bawah paras pra-pandemik, lima negeri melebihi KDNK pada tahun 2019 iaitu Pulau Pinang yang merekodkan peningkatan tertinggi pada kadar 4.6 peratus



### **KDNK pada tahun 2021 bagi 5 negeri melepasi paras pra-pandemik 2019**

iaitu kenaikan sebanyak RM4.3 bilion diikuti Kedah (1.3%; RM0.6 bilion), Kelantan (1.2%; RM0.3 bilion), Perak (1.0%; RM0.8 bilion) dan W.P. Labuan (0.1%; RM6.0 juta).

**Johor** mencatatkan peningkatan 2.4 peratus (2020: -4.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.6 peratus (2020: -3.3%) disokong oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan kewangan & insurans. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus (2020: -3.7%) dipacu oleh peningkatan dalam produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sementara itu, sektor Pertanian menyederhana 0.6 peratus (2020: 2.8%) kesan daripada kejatuhan dalam tanaman kelapa sawit. Namun, perkembangan dalam sektor ini diimbangi oleh peningkatan aktiviti tanaman sayur-sayuran dan ternakan. Sektor Pembinaan menyusut 18.0 peratus (2020: -37.7%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam nilai kerja pembinaan bagi segmen kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

**Kedah** bertumbuh pada paras 3.2 peratus berbanding penurunan 1.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan meningkat 1.9 peratus (2020: -3.5%) didorong oleh

subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan manakala sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan 6.2 peratus (2020: 1.4%) dipacu oleh produk elektrik, elektronik & optikal dan aktiviti produk logam yang direka. Sementara itu, sektor Pertanian turut meningkat kepada 2.6 peratus (2020: -2.3%) susulan pemulihan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Ekonomi **Kelantan** berkembang kepada 2.4 peratus (2020: -1.2%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan yang memacu ekonomi Kelantan meningkat sebanyak 2.7 peratus (2020: -1.0%) ditunjangi oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Peningkatan sebanyak 1.0 peratus (2020: 0.1%) daripada sektor Pertanian turut menyumbang pemulihan negeri ini dirangsang oleh kenaikan dalam subsektor tanaman terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan.

Pertumbuhan lebih baik yang direkodkan oleh **Melaka** sebanyak 2.0 peratus berbanding penguncutan 5.9 peratus pada tahun 2020 adalah didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.3 peratus (2020: -4.6%) disokong oleh perdagangan borong & runcit, utiliti dan maklumat & komunikasi. Sektor

Pembuatan pula bertumbuh sebanyak 3.3 peratus (2020: -8.5%) ekoran kenaikan oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik serta produk elektrik, elektronik & optikal. Namun begitu, sektor Pertanian menyusut 0.6 peratus (2020: 3.4%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam subsektor tanaman sayuran.

**Negeri Sembilan** mencatatkan peningkatan 3.0 peratus berbanding penyusutan 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 2.0 peratus (2020: -1.0%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, utiliti dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan memulih kepada 7.2 peratus (2020: -4.9%) susulan pertumbuhan yang kukuh pada subsektor elektrik, elektronik & optikal dan produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian menyusut kepada paras negatif 0.4 peratus berikutan kemerosotan dalam aktiviti kelapa sawit dan tanaman sayuran. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan juga merekodkan penurunan marginal 0.3 peratus berbanding kejatuhan dua angka iaitu negatif 25.6 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh penyusutan dalam segmen kejuruteraan awam. Namun, pertumbuhan positif daripada segmen pembinaan bangunan dan aktiviti pertukangan khas telah mengimbangi prestasi sektor ini.

**Pahang** mencatatkan pertumbuhan 0.9 peratus (2020: -6.1%) dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Pahang merupakan satu-satunya negeri yang mengalami pertumbuhan negatif dalam sektor Perkhidmatan dengan merekodkan penyusutan 1.4 peratus (2020: -8.8%) dipengaruhi oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan. Kemerosotan ini juga dipengaruhi oleh subsektor perkhidmatan swasta lain, terutamanya dalam aktiviti rekreasi. Sektor Pertanian menyusut 0.1 peratus (2020: 1.2%) disebabkan kejatuhan dalam kelapa sawit dan



Sektor Perkhidmatan Melaka meningkat **2.3%** disokong oleh perdagangan borong & runcit, utiliti dan maklumat & komunikasi

aktiviti perhutanan & pembalakan. Walau bagaimanapun, sektor Pembuatan berkembang sebanyak 6.1 peratus (2020: -4.1%) diterajui oleh kenaikan dalam produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sementara itu, sektor Pembinaan melonjak kepada 18.5 peratus (2020: -21.7%) dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.


Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh **Pulau Pinang** pada paras 6.8 peratus (2020: -2.1%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.1 peratus (2020: -5.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Selain itu, pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan negeri ini kepada 12.4 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan 12.9 peratus (2020: -15.5%) dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman.

Ekonomi **Perak** meningkat 3.5 peratus berbanding penguncutan 2.4 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) yang dicatatkan oleh sektor

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

**Perlis** bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncutan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



**Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada 12.4%**



**Subsektor utiliti dan  
maklumat & komunikasi  
di Selangor kekal merekodkan  
pertumbuhan positif  
pada tahun 2021**

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

**Terengganu** berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambangkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

**Sarawak** berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

**W.P. Labuan** bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

### Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



### KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepas paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

**5 negeri**

melepas paras KDNK per kapita  
nasional pada tahun 2021

**Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri,  
2020-2021 pada harga semasa (RM)**

Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
<b>MALAYSIA</b>	<b>43,702</b>	<b>47,439</b>


\*Termasuk W.P. Putrajaya

**Jadual 1.5** Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	PERTANIAN	PERLOMBONGAN & PENGKUARAN	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	DUTI IMPORT	KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	..	..	..	..	2.2

\* Termasuk W.P. Putrajaya

.. Tidak berkenaan

**Carta 1.25** Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

■ Perkhidmatan ■ Pembuatan ■ Pertanian ■ Pembinaan ■ Perlombongan dan pengkuaran ■ Duti import

\*Termasuk W.P. Putrajaya

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# • PRESTASI EKONOMI PERAK

• SOSIOEKONOMI PERAK 2021

• PRESTASI EKONOMI PERAK 2021

• PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

- SEKTOR PERTANIAN
- SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN
- SEKTOR PEMBINAAN
- SEKTOR PEMBUATAN
- SEKTOR PERKHIDMATAN
  - ▶ Perdagangan borong dan runcit
  - ▶ Utiliti
  - ▶ Pengangkutan dan penyimpanan
  - ▶ Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
  - ▶ Perkhidmatan perniagaan
  - ▶ Penginapan dan makanan & minuman
  - ▶ Perkhidmatan pendidikan swasta
  - ▶ Perkhidmatan kesihatan swasta
  - ▶ Perkhidmatan kerajaan

• KADAR VAKSINASI 2021

• PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

• PAKEJ RANGSANGAN BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI

• INDEKS HARGA PENGGUNA

• RENCANA 2 : PANDEMIK COVID-19 SERTA KESANNYA TERHADAP SUBSEKTOR KENDERAAN BERMOTOR DI PERAK



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# SOSIOEKONOMI PERAK 2021

**KDNK:**  
**RM76.8 billion**  
 **3.5%**

 **PERKHIDMATAN**

**RM47.2 b**   
 **2.4%**  
 **61.4%**

 **PEMBUATAN**

**RM15.5 b**   
 **9.2%**  
 **20.1%**

 **PERTANIAN**

**RM11.8 b**   
 **3.1%**  
 **15.3%**

 **PEMBINAAN**

**RM1.9 b**   
 **-6.7%**  
 **2.5%**

 **PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN**

**RM0.4 b**   
 **-3.4%**  
 **0.5%**

**PETUNJUK**  
 Pertumbuhan  
 Sumbangan kepada KDNK  
 b Bilion



## INDEKS HARGA PENGGUNA

**2.7%** 



## DEMOGRAFI SOSIAL



### KELUASAN KAWASAN

**21,146 km<sup>2</sup>**



### JUMLAH PENDUDUK

**2.52juta**

 **52.0%**

 **48.0%**



### KADAR KESUBURAN

**JUMLAH\* 1.7**

Bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun



### JANGKAAN HAYAT

Ketika lahir (tahun)

 **72.0**  **78.2**



### PENDUDUK BEKERJA

**1.0 juta**



### KADAR PENGANGGURAN

**5.3%**



## STATISTIK PERDAGANGAN

**JUMLAH PERDAGANGAN RM77.3 billion**

### EKSPORT BARANG

**RM42.2 billion**

### EKSPORT BARANG UTAMA

 Sarung tangan getah

**RM12.3 billion**

### IMPORT BARANGAN

**RM35.0 billion**

### IMPORT BARANGAN UTAMA

 Kristal piezo elektrik & alat ganti

**RM3.0 billion**



## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

**BILANGAN PELAWAT DOMESTIK 4.5 juta**

### LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Ipoh Parade Shopping Centre

Taman Tasik Taiping

Teluk Batik

Lost World of Tambun

Lumut Waterfront



## PENDAPATAN PBT\*

**1 Majlis Bandaraya Ipoh**

**RM344.9 juta**

**2 Majlis Perbandaran Kuala Kangsar**

**RM119.2 juta**

**3 Majlis Perbandaran Teluk Intan**

**RM107.4 juta**

**Nota:** KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar  
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan

\*Data tahun 2020

**3.5%**  
Pertumbuhan  
ekonomi  
**Perak**

**RM76.8**  
**bilion**  
Nilai **KDNK** pada  
tahun **2021**

# PRESTASI EKONOMI PERAK 2021

**A**pabila dunia dikejutkan dengan fenomena penularan pandemik COVID-19, situasi ini telah mengubah gaya hidup manusia bagi menyesuaikan diri dengan norma baharu. Pandemik ini juga telah memberi impak luar biasa apabila negara kita mendepani penyusutan KDNK tahun 2020 pada kadar 5.5 peratus. Walau bagaimanapun, prestasi KDNK Negeri Perak yang direkodkan pada tahun yang sama adalah lebih baik berbanding peringkat nasional, iaitu penyusutan 2.4 peratus. Negeri Perak juga menduduki tangga kelima dalam senarai negeri yang mencapai prestasi KDNK yang lebih baik berbanding nasional. Pada bulan Julai 2021, Negeri Perak beralih ke fasa kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) apabila memenuhi semua nilai ambang yang ditetapkan. Seterusnya, Negeri Perak beralih ke fasa keempat PPN pada 8 November 2021 setelah mencapai imuniti kelompok di mana sekurang-kurangnya 80 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi. Pertumbuhan positif KDNK Negeri Perak dapat dilihat berikutan peralihan ini, seiring dengan peningkatan ekonomi di peringkat nasional. Pertumbuhan yang semakin baik ini juga turut disokong oleh keupayaan negara dalam mengekang penularan COVID-19 serta kejayaan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Negeri Perak memberi tumpuan untuk membantu rakyat yang terjejas melalui Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai lebih RM108 juta sepanjang tahun 2021, yang memperlihatkan momentum pemulihan yang lebih kukuh. Pada tahun 2021, sejumlah 354 projek telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Perak dengan nilai RM1.5 bilion. Selain itu, Negeri Perak juga menerima peruntukan sebanyak RM20 juta melalui Bajet 2022 bagi pelaksanaan pembangunan dalam sektor Jaminan Keselamatan Makanan, Pelancongan serta Pemuliharaan Alam Sekitar. Bagi golongan yang terjejas terutamanya kumpulan B40, Kerajaan negeri mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera 2021 berjumlah RM19.5 juta bagi

mengurangkan impak pandemik COVID-19 akibat penutupan sektor sosial dan ekonomi sepanjang sekatan pergerakan.

Prestasi KDNK Perak pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan yang baik iaitu bertumbuh pada kadar 3.5 peratus (2020: -2.4%) dan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM76.8 bilion berbanding RM74.2 bilion pada tahun 2020 (**Carta 2.1**). Secara keseluruhannya, ekonomi Perak kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 61.4 peratus manakala sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing menyumbang sebanyak 20.1 peratus dan 15.3 peratus. Selain itu, sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 2.5 peratus manakala 0.5 peratus disumbangkan oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian seperti dipaparkan pada **Carta 2.2**.


Nilai ditambah pada tahun 2021 bagi sektor Perkhidmatan direkodkan berjumlah RM47.2 bilion. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) (**Carta 2.3**) didorong oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Aktiviti-aktiviti ini menyumbang melebihi 50 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perak. Bagi merancakkan lagi sektor ini, Kerajaan Perak memperuntukkan RM25.9 juta dalam usaha pemulihan dan meningkatkan potensi industri pelancongan negeri pada tahun 2021, yang meliputi pelbagai program pelancongan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan kempen pelancongan domestik dengan menyediakan 10,000 keping baucar pelancongan #TravelPeraklah yang bernilai RM150, RM50 dan RM30 melibatkan pengusaha penginapan dan pengusaha produk pelancongan yang terpilih. Inisiatif ini bertujuan untuk merancakkan semula pelancongan domestik di Negeri Perak.

Seterusnya, nilai ditambah bagi sektor Pembuatan berjumlah RM15.5 bilion dengan kadar pertumbuhan 9.2 peratus berbanding 3.5 peratus tahun 2020. Peningkatan sektor ini dipengaruhi oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal yang berkembang baik iaitu 9.0 peratus (2020: 4.5%).


Bagi sektor Pertanian pula, Perak mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM11.8 bilion pada tahun 2021 (2020: RM11.4 bilion). Sektor ini merekodkan pertumbuhan 3.1 peratus pada tahun 2021 (2020: 1.0%) yang

**Carta 2.1**


### Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Perak, 2015-2021

**Carta 2.2**

### Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2021

**Carta 2.3**

### Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2020-2021



**Paparan 2.1**

**Nilai ditambah mengikut sektor utama Perak, 2021**



didorong oleh peningkatan dalam aktiviti tanaman kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi membangunkan sektor pertanian di negeri ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM58.5 juta pada tahun 2021, iaitu meningkat sebanyak 10.6 peratus. Sebanyak RM41.7 juta diperuntukkan bagi Belanja Mengurus manakala RM16.8 juta bagi Belanja Pembangunan. Sementara itu, Kerajaan Negeri melalui program Pembangunan Industri Tanaman menyalurkan bantuan kepada para petani dalam bentuk pembangunan infrastruktur, pengairan, input pertanian dan lain-lain yang bersesuaian. Di bawah Paket Rangsangan Ekonomi Negeri Perak, kerajaan negeri telah mengerakkan Program Perikanan Bandar di 11 buah tapak bekas lombong dengan peruntukan RM1.7 juta. Program ini memberi manfaat kepada 113 orang peserta B40 di daerah Kinta dan Kampar dengan sasaran pendapatan RM1,500 sehingga RM3,000 sebulan. Selain meningkatkan pendapatan peserta, projek ini juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Sementara itu, sektor Pembinaan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM1.9 bilion pada tahun 2021 (2020: RM2.1 bilion). Dari segi pertumbuhan, sektor ini merosot 6.7 peratus (2020: -17.4%) dipengaruhi oleh peningkatan dalam beberapa projek terutamanya bagi subsektor bangunan bukan kediaman dan pembinaan pertukangan khas yang merekodkan pertumbuhan positif iaitu masing-masing 2.1 peratus (2020:-31.2%) dan 27.0 peratus (2020: 9.4%).

Sektor Perlombongan dan pengkuarian pula turut mencatatkan pertumbuhan pada kadar negatif 3.4 peratus (2020: -14.4%) dengan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM417.3 juta dipengaruhi oleh aktiviti pemecahan batu dan pengkuarian batu kapur.

## PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

### SEKTOR PERTANIAN

**S**ektor Pertanian memainkan peranan yang penting di dalam ekonomi sesebuah negeri melalui sumbangannya kepada hasil negeri, perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berdasarkan sumber. Pada tahun 2021, sektor Pertanian di Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM11.8 bilion berbanding RM11.4 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan 1.0 peratus pada tahun sebelumnya dan menyumbang 15.3 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak pada 2021.

Pada 2021, subsektor tanaman merupakan penyumbang majoriti sektor Pertanian di Perak dengan sumbangan sebanyak 51.7 peratus, diikuti subsektor ternakan (23.9%), perikanan (21.8%), serta perhutanan & pembalakan (2.7%). Prestasi pertumbuhan 3.1 peratus dalam sektor Pertanian ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam subsektor ternakan (4.8%), diikuti subsektor tanaman (3.4%) dan juga subsektor perikanan (1.2%).

Subsektor tanaman mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4 peratus berbanding 0.6 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (**Jadual 2.1**), Perak mencatatkan peningkatan pengeluaran buah tandan segar iaitu

1.9 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya (2020: 0.2%).

Aktiviti tanaman buah-buahan telah mencatatkan pertumbuhan dua digit yang memberangsangkan. Antara penyumbang utama tanaman buah-buahan ialah tanaman durian, pisang, betik dan rambutan. Aktiviti tanaman sayur juga menunjukkan prestasi yang positif, di mana antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan peningkatan adalah tanaman sawi, kacang panjang dan bendi. Tanaman padi turut menyumbang kepada pertumbuhan subsektor tanaman di Perak.

Subsektor ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Perak juga telah mencatatkan pertumbuhan 4.8 peratus berbanding 0.1 peratus pada 2020. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti ternakan ayam & itik serta aktiviti pengeluaran telur ayam.

Subsektor perikanan turut mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan 1.2 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pendaratan ikan laut.

Bagi subsektor perhutanan & pembalakan pula merosot sebanyak 0.6 peratus berbanding negatif 0.4 peratus pada tahun sebelumnya.

## SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

**S**ektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM417.3 juta berbanding RM432.1 juta pada tahun 2020. Sumbangan sektor ini adalah 0.5 peratus kepada KDNK Perak.

Pada tahun 2021, sektor ini menyusut 3.4 peratus (2020: -14.4%) seperti pada **Carta 2.5**. Penurunan ini dipengaruhi oleh pemecahan batu dan pengkuarian batu kapur. Selain itu, aktiviti perlombongan bijih timah, perlombongan kaolin dan pengkuarian pasir turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

## SEKTOR PEMBINAAN

**P**erak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.0 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2021 berbanding RM2.1 bilion yang direkodkan pada tahun 2020. Sektor tersebut menyumbang sebanyak 2.5 peratus kepada keseluruhan ekonomi Perak.

Pada tahun 2021, pertumbuhan sektor Pembinaan di Perak merekodkan kemerosotan yang lebih kecil kepada negatif 6.7 peratus (2020: -17.4%). Peningkatan tersebut disokong oleh subsektor bangunan bukan kediaman dan pembinaan pertukangan khas yang merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021.

Walau bagaimanapun, subsektor bangunan kediaman dan kejuruteraan awam yang menyumbang masing-masing sebanyak 37.7 peratus dan 20.1 peratus kepada sektor Pembinaan Perak seperti pada **Paparan 2.2** merekodkan pertumbuhan prestasi yang negatif.


### Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Perak ialah:

- ◆ Pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembetungan di Papan, Daerah Kinta;
- ◆ Engineering, procurement, construction, and commissioning (EPCC) for the large scale solar photovoltaic plant, Daerah Kerian;
- ◆ Development of 25.8MW Sg. Pelus small hydro-electric project;
- ◆ Pembinaan politeknik Bagan Datuk; dan
- ◆ Engineering, procurement, construction, installation and commissioning (EPCIC) for the Pegaga Development Project.

### Paparan 2.2

#### Komposisi sektor Pembinaan, Perak, 2021



## SEKTOR PEMBUATAN


**S**ektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua terbesar ekonomi Perak dengan sumbangan sebanyak 20.1 peratus. Peningkatan nilai ditambah telah direkodkan daripada RM14.2 pada tahun 2020 kepada RM15.5 bilion pada tahun 2021. Nilai tersebut telah mendorong kepada kadar pertumbuhan mapan pada paras 9.2 peratus.

Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh Perak adalah dipelopori oleh kumpulan produk elektrik, elektronik dan optikal serta kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Kedua-dua kumpulan tersebut merupakan pemacu kepada sektor Pembuatan di Perak dengan sumbangan masing-masing sebanyak 33.6 peratus dan 24.8 peratus seperti ditunjukkan pada **Carta 2.6**. Kumpulan produk elektrik, elektronik dan optikal berkembang 9.0 peratus (2020: 4.5%) disumbangkan oleh komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna.

Sementara itu, kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik kekal merekodkan kadar peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 18.0 peratus (2020: 32.0%) didominasi oleh pembuatan sarung tangan getah. Produk tersebut merupakan antara industri yang mendapat manfaat berikutan daripada peningkatan permintaan daripada industri kesihatan dalam menghadapi krisis COVID-19. Selain itu, bahan kimia dan produk kimia turut meningkat kepada 6.2 peratus (2020: 4.6%) disokong oleh pembuatan sebatian bukan organik.

Subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta subsektor minyak & lemak daripada sayuran & haiwan merekodkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya dengan masing-masing berkembang 4.7 peratus dan 3.6 peratus. Selain itu, peningkatan dalam industri peralatan

**“ RM15.5 bilion nilai ditambah sektor Pembuatan Perak pada tahun 2021 ”**



pengangkutan, pembuatan lain dan pemberian turut mendorong pertumbuhan mapan sektor Pembuatan Perak.

Secara keseluruhan, jumlah nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan Perak adalah sebanyak RM6.1 bilion. Industri pembuatan makanan merekodkan penerimaan pelaburan tertinggi daripada segmen pelaburan asing, diikuti industri getah menerima pelaburan sebanyak RM2.3 bilion manakala kimia dan produk kimia sebanyak RM384.5 juta.


## SEKTOR PERKHIDMATAN

**P**embukaan semula beberapa sektor ekonomi secara berperingkat pada 2021, ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan di sesebuah negeri. Pada 2021, sektor Perkhidmatan di Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM47.2 bilion (2020: RM46.1b) iaitu pertambahan sebanyak RM1.1 bilion berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatatkan pengurangan RM1.9 bilion. Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK Perak pada tahun 2021 adalah sebanyak 61.4 peratus (2020: 62.1%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan

sederhana 2.4 peratus berbanding penyusutan 4.0 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada **Jadual 2.2**.

### Paparan 2.3

#### Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan



### Perdagangan borong dan runcit

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihian ekonomi telah memberi ruang untuk merancakkan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong & runcit.

Pada 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 22.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perak. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh marginal 0.6 peratus (2020: -4.3%) dipengaruhi oleh segmen borong dan runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus berbanding penyusutan 4.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini disokong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan dan juga aktiviti jualan runcit barang lain di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Perak adalah 52.2 peratus seperti pada **Carta 2.7**.

Sementara itu, segmen borong turut bertumbuh sederhana kepada 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -3.2%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti jual borong makanan, minuman & tembakau, diikuti aktiviti jual borong barang isi rumah dan aktiviti jual borong bahan mentah, pertanian & haiwan hidup. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit Perak adalah 38.0 peratus. Kepelbagaiannya dalam penumpuan produk pengeluaran telah memberikan impak yang berbeza terhadap prestasi borong di negeri.

Namun prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada negatif 14.7 peratus (2020: -8.7%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan kenderaan bermotor, dan juga aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

## Utiliti

Subsektor utiliti di Perak meningkat 2.7 peratus (2020: -9.3%) pada tahun 2021 dengan nilai ditambah RM9.3 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif 2.3 peratus (2020: -10.1%) di dalam segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara terutama dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik.

Segmen bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mencatatkan nilai ditambah RM513.9 juta dengan kadar pertumbuhan 8.5 peratus pada tahun 2021 dipacu oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.

Trend pemulihan sektor-sektor lain seperti Pembuatan, pengangkutan & penyimpanan dan borong & runcit telah mendorong pertumbuhan perkhidmatan utiliti yang lebih baik di negeri Perak.

## Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 2.3 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Perak. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan peningkatan 3.1 peratus berbanding kemerosotan 18.2 peratus pada tahun sebelumnya. Aktiviti pengangkutan darat merupakan peneraju utama dengan sumbangan 49.7 peratus, diikuti operasi lebuh raya (18.0%), perkhidmatan pos & kurier (17.6%), pelabuhan & operasi penerbangan (8.4%), pengangkutan lain (5.1%), pengangkutan air (1.0%) dan pengangkutan udara (0.2%) seperti pada **Carta 2.8**.

Aktiviti pengangkutan darat, air dan pengangkutan lain mencatatkan pemulihan susulan pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara menyokong pertumbuhan positif industri ini.

Walau bagaimanapun, operasi lebuh raya dan pengangkutan udara masih mencatatkan kelembapan berikutkan kawalan pergerakan yang masih dikuatkuasa pada tahun 2021.

## Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 10.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Pahang dengan nilai ditambah berjumlah RM4.8 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.0 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 0.9 peratus disokong oleh aktiviti perkhidmatan teknologi maklumat dan komputer lain.

## Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 11.2 peratus (2020: -14.5%) dipengaruhi oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 71.8 peratus. Aktiviti ini

menguncup 6.5 peratus daripada negatif 7.9 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut termasuklah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah. Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 28.2 peratus dan mencatatkan penurunan 21.2 peratus (2020: -25.9%) dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembalaan dan pembersihan am bangunan.

### **Perkhidmatan penginapan dan makanan & minuman**

Subsektor penginapan di Perak masih mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 19.1 peratus pada tahun 2021 (2020: -44.5%) dan merekodkan nilai ditambah RM138.6 juta. Berdasarkan data bilangan penumpang yang dikendalikan mengikut lapangan terbang juga turut menunjukkan trend yang sama iaitu menyusut 65.1 peratus bagi tahun 2021 (2020: -78.0%).

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 4.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Perak. Subsektor ini menyusut 6.9 peratus (2020: -17.6%) dengan merekodkan nilai ditambah RM2,134.0 juta pada tahun 2021.

### **Perkhidmatan pendidikan swasta**

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 0.8 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Perak. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 5.1 peratus (2020: -4.7%). Ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam aktiviti pendidikan tinggi sebanyak 6.3 peratus. Berdasarkan **Carta 2.9**, aktiviti pendidikan tinggi kekal menjadi penyumbang utama dengan

sumbangan sebanyak 65.2 peratus kepada keseluruhan subsektor Perkhidmatan pendidikan swasta Perak. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (16.1%), pendidikan menengah (10.0%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (8.5%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.2%).

### **Perkhidmatan kesihatan swasta**

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Perak. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 4.1 peratus berbanding negatif 7.5 peratus pada tahun 2020 seterusnya merekodkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM576.2 juta.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

### **Perkhidmatan kerajaan**


Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Perak adalah sebanyak RM9.3 bilion berbanding RM8.8 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (2020: 4.6%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 19.6 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Perak. Kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di negeri ini dengan sumbangan sebanyak 86.5 peratus diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.


## CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

**Carta 2.4**


Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2020-2021

**Carta 2.5**

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2015-2021

**Carta 2.6**


Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2021




- Produk elektrik, elektronik dan optikal
- Produk petroleum, kimia, getah dan plastik
- Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka
- Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan
- Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembalakan
- Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan
- Produk tekstil, pakaian dan kulit
- Minuman dan produk tembakau

**Carta 2.7**

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perak, 2021

**Carta 2.8**


Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perak, 2021



- Pengangkutan darat
- Operasi lebuhraya
- Perkhidmatan pos & kurier
- Pelabuhan & operasi penerbangan
- Pengangkutan lain
- Pengangkutan air
- Pengangkutan udara

**Carta 2.9**

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Perak, 2021



**JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR****Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2020-2021**


Perak	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2020	2021	2020	2021
Buah tandan segar ('000 tan)	9,610	9,789	0.2	1.9
Minyak sawit mentah ('000 tan)	1,841	1,902	-0.7	3.4
Isirong sawit ('000 tan)	506	513	-1.7	1.4
Keluasan belum matang (hektar)	39,211	33,021	-10.5	-15.8
Keluasan matang (hektar)	352,557	335,998	-3.1	-4.7

Sumber: MPOB

**Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2020-2021**


Subsektor	2020 <sup>e</sup>			2021 <sup>p</sup>		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	14,571	31.6	-5.4	15,202	32.2	4.3
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	13,089	28.4	-7.8	12,956	27.5	-1.0
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,660	12.3	-0.2	5,888	12.5	4.0
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,979	8.6	-7.8	3,850	8.2	-3.2
Perkhidmatan kerajaan	8,773	19.0	4.6	9,265	19.6	5.6
<b>Jumlah</b>	<b>46,071</b>	<b>100.0</b>	<b>-4.0</b>	<b>47,161</b>	<b>100.0</b>	<b>2.4</b>

## KADAR VAKSINASI, 2021



## PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021

### JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021 RM530 bilion



## PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021

NOTA: 2020 2021

## PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022

2020	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		2022	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS	
 <b>RM31.6 JUTA</b> Penjaja/peniaga kecil/ usahawan	 <b>RM26.7 JUTA</b> Insentif cukai tanah	<b>RM129.9 JUTA</b> <b>JUMLAH IMPLIKASI KEWANGANAN, 2020</b>	 <b>RM3.6 JUTA</b> Pembangunan luar bandar, pembangunan usahawan dan koperasi negeri Perak	 <b>RM1.7 JUTA</b> Perlادangan, pertanian dan industri makanan	<b>RM47.0 JUTA</b> <b>JUMLAH IMPLIKASI KEWANGANAN, 2022</b>
 <b>RM23.1 JUTA</b> Kebajikan awam & kesihatan	 <b>RM21.5 JUTA</b> Pelancongan		 <b>RM1.5 JUTA</b> Infrastruktur, tenaga, air dan pengangkutan awam	 <b>RM6.5 JUTA</b> Perumahan, kerajaan tempatan, dan pelancongan	
 <b>RM19.3 JUTA</b> Pendidikan & modal insan	 <b>RM7.7 JUTA</b> Pertanian	<b>JUMLAH IMPLIKASI KEWANGANAN, 2021</b>	 <b>RM1.4 JUTA</b> Kesihatan, sains, alam sekitar dan teknologi hijau	 <b>RM2.1 JUTA</b> Belia, sukan, komunikasi dan multimedia	
 <b>RM15.0 JUTA</b> Penjaja/peniaga kecil/ usahawan	 <b>RM33.3 JUTA</b> Insentif cukai tanah	<b>RM108.3 JUTA</b> <b>JUMLAH IMPLIKASI KEWANGANAN, 2021</b>	 <b>RM5.0 JUTA</b> Pendidikan, pengajian tinggi dan sumber manusia	 <b>RM0.9 JUTA</b> Industri, pelaburan dan pembangunan koridor	<b>RM29.0 JUTA</b> Program pemantapan infrastruktur bagi memacu kesejahteraan (pemacu) di seluruh negeri Perak
 <b>RM41.0 JUTA</b> Kebajikan awam & kesihatan	 <b>RM2.8 JUTA</b> Pelancongan		 <b>RM0.6 JUTA</b> Perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna, integrasi nasional dan masyarakat sivil		
 <b>RM14.5 JUTA</b> Pendidikan & modal insan	 <b>RM1.6 JUTA</b> Pertanian				

Nota:  
 Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

# INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjelaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan ini sedikit sebanyak telah membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) meningkat kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/liter).

**IHP Perak merekodkan peningkatan pada 2.7%**



Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Perak mencatatkan peningkatan kepada 2.7 peratus berbanding negatif 1.3 peratus yang dicatatkan pada 2020 (**Carta 2.10**). Kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barang. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan makanan haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut dan sayur-sayuran.

Kenaikan inflasi di negeri ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi kepada 2.7 peratus ini disumbangkan oleh indeks pengangkutan iaitu pada 11.7 peratus, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.4%), makanan & minuman bukan alkohol (1.8%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (1.8%), restoran & hotel (1.2%) dan kesihatan (1.2%) seperti yang dipaparkan di **Jadual 2.3**.

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 11.7 peratus pada 2021 berbanding negatif 10.8 peratus yang direkodkan pada 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat 2.4 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 3.4 peratus yang dilaporkan pada tahun 2020. Kenaikan tertinggi adalah daripada subkumpulan elektrik, gas & bahan api.

Inflasi makanan & minuman bukan alkohol meningkat pada 1.8 peratus berbanding 1.6 peratus dicatatkan pada 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan beberapa subkumpulan seperti subkumpulan minyak & lemak (4.1%), ikan segar & makanan

laut (3.3%), susu, keju & telur (3.3%), daging (3.2%) dan keluaran makanan t.t.t.l (2.5%). Semua subkumpulan makanan & minuman bukan alkohol mencatatkan inflasi positif seperti dipaparkan pada **Jadual 2.4**.

Inflasi hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 1.8 peratus berbanding 0.2 peratus pada 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, permaidani dan penutup lantai lain.


**“ Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan pada **11.7%** ”**

**Paparan 2.4 Purata harga item terpilih, Perak, 2020-2021**

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1 kg	8.08	8.49
Telur Gred A	10 biji	3.68	3.94
Telur Gred B	10 biji	3.38	3.59
Telur Gred C	10 biji	3.11	3.30
Ikan Kembung	1 kg	15.00	14.97
Sawi	1 kg	4.40	4.99
Bayam	1 kg	3.95	4.27

## CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

**Carta 2.10 Perubahan tahunan IHP, Perak, 2011-2021**



**Jadual 2.3**

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Perak, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	1.6	1.8
Minuman alkohol & tembakau	0.6	0.5
Pakaian & kasut	-0.3	.05
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	-3.4	2.4
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	0.2	1.8
Kesihatan	1.4	1.2
Pengangkutan	-10.8	11.7
Komunikasi	1.7	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	0.6	0.1
Pendidikan	0.4	0.4
Restoran & hotel	0.2	1.2
Pelbagai barang & perkhidmatan	2.3	0.3
<b>Keseluruhan</b>	<b>-1.3</b>	<b>2.7</b>

**Jadual 2.4**

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Perak, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	1.6	1.8
Makanan di luar rumah	1.4	1.3
Beras, roti dan bijirin	1.3	1.1
Daging	2.0	3.2
Ikan segar dan makanan laut	1.0	3.3
Susu, keju dan telur	-1.8	3.3
Minyak dan lemak	2.0	4.1
Buah-buahan	1.5	0.6
Sayur-sayuran	5.2	0.6
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	0.3	0.6
Keluaran makanan t.t.t.l	4.3	2.5
<b>Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol</b>	<b>0.5</b>	<b>0.4</b>

**Rencana 2:****Pandemik COVID-19 Serta Kesannya Terhadap Subsektor Kenderaan Bermotor di Perak<sup>1</sup>**

Oleh: Mohd Sabaruddin bin Jaafar dan Jay Purani a/p Arumugam,  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak

**1.0 Pendahuluan**

Prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2021 menunjukkan momentum pemulihan dengan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding penurunan 5.5 peratus pada tahun 2020 (**Carta 2(a)**). Berdasarkan Laporan Keluaran KDNK Negeri 2021, Perak merupakan penyumbang ketujuh terbesar sebanyak 5.5 peratus kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2021. KDNK Perak menunjukkan pertumbuhan positif 3.5 peratus berbanding negatif 2.3 peratus pada tahun 2020. Ekonomi Perak kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 61.4 peratus diikuti dengan sektor Pembuatan 20.1 peratus, Pertanian 15.3 peratus, Pembinaan 2.5 peratus dan Perlombongan & pengkuarian 0.7 peratus (**Carta 2(b)**).


Sektor Perkhidmatan di Perak (**Jadual 2(a)**), memulih kepada 2.4 peratus (2020: -4.0 peratus) didorong oleh subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi, 4.3 peratus dan subsektor kewangan & insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, 4.0 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor perkhidmatan lain-lain menguncup 3.2 peratus diikuti dengan subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan negatif 1.0 peratus. Namun pertumbuhan dalam subsektor perkhidmatan kerajaan telah mengimbangi kesan penyusutan dalam sektor Perkhidmatan.

Penguncupan ekonomi susulan daripada pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada hampir semua sektor di negeri Perak. Industri automotif turut berdepan situasi sukar susulan daripada pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah kawalan penularan wabak dan pengurangan risiko jangkitan dari semasa ke semasa (Balis, 2020). Pada masa yang sama, situasi ini turut memberikan kesan terhadap operasi perniagaan secara drastik. Sehingga tahun kedua penularan COVID-19 ini, kehidupan seharian rakyat masih lagi terjejas dan belum pulih seperti sediakala. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan telah memberi kesan kepada rantaian bekalan automotif khususnya industri pengeluaran dan pengedaran produk automotif kenderaan bermotor, komponen dan alat ganti serta penjualan dan penyelenggaraan kenderaan bermotor ((MITI), 2020). Pelaksanaan PKP telah membawa implikasi yang luas kepada seluruh ekosistem automotif di negara ini.

Penulisan ini akan menjurus kepada prestasi nilai jualan subsektor kenderaan bermotor yang merangkumi penjualan, penyelenggaraan, komponen dan alat ganti kenderaan bermotor yang turut terkesan oleh pandemik COVID-19 di negeri Perak.


<sup>1</sup> Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

**Carta 2(a): Prestasi perubahan peratusan suku tahunan KDNK Malaysia dan Perak pada harga malar 2015, (2016-2021)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2(b): Peratus sumbangan kepada KDNK Perak mengikut jenis aktiviti pada harga malar 2015, (2015-2021)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2(a): Siri masa perubahan peratusan tahunan KDNK sektor Perkhidmatan pada harga malar 2015, Perak, 2016-2021**

Jenis aktiviti ekonomi	Perubahan Peratusan Tahunan					
	2016	2017	2018	2019	2020 <sup>e</sup>	2021 <sup>p</sup>
<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>5.5</b>	<b>5.6</b>	<b>6.7</b>	<b>4.5</b>	<b>-4.0</b>	<b>2.4</b>
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	6.6	5.7	7.9	2.0	-5.4	4.3
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	6.5	7.6	8.8	7.5	-7.8	-1.0
Kewangan dan insurans, hartaanah dan perkhidmatan perniagaan	2.4	2.0	2.9	5.0	-0.2	4.0
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	4.9	5.1	5.1	5.1	-7.8	-3.2
Perkhidmatan kerajaan	4.7	4.8	4.5	3.5	4.6	5.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 2.0 Senario Perkembangan Industri Automotif


Perdagangan borong & runcit menyumbang 29.3 peratus (**Jadual 2(b)**) kepada sektor Perkhidmatan bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2021. Sektor ini berkembang 1.6 peratus berbanding tahun 2020. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor perdagangan runcit pada 3.2 peratus dan perdagangan borong, 3.1 peratus. Walau bagaimanapun, kenderaan bermotor menguncup 12.6 peratus (**Carta 2(c)**).

**Jadual 2(b): KDNK Malaysia bagi Sektor Perkhidmatan mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015**

Jenis aktiviti ekonomi	RM Juta		% Sumbangan kepada KDNK	YoY
	2020 <sup>e</sup>	2021 <sup>p</sup>		
Utiliti	37,857	38,837	4.9%	2.6%
Perdagangan borong dan runcit	228,260	232,006	29.3%	1.6%
Makanan & minuman dan penginapan	36,527	32,513	4.1%	-11.0%
Pengangkutan dan penyimpanan	42,139	42,671	5.4%	1.3%
Maklumat dan komunikasi	89,252	94,874	12.0%	6.3%
Kewangan	70,975	77,481	9.8%	9.2%
Insurans	25,130	28,232	3.6%	12.3%
Hartanah	17,512	15,216	1.9%	-13.1%
Perkhidmatan perniagaan	40,887	36,756	4.6%	-10.1%
Kediaman yang didiami oleh pemilik	32,440	32,901	4.2%	1.4%
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	29,557	27,039	3.4%	-8.5%
Perkhidmatan kerajaan	124,245	131,016	16.6%	5.4%
Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	418	527	0.1%	26.1%
Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	1,159	998	0.1%	-13.9%
<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>776,358</b>	<b>791,067</b>	<b>100.0%</b>	<b>1.9%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2(c): KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015 bagi subsektor perdagangan borong dan runcit - perubahan peratusan tahunan (2016-2021)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri automotif semakin berkembang di negara anggota ASEAN yang menawarkan peluang yang luas untuk pelaburan bagi pengeluar dan pengedar komponen kenderaan bermotor. Pembuatan dan pengeluaran kenderaan mulai meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya di Thailand, Indonesia, Vietnam dan Malaysia. Jualan kereta baharu (**Jadual 2(c)**), ditujuh ekonomi utama ASEAN adalah sebanyak 2.79 juta kenderaan pada tahun 2021, peningkatan sebanyak 14.0 peratus daripada tahun 2020. Ini menunjukkan peningkatan positif dalam tempoh tiga tahun. Lonjakan ketara dalam permintaan di Indonesia serta kelonggaran sekatan pergerakan COVID-19 di beberapa negara pada separuh kedua 2021 turut menjadi faktor utama peningkatan ini (AAF, 2021).

Industri automotif Malaysia adalah yang ketiga terbesar di Asia Tenggara. Industri ini merangkumi pengeluaran kenderaan bermotor termasuk kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal dan skuter serta komponen dan alat ganti automotif. Industri automotif adalah sebahagian daripada ekosistem lengkap yang merangkumi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Bagi memastikan industri automotif terus kompetitif, Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020) telah dilancarkan pada Februari 2020 dengan matlamat

untuk menjadikan negara sebagai peneraju pembuatan automotif di rantau ini (Express, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan telah memberi kesan kepada rantaian bekalan automotif khususnya industri pengeluaran dan pengedaran produk automotif, komponen dan alat ganti, serta penjualan dan penyelenggaraan kenderaan bermotor. Pelaksanaan PKP telah membawa implikasi yang luas kepada seluruh ekosistem automotif di negara ini. Pada 2020, Jumlah Volume Industri (TIV) Malaysia pada tahun 2020 menyusut sehingga 12.4 peratus, berbanding 2019. Segmen kenderaan penumpang kekal dominan dengan penguasaan pasaran, didorong oleh pengecualian cukai jualan yang diperkenalkan antara Jun dan Disember 2020.


Walau bagaimanapun, dengan peningkatan kes COVID-19 dan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan melalui Pelan Pemulihan Negara pada tahun 2021 sekali lagi memberikan kesan kepada ekonomi khususnya industri kenderaan bermotor. Jualan kenderaan menunjukkan pemulihian bermula suku tahun keempat 2021 (**Carta 2(d)**), walaupun secara keseluruhan pada tahun 2021 masih mencatatkan pertumbuhan negatif 3.9 peratus dengan hanya 508,911-unit kenderaan dijual (MAA, 2021).

**Jadual 2(c): Statistik jumlah kenderaan dijual bagi negara ASEAN**

Negara	Jumlah Kenderaan Dijual			Perubahan Peratusan Tahunan (%)			
	Kenderaan Penumpang	Kenderaan Komersil	Jum Kenderaan	2018	2019	2020	2021
Indonesia	659,806	227,396	887,202	6.6%	-10.5%	-48.4%	66.8%
<b>Malaysia</b>	<b>452,663</b>	<b>56,248</b>	<b>508,911</b>	<b>3.8%</b>	<b>1.0%</b>	<b>-12.4%</b>	<b>-3.9%</b>
Myanmar	7,381	1,969	9,350	113.1%	25.1%	-19.2%	-47.2%
Filipina	85,260	183,228	268,488	-16.0%	3.5%	-39.5%	20.0%
Singapura	48,011	10,942	58,953	-18.0%	-5.1%	-37.6%	4.5%
Thailand	317,874	436,380	754,254	19.5%	-3.3%	-21.4%	-4.8%
Vietnam	214,384	89,765	304,149	15.2%	11.7%	-8.0%	2.5%
<b>Jumlah</b>	<b>1,785,379</b>	<b>1,005,928</b>	<b>2,791,307</b>	<b>6.7%</b>	<b>-2.9%</b>	<b>-29.0%</b>	<b>14.0%</b>

Sumber: Persekutuan Automotif ASEAN (AAF)

**Carta 2(d): Siri masa prestasi jualan kenderaan bermotor di Malaysia, 2019-2021**



Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

### 3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat kesan pelaksanaan pelbagai fasa PKP kepada subsektor kenderaan bermotor. Penulisan ini menggunakan maklumat Survei Perdagangan Edaran Bulanan (MDT) untuk menganalisis pertumbuhan dan status semasa kenderaan bermotor di negeri Perak yang merangkumi perkara berikut:

- a) Prestasi nilai jualan bagi subsektor kenderaan bermotor negeri Perak.
- b) Strategi Pemulihan sub sektor kenderaan bermotor.

### 4.0 Metodologi Kajian

Data diperolehi melalui Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan (MDT) yang telah dilaksanakan secara bulanan di peringkat negeri oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Data siri masa bulanan bagi tempoh Januari 2018 sehingga Disember 2021 menjadi sumber rujukan dalam penulisan ini. Survei Perdagangan Borong & Runcit ini meliputi subsektor kenderaan bermotor, perdagangan borong dan perdagangan runcit.

Penulisan ini akan menjurus kepada prestasi subsektor kenderaan bermotor yang turut terkesan oleh wabak COVID-19 di negeri Perak. Berdasarkan klasifikasi industri, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, Ver.1.0 yang selari dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities Revision 4*, terbitan United Nations Statistics Division, Kenderaan bermotor merujuk kepada jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motosikal, sama ada baharu atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal termasuk mencuci, mengilap serta agen komisen. Terdapat 4 kumpulan di bawah subsektor kenderaan bermotor iaitu:

- i) MSIC 451 – Jualan Kenderaan Bermotor
- ii) MSIC 452 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor
- iii) MSIC 453 - Jualan Komponen dan Aksesori Kenderaan Bermotor
- iv) MSIC 454 - Jualan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Motosikal

Maklumat jualan kenderaan telah diterima daripada Persatuan Automotif Malaysia (MAA) dan Statistik Pendaftaran Kenderaan Baru oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri Perak. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dalam ketersediaan data di peringkat negeri menyebabkan analisis hanya dapat dilaksanakan berdasarkan sumber yang diterima sahaja.

### 5.0 Kajian Lepas

Di bandar Wuhan, China Selatan, bilangan kes radang paru-paru yang tidak dikenal pasti telah dilaporkan pada minggu terakhir Disember 2019. Pusat Kawalan Penyakit (CDC) telah mengisyiharkan radang paru-paru yang tidak diketahui sebagai pneumonia coronavirus novel pada 7 Januari 2020. Pada 11 Februari 2020 penyakit ini telah diisyiharkan sebagai COVID-19 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ((WHO), 2020). WHO mengumumkan wabak

COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 apabila bilangan kes yang berlaku selain dari China meningkat lebih dua juta di rantau berbeza di seluruh dunia. (WHO, 2020)

Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam maupun luar negara. Penutupan yang tidak dirancang dan luar biasa ini telah memberi kejutan terhadap permintaan dan penawaran, mengganggu rantaian bekalan serta menekan ekosistem perniagaan. Aktiviti utama seperti rantaian bekalan global, perdagangan, pertanian, automotif, pembuatan, pelancongan, pengangkutan dan sebagainya telah terjejas teruk kerana wabak COVID-19.

Beberapa literatur penyelidikan turut menjelaskan kesan COVID-19 terhadap industri automotif. (Dr. S. Rajamohan, 2020), telah menjalankan kajian tentang bagaimana pasaran saham khususnya Bursa Saham Nasional bagi sektor automotif mengalami tekanan akibat COVID-19. Keputusan menunjukkan bahawa ekuiti bernilai lebih tinggi telah dijual pada nilai susut nilai. Selain itu, pulangan yang lebih rendah telah dilaporkan untuk pulangan indeks sektor automotif. Oleh yang demikian, perkara ini boleh disimpulkan bahawa pandemik COVID-19 telah mewujudkan kesan yang ketara ke atas bursa saham industri automotif.

(Moshkova, 2022) telah menganalisis kesan pandemik COVID-19 terhadap prestasi industri automotif Rusia. Analisis dilaksanakan bagi mengkaji struktur pengeluaran dan jualan produk automotif di Persekutuan Rusia, memberikan penilaian perbandingan kesan wabak itu terhadap industri automotif global dan Rusia, mengenal pasti masalah utama dan risiko pembangunan industri automotif di Rusia, dan menyimpulkan keperluan untuk memperbaiki mekanisme perundangan negeri bagi pembangunan industri automotif Rusia.

Kekurangan bekalan cip semikonduktor global telah menimbulkan keimbangan terhadap kesannya yang luas serta merentas pelbagai sektor ekonomi dan negara. Pada peringkat global, industri automotif merupakan industri pertama yang terkesan akibat kekurangan bekalan cip. Pengeluar automotif berhadapan dengan tempoh menunggu yang lebih lama. Pengeluar cip juga tidak dapat memberikan semula keutamaan untuk membekalkan cip kepada industry automotif. Kekurangan bekalan cip global yang berterusan mendorong perniagaan dan kerajaan mencari penyelesaian jangka lebih panjang dengan menilai semula keseluruhan struktur rantaian bekalan pengeluaran semikonduktor di negara (Bank Negara, 2021)

## 6.0 Hasil dan Penemuan

### 6.1 Prestasi Kenderaan Bermotor di negeri Perak

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di negeri Perak mulai 13 Januari 2021 dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Kedua (PKP 2.0) di seluruh negeri Perak pada 22 Januari hingga 4 Februari 2021 telah memberi impak dan kesan kepada nilai hasil jualan perdagangan borong dan runcit. Momentum pertumbuhan dijangka lebih perlahan dalam jangka pendek pada suku pertama tahun ini susulan pelaksanaan PKP bersasar.


Meskipun berdepan tahun mencabar, berdasarkan Survei Perdagangan Borong & Runcit 2021 (**Carta 2(e)**), didapati nilai jualan subsektor kendaraan bermotor di Perak mencatatkan pertumbuhan positif 2.9 peratus pada suku tahun pertama 2021 berbanding pertumbuhan negatif 35.5 peratus pada suku tahun yang sama pada tahun 2020. Prestasi nilai jualan terus meningkat ke angka 2-digit sebanyak 73.5 peratus pada suku tahun kedua 2021. Prestasi nilai jualan terus meningkat ke angka 2-digit sebanyak 73.5 peratus pada suku tahun kedua 2021. Walau bagaimanapun, berdasarkan trend kes-kes harian COVID-19 yang semakin meningkat, Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan ketat bagi menekan penularan wabak COVID-19 dalam masyarakat dan menghalang kenaikan kes secara mendadak.

Gelombang kedua dan ketiga jangkitan COVID-19, mendorong kerajaan mengumumkan sekatan pergerakan lebih ketat dan beberapa fasa kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa. Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh negara bermula 12 Mei sehingga 7 Jun 2021 dan seterusnya dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021 melalui Pelan Pemulihan Negara Fasa 1. Berikutan kes positif harian yang meningkat dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dari masa ke semasa, jualan kendaraan bermotor di negeri Perak telah merosot dan menurun kepada 49.0 peratus pada suku tahun ketiga 2021.

Prestasi suku tahun keempat 2021 bagi kendaraan bermotor menunjukkan perubahan positif sebanyak 27.4 peratus berbanding suku tahun keempat pada tahun 2020. Ekonomi negara telah menuju ke arah pemulihan yang positif terutamanya dengan pembukaan kembali sektor-sektor perniagaan yang sebelum ini terpaksa dihentikan sementara.

Pembukaan semula sektor ekonomi termasuk kebenaran rentas negeri yang diumumkan oleh kerajaan bermula 11 Oktober 2021 membantu merancakkan kembali ekonomi yang terkesan berikutan penularan pandemik COVID-19. Peningkatan eksport dan aktiviti pengeluaran turut menyokong pemulihan ekonomi kerana lebih banyak syarikat dibenarkan meningkatkan kapasiti pengeluaran apabila ekonomi dibuka semula serta ramai pekerja yang telah menerima vaksin penuh. Negeri Perak telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa pada 8 November 2021.

**Carta 2(e): Perubahan peratusan nilai jualan subsektor kendaraan bermotor, Perak, (2019-2021)**



Sumber: Survei Perdagangan Borong & Runcit, DOSM

### 6.1.1 Prestasi Kumpulan Jualan Kenderaan Bermotor

Nilai jualan kenderaan baru (**Carta 2(f)**), didapati semakin pulih pada suku tahun pertama 2021 sebanyak 36.1 peratus dan seterusnya berkembang 111.6 peratus pada suku tahun kedua 2021 berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Stok kenderaan baru yang tiba pada suku tahun kedua 2021 menyebabkan jualan meningkat secara drastik.

Suku tahun ketiga 2021 adalah tempoh yang dilihat agak sukar bagi industri automotif. Pada asalnya industri automotif mempunyai harapan tinggi menerusi momentum yang dibina pada akhir tahun 2020 untuk dibawa sehingga ke tahun 2021 terutama selepas pengumuman insentif PENJANA yang akan kekal hingga ke pertengahan tahun. Walau bagaimanapun, pengumuman PKP 3.0 telah menyebabkan penurunan bagi sektor ini sehingga 47.4 peratus berbanding tahun sebelum.


Pertubuhan di bawah jualan kenderaan bermotor di negeri Perak melaporkan bahawa tempoh PKP dan PKPB telah memberi kesan kepada jumlah pelanggan yang datang ke bilik pameran walaupun pertubuhan tersebut masih boleh menerima tempahan atas talian untuk meningkatkan jualan. Selain itu, terdapat juga tempahan yang tidak dapat dipenuhi akibat bekalan yang telah terjejas disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini. Perkara ini telah mengakibatkan kesukaran untuk menghasilkan kenderaan kerana bekalan peralatan/bahagian yang masih tidak konsisten.

Pembukaan semula beberapa sektor ekonomi selain perkhidmatan JPJ dan insurans kenderaan dibenarkan beroperasi pada 1 Julai 2021 telah menyebabkan nilai jualan dan pendaftaran kenderaan baru meningkat dan menunjukkan pemulihan bermula Ogos sehingga Disember 2021 (**Carta 2(g)**). Suku tahun keempat 2021 mencatatkan pertumbuhan positif 46.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020.

Pertubuhan-pertubuhan terpilih serta pengedar jualan kereta baru melaporkan peningkatan jualan berikutan daripada pertubuhan dibenarkan beroperasi seperti biasa. Pada masa yang sama, peningkatan jualan juga disebabkan oleh tempahan kereta yang telah dibuat sebelum ini dijual pada bulan rujukan. Penjualan bagi kenderaan juga meningkat disebabkan oleh kebenaran bilik pameran untuk kembali beroperasi. Sektor perniagaan untuk industri termasuk automotif juga telah kembali beroperasi mengikut tahap masing-masing pada tempoh berkaitan.

**Carta 2(f): Prestasi kumpulan jualan kenderaan baru, Perak (2019- 2021)**

Sumber: Survei Perdagangan Borong &amp; Runcit, DOSM

**Carta 2(g): Statistik pendaftaran kendaraan bermotor di Perak bagi jenis kendaraan persendirian, 2020-2021**

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan, negeri Perak

#### 6.1.2 Prestasi Kumpulan Penyelenggaraan & Pembaikan Kendaraan Bermotor, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dan Komponen (termasuk Alat Ganti) & Aksesori Berkaitan dan Jualan Komponen (termasuk Alat Ganti) & Aksesori Kendaraan Bermotor

Penyelenggaraan dan pembaikan kendaraan bermotor dikelaskan sebagai non-essential services. Walau bagaimanapun, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan kenyataan bahawa premis bengkel kendaraan, kedai penyelenggaraan dan alat ganti dibenarkan beroperasi tetapi pada kadar minima dengan pemendekan tempoh operasi yang berbeza antara negeri. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di negeri Perak mulai 13 Januari 2021 dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Kedua (PKP 2.0) di seluruh negeri Perak pada 22 Januari hingga 4 Februari 2021 telah memberi impak dan kesan kepada penurunan nilai hasil jualan suku tahun pertama 2021 (**Jadual 2(d)** dan **Carta 2(h)**), bagi kumpulan penyelenggaraan dan pembaikan kendaraan bermotor, negatif 77.3 peratus dan kumpulan jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan, negatif 37.6 peratus. Alat ganti yang dijual kepada pelanggan di pelbagai negeri ini kebanyakannya adalah diimport. Oleh yang demikian, proses pembelian dan penghantaran bekalan terkesan pada suku pertama 2021 menyebabkan penurunan jualan pada bulan tersebut. Walau bagaimanapun kumpulan

jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan positif 17.3 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelum.

Berikutan daripada arahan PKP, PKPB dan PKPD serta penutupan beberapa kilang disebabkan penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan apabila terdapat kilang-kilang daripada sektor pembuatan tidak mampu membekalkan permintaan yang tinggi dgn penggunaan jumlah pekerja yang minimum menyebabkan stok permintaan tidak dapat dihantar kepada pemborong. Pada masa yang sama terdapat juga penurunan jualan adalah disebabkan tumpuan pembelian pelanggan lebih kepada makanan dan keperluan asas. Setelah arahan PKP 2.0 diperketatkan kebanyakkan peruncit telah membatalkan permintaan stok kerana tidak dapat beroperasi pada tempoh itu. Kumpulan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor masih terjejas dengan kejatuhan 71.8 peratus pada suku tahun kedua 2021.

Melihat kepada perkembangan terkini pandemik COVID-19 menerusi kes positif harian, negeri Perak merupakan antara 5 negeri yang telah beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), berkuatkuasa 5 Julai 2021. Sehubungan dengan itu, beberapa subsektor ekonomi di bawah sektor pembuatan dan perkhidmatan dibenarkan untuk beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat. Sekatan perjalanan antara negeri dan daerah dan bekerja dari rumah menyebabkan nilai jualan masih rendah berbanding keadaan normal menyebabkan kemerosotan belian bagi ketiga-tiga kumpulan bagi penyelenggaraan dan pumbaikan kenderaan bermotor, negatif 86.9 peratus diikuti dengan jualan, penyelenggaraan dan pumbaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori, negatif 48.2 peratus dan jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor, negatif 14.4 peratus pada tahun 2021.


Prestasi ekonomi dilihat lebih baik pada suku tahun keempat 2021 memandangkan aktiviti ekonomi dan sosial sudah dibuka semula. Perkara ini dapat membantu meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri, lantas mengukuhkan momentum pemulihan. Pembekal bagi alat ganti dan komponen domestik juga telah beroperasi semula dan pengeluaran kenderaan turut disokong oleh bekalan CKD yang mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan. Pertubuhan terpilih melaporkan rangkaian bekalan automotif menunjukkan peningkatan, namun masih belum mencapai potensi yang sepenuhnya. Pertumbuhan secara beransur-ansur dalam pengeluaran dan jualan turut disertakan dengan langkah pengawasan kualiti yang ketat di dalam operasi bagi memastikan kepuasan pelanggan senantiasa dipenuhi.

Kumpulan jualan, penyelenggaraan dan pumbaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan mencatatkan pertumbuhan positif 26.1 peratus pada suku tahun keempat 2021. Walau bagaimanapun, kumpulan penyelenggaraan dan pumbaikan kenderaan bermotor dan jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor masing-masing mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 79.7 peratus dan 4.5 peratus berbanding suku tahun yang sama pada tahun 2020.

**Jadual 2(d): Analisis perubahan peratusan suku tahunan jualan subsektor kenderaan bermotor, Perak**

- i. MSIC 451 – Jualan Kenderaan Bermotor
- ii. MSIC 452 - Kumpulan Penyelenggaran dan Pembaikan Kenderaan Bermotor
- iii. MSIC 453 - Kumpulan Jualan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Motosikal dan Komponen (termasuk alat ganti) dan Aksesori Berkaitan
- iv. MSIC 454 - Kumpulan Jualan Komponen (termasuk alat ganti) dan Aksesori Kenderaan Bermotor

MSIC 3 DIGIT	2019				2020				2021			
	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4
451	91.7%	36.7%	62.1%	122.1%	-50.7%	-69.7%	-33.0%	-44.9%	36.1%	111.6%	-47.4%	46.7%
452	211.8%	61.5%	22.4%	23.2%	-54.6%	-70.8%	-25.7%	-36.4%	-77.3%	-71.8%	-86.9%	-79.7%
453	-16.6%	-17.1%	-3.5%	27.2%	-24.9%	-42.8%	-14.1%	-7.6%	17.7%	46.4%	-14.4%	-4.5%
454	-53.2%	20.7%	5.6%	56.8%	150.6%	-15.5%	91.9%	111.5%	-37.6%	64.5%	-48.2%	26.1%

**Carta 2(h): Siri masa perubahan peratusan suku tahunan nilai jualan kenderaan bermotor, Perak**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**6.2 Analisis paired sampel t-test**

Ujian analisis paired sampel t-test telah dijalankan bagi menguji kewujudan perbezaan yang signifikan dengan purata nilai jualan bagi 4 kumpulan di bawah subsektor kenderaan bermotor bagi setiap suku tahun 2019, 2020 dan 2021 sebelum dan selepas pandemik berlaku. Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H0 – Tidak wujud perbezaan yang signifikan bagi purata nilai jualan bagi 4 kumpulan subsektor di antara tahun 2019 dan 2021

H1 – Wujud perbezaan yang signifikan bagi purata nilai jualan bagi 4 kumpulan subsektor di antara tahun 2019 dan 2021

**Jadual 2(e): Nilai p bagi ujian paired sampels t-test**

Purata Jualan	Nilai p
Kump 1: Purata Jualan 2019 & Purata Jualan 2020	0.380
Kump 2: Purata Jualan 2019 & Purata Jualan 2021	0.297

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan (**Jadual 2(e)**), merujuk objektif kajian, tahun 2020 dan tahun 2021 adalah tahun pandemik, maka tidak sesuai untuk menunjukkan kesan PKP kepada industri kenderaan bermotor. Nilai  $p$  yg melebihi 0.05 menunjukkan tiada perbezaan signifikan sebelum dan semasa pandemik Covid-19.

## 7.0 Strategi dan Pemulihan

Pelan Pemulihan Negara (PPN) melalui empat fasa pelaksanaan diumumkan pada 15 Jun 2021 menjadi panduan kepada rakyat, perniagaan dan pelabur berkaitan garis masa dan parameter pembukaan ekonomi secara berfasa dan sistematik. Kerajaan telah menyediakan empat pakej rangsangan ekonomi iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH pada tahun 2021 bagi membantu merancakkan kembali ekonomi rakyat yang terkesan berikutan penularan pandemik COVID-19.

Usaha berterusan oleh syarikat pengeluar kendaraan untuk merancakkan lagi jualan bagi tujuan menjana pendapatan akan diterjemahkan melalui jumlah pendaftaran baharu. Permintaan pelanggan dijangka akan berterusan, dengan pembeli mahu memanfaatkan pengecualian SST yang berakhir pada 31 Disember 2021. Pengecualian sepenuhnya cukai jualan yang dikenakan ke atas kereta penumpang, termasuk kendaraan pelbagai guna (MPV) dan kendaraan utiliti sukan (SUV). Bagi CBU import baharu dan CBU import terpakai, pengecualian 50 peratus cukai jualan dikenakan ke atas kereta penumpang, termasuk MPV dan SUV. Situasi bekalan bertambah baik secara beransur-ansur memandangkan kilang telah beroperasi seperti biasa dengan kapasiti 80 peratus pekerja pada suku tahun keempat 2021.

Permintaan jualan kendaraan penumpang dan jualan kendaraan komersial menunjukkan pemulihan dan peningkatan. Syarikat-syarikat kereta menawarkan kempen promosi untuk merancakkan jualan. Pembeli juga dijangka akan terus mengambil kesempatan dari pengecualian cukai jualan (SST) yang dilanjutkan sehingga Jun tahun 2022. Penyelenggaraan kendaraan juga turut meningkat apabila orang ramai mengambil kesempatan untuk membuat perjalanan jarak jauh ekoran daripada peralihan ke Fasa 4. Proses pemulihan semula ini menyumbang kepada kenaikan jualan pertubuhan terutamanya pembukaan semula sempadan negeri dan daerah.

Hampir kesemua pihak telah menerapkan norma baharu dalam perniagaan selain memacu momentum pemulihan yang mampan. Perusahaan perlu segera beralih dan mengoptimumkan penggunaan teknologi moden dan platform pendigitalan perniagaan untuk kekal relevan. Melangkah ke hadapan, kerajaan telah menyediakan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebagai dasar yang inklusif bagi mendorong pendigitalan firma bagi semua saiz dan wilayah.

## 8.0 Rumusan

Secara keseluruhan, prestasi nilai jualan subsektor kendaraan bermotor di negeri Perak adalah stabil pada tahun 2019 sebelum pandemik COVID-19. Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi khususnya subsektor kendaraan bermotor di Perak.

Analisis deskriptif ke atas nilai jualan kenderaan bermotor berdasarkan Survei Perdagangan Borong & Runcit menunjukkan nilai jualan merosot pada tahun 2020 dan seterusnya menunjukkan pemulihan pada tahun 2021. Kemerosotan yang ketara dicatatkan pada suku tahun kedua 2020 (ST2 2020: -64.0%) semasa tempoh pelaksanaan PKP Fasa 1 dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati prestasi nilai jualan kenderaan bermotor beransur pulih mulai suku tahun pertama 2021 (ST1 2021: 2.9%) dan seterusnya berkembang kepada 73.5 peratus pada ST2 2021. Walau bagaimanapun prestasi nilai jualan kenderaan bermotor menguncup 49.0 peratus (ST3 2021) berikutan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 pada pertengahan Mei 2021, selain pelaksanaan Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai awal Jun 2021. Suku tahun keempat 2021 mencatatkan pertumbuhan positif berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 susulan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial secara berperingkat.

Ujian analisis paired sampel *t-test* berdasarkan purata nilai jualan bagi 4 kumpulan di bawah subsektor kenderaan bermotor juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan sebelum dan semasa pandemik Covid-19. Pandemik ini turut memberi kesan dan impak kepada prestasi nilai jualan subsektor kenderaan bermotor di negeri Perak. Penyelenggaran dan pemberian kenderaan akan meningkat seiring dengan peningkatan dalam jualan kenderaan, dan sebaliknya.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihan sejajar dengan pertumbuhan global yang terus berkembang dan perbelanjaan sektor swasta lebih tinggi. Tahun 2022 akan terus menjadi tahun yang mencabar disebabkan ketidaktentuan daripada impak penularan COVID-19 di peringkat global, ditambah bencana banjir yang melanda beberapa negeri dalam negara pada bulan Disember 2021 dan Februari 2022. Prestasi ekonomi dijangka lebih baik pada tahun 2022 memandangkan aktiviti ekonomi dan sosial sudah dibuka semula ditambah dengan kadar vaksinasi yang terus meningkat. Selepas pembukaan semula ekonomi susulan imuniti kelompok, pembukaan sempadan negeri dan aktiviti, prestasi suku keempat 2021 bertambah lebih baik. Program pemberian vaksin penggalak COVID-19 dan pemberian vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak berumur lima tahun ke atas yang dipercepat, seiring dengan kapasiti sistem penjagaan kesihatan yang mencukupi, akan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri, lantas mengukuhkan momentum pemulihan.

## 9.0 Rujukan

1. Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak. Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2021, Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2020, Laporan Survei Pembuatan Bulanan 2021, Laporan Survei Perdagangan Borong dan Runcit 2021, Data Bulanan Survei Perdagangan Borong & Runcit Negeri Perak, 2018-2021 dan Data Bulanan Survei Pembuatan Bulanan, 2018-2021.
2. Statistik Jualan Kenderaan Baru Bagi Negara ASEAN, <http://www.asean-autofed.com/statistics.html>
3. Buka Semula Sektor Automotif Mampu Kurang Kerugian, Dimuat turun daripada <https://www.mekanika.com.my/buka-semula-sektor-automotif-mampu-kurang-kerugian/>
4. Persatuan Automotif Malaysia. Perolehan Data Statistik Kenderaan Baharu.

5. Jabatan Pengangkutan Negeri Perak. Perolehan Data Statistik Pendaftaran Kenderaan Baru.
6. Hideo. K, Yingshan. J, Martin. S. ASEAN economic community and the regional automotive industry: impact of ASEAN economic integration on two types of automotive production in Southeast Asia
7. (MITI), M. o. (2020). Frequently Asked Questions (FAQ) on Movement Control Order, Ministry of International Trade and Industry No.3.
8. AAF. (2021). Asean Automotive Federation 2020 Statistics. Asean Automotive Federation.
9. Balis, J. (2020). Brand Marketing Through the Coronavirus Crisis. Harvard Business .
10. Bank Negara, N. (2021). Buletin Suku Tahun ST2 Bank Negara 2021. Kekurangan bekalan cip global: Implikasi dan peluang untuk Malaysia, p. 9.
11. Dr. S. Rajamohan, A. S. (2020). Impact of COVID -19 on stock price of NSE in automobile sector. *Impact of COVID -19 on stock price of NSE in automobile sector*, 7.
12. Express, N. (2020, December). Overview of the Malaysian Automotive Industry and its future transformation. Retrieved from <https://www.nipponeexpress.com/press/report/10-Dec-20.html>
13. MAA. (2021). Sales Of New Motor Vehicles Fell; Second Consecutive. Malaysian Automotif Association.
14. Moshkova, L. I. (2022). The Economic Impact of the COVID-19 Pandemic on the Russian Automotive Industry. *The Economic Impact of the COVID-19 Pandemic on the Russian Automotive Industry*.
15. Organization, W. H. (2020, Mac 11). WHO. Retrieved from World Health Organization: <https://www.who.int/news-room/speeches/item/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# DEMOGRAFI SOSIAL

## PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara
- Penduduk mengikut daerah pentadbiran

## KELAHIRAN

## KESUBURAN

## KEMATIAN

## JANGKAAN HAYAT

## TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

## STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah Perak

## MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi Perak



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# PENDUDUK

## Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk Perak meningkat daripada 2,496.0 ribu pada tahun 2020 kepada 2,515.8 ribu pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.8 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2021 ialah 94.8 peratus daripada keseluruhan penduduk Perak.

**Jadual 3.1** Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan(%)
Bilangan penduduk ('000)	2,496.0	2,515.8	0.8

## Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2021, peratusan umur muda menurun kepada 22.8 peratus (2020: 23.2%), manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja kekal seperti 2020 (67.9%) dan umur tua mencatatkan peningkatan kepada 9.3 peratus (2020: 8.9%).

**Jadual 3.2** Struktur umur penduduk, Perak, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	23.2	22.8
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	67.9	67.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	8.9	9.3



2.5 juta

Penduduk  
Perak,  
2021



**Warganegara**  
94.8% (2021)  
94.7% (2020)



**Bukan  
Warganegara**  
5.2% (2021)  
5.3% (2020)



### Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Perak menurun dari 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2020 kepada 108 lelaki bagi setiap 100 perempuan pada tahun 2021.

### Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Perak menunjukkan kekal bagi tempoh 2020 hingga 2021. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 13.2 pada tahun 2020 kepada 13.7 pada tahun 2021. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 33.6 pada tahun 2021 berbanding 34.2 pada tahun 2020.

**Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Perak, 2020-2021**

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	34.2	33.6
Umur tua	13.2	13.7
Jumlah	47.3	47.3

### Kumpulan etnik warganegara

Pada 2021, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 61.2 peratus (2020: 60.9%). Cina dan India menunjukkan penurunan masing-masing kepada 27.0% peratus (2020: 27.2%) dan 11.4 peratus (2020: 11.5%) pada 2021, manakala peratusan penduduk etnik lain kekal 0.5 peratus daripada keseluruhan warganegara di Perak.

**Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perak, 2020-2021**


Kumpulan etnik warganegara Perak (%)	2020	2021
Bumiputera	60.9	61.2
Cina	27.2	27.0
India	11.5	11.4
Etnik lain	0.5	0.5

### Penduduk mengikut daerah pentadbiran


Kinta merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2020 berbanding 12 daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk sebanyak 888.8 ribu diikuti daerah Larut Matang (269.6 ribu) dan Manjung (247.0 ribu). Daerah Kinta mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 iaitu masing-masing 460.8 ribu dan 427.9 ribu.

**Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2020**

Bilangan penduduk ('000)

**888.8 ribu**

**Kinta**  
mencatatkan  
bilangan penduduk  
tertinggi,  
2020

**Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2020 ('000)**
**34.4 ribu**

**Selama**  
mencatatkan  
bilangan penduduk  
terendah,  
2020

Nota:

1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

## KELAHIRAN

**12.6**  
Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020



**16.8**  
**Bumiputera**  
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

### Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di Perak mencatatkan penurunan berbanding 2019 iaitu daripada 13.1 kepada 12.6 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 turut menunjukkan penurunan berbanding 2019 iaitu masing-masing daripada 13.4 kepada 13.0 dan 12.8 kepada 12.1 bagi setiap 1,000 penduduk.

**Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Perak, 2011-2020**



### Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 16.8 pada 2020 sementara etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 5.6 bagi setiap 1,000 penduduk. Semua etnik kecuali etnik lain mencatatkan penurunan kadar kelahiran kasar pada 2020 berbanding tahun sebelumnya.

**Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)**

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	19.1	19.1	18.6	18.2	17.6	16.8
Cina	8.7	7.9	7.4	6.8	6.6	5.8
India	11.3	10.3	10.4	9.8	9.7	9.6
Etnik lain <sup>1</sup>	6.7	6.4	5.4	5.0	4.4	5.6

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara


## Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Kinta mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu sebanyak 9,334 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Bagan Datuk iaitu 748 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Ulu Perak dengan 15.4 manakala yang terendah dicatatkan oleh Kampar iaitu 10.2 bagi setiap 1,000 penduduk.

**Paparan 3.2** Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2020 (setiap 1,000 penduduk)

**9,334 bayi**

Kinta  
mencatatkan bilangan  
kelahiran hidup  
tertinggi,  
2020



**15.4**

Ulu Perak  
mencatatkan kadar  
kelahiran kasar  
tertinggi,  
2020



## KESUBURAN

**1.7 bayi**

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15 - 49 tahun, 2020




**2.2 bayi**

**Bumiputera**  
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15 - 49 tahun, 2020

### Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi Perak menurun daripada 1.8 kepada 1.7 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding pada 2019. Carta 3.3 menunjukkan Perak mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) sejak tahun 2016.

**Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2011-2020**



### Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi Bumiputera dan Cina mencatatkan penurunan pada tahun 2020 berbanding 2019. Pada tahun 2020, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.2 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik lain iaitu 0.6 bayi.

**Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)**

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.7	2.7	2.6	2.5	2.3	2.2
Cina	1.5	1.3	1.2	1.0	1.0	0.8
India	1.5	1.4	1.4	1.3	1.2	1.2
Etnik lain <sup>1</sup>	0.7	0.7	0.6	0.5	0.5	0.6

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

## KEMATIAN

### Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 17,928 kematian direkodkan di Perak pada tahun 2020 menurun 4.2 peratus berbanding kematian pada tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 7.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 7.5 kematian).

**Carta 3.4** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)




**Jadual 3.7** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	17,159	17,820	18,047	18,600	18,712	17,928
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.8	8.0	8.3	8.4	8.3	8.0
Kadar kematian kasar (Perempuan)	6.1	6.3	6.2	6.5	6.6	6.3

### Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada 2020 adalah 6.2 kematian, menurun 0.8 mata berbanding 7.0 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

**Carta 3.5** Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2020



**7.5  
kematian**

Bagi tempoh 2010-2020, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2019

**Jumlah  
Kematian**

Lelaki  
10,163 (56.7%)  
Perempuan  
7,765 (43.3%)

**6.2  
kematian**

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

### Nisbah mortaliti ibu bersalin

**13.7  
kematian**


Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, dalam tempoh 2010-2020



**9.1  
kematian**

**Cina**  
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

**Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2020**



### Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera menurun kepada 6.3 kematian manakala Cina dan India turut menurun 0.3 mata dan 0.6 mata kepada 9.1 kematian dan 8.0 kematian. Kadar kematian etnik lain meningkat kepada 3.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020.

**Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)**


Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	6.4	6.6	6.6	6.7	6.7	6.3
Cina	8.4	8.7	9.1	9.3	9.4	9.1
India	7.4	7.9	7.7	8.2	8.6	8.0
Etnik lain <sup>1</sup>	3.2	3.2	2.9	2.6	3.0	3.1

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

### Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 2,693 kematian (21.3%) yang melibatkan 23.5 peratus bagi lelaki dan 18.1 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 11.3 peratus dan 8.5 peratus.

**Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Perak, 2020**




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

**Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020**

Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 3,564 kematian (67.1%) yang melibatkan 60.0 peratus bagi lelaki dan 74.1 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 3.3 peratus dan 2.7 peratus.



**Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Perak, 2020**



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.



**Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran**


Pada tahun 2020, daerah Kinta mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 5,646 kematian manakala daerah Muallim mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 387 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi direkodkan di Kampar iaitu 8.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Muallim pada kadar 5.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

**Paparan 3.5 Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2020**

**8.3**  
**Kampar**  
mencatatkan kadar  
kematian tertinggi,  
2020



**72.0 tahun**  
**Bayi lelaki**  
Jangkaan hayat  
ketika lahir,  
2021



## JANGKAAN HAYAT

### Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di Perak dijangka hidup lebih lama sehingga 78.2 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki dijangka hidup sehingga 72.0 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki dan perempuan masing-masing meningkat 1.0 tahun daripada 71.0 tahun (2017) kepada 72.0 tahun (2021) dan daripada 77.2 tahun kepada 78.2 tahun bagi tempoh yang sama.

**Paparan 3.6 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2017-2021**




Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

## Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2021 dijangka hidup selama 57.8 tahun dan 63.8 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 72.8 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 78.8 tahun.

**Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2017-2021**



**63.8 tahun**  
Perempuan  
Jangkaan hayat pada umur 15 tahun, 2021




## Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 15.6 tahun dan 18.1 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 80.6 tahun dan perempuan sehingga 83.1 tahun.

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun meningkat setiap tahun di antara tempoh 2017 hingga 2021 bagi kedua-dua jantina, lelaki dan perempuan.

**Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2017-2021**



**15.6 tahun**  
Lelaki  
Jangkaan hayat pada umur 65 tahun, 2021



# TENAGA BURUH

## Tenaga Buruh

**1,100.6 ribu**

Tenaga  
buruh di  
**Perak, 2021**


**1,042.6 ribu**

Bilangan  
penduduk  
bekerja,  
2021

**25.4%**

Pekerja perkhidmatan  
& jualan catat  
peratusan tertinggi,  
2021

**Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2021**



## Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 25.4 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji dan pemasang dengan peratus sumbangan 13.3 peratus dan 12.1 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 25.9 peratus daripada keseluruhan pekerja di Perak.

**Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2016-2021**

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	41.7	45.1	42.8	41.8	49.5	43.4
Profesional	105.0	100.7	101.5	104.0	103.7	125.8
Juruteknik & profesional bersekutu	96.8	88.1	92.7	94.1	92.5	100.4
Pekerja sokongan perkeranian	73.4	84.7	85.9	86.1	74.3	101.3
Pekerja perkhidmatan & jualan	252.6	273.5	282.2	282.3	269.7	265.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	60.7	67.5	69.6	62.2	71.8	50.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	124.5	110.9	132.5	130.1	120.9	108.6
Operator mesin & loji dan pemasang	118.8	121.8	121.7	131.6	140.2	138.4
Pekerja asas	114.8	121.1	105.9	111.6	120.1	109.4
<b>Jumlah</b>	<b>988.2</b>	<b>1,013.3</b>	<b>1,034.8</b>	<b>1,043.7</b>	<b>1,042.8</b>	<b>1042.6</b>

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	4.2	4.5	4.1	4.0	4.7	4.2
Profesional	10.6	9.9	9.8	10.0	9.9	12.1
Juruteknik & profesional bersekutu	9.8	8.7	9.0	9.0	8.9	9.6
Pekerja sokongan perkeranian	7.4	8.4	8.3	8.2	7.1	9.7
Pekerja perkhidmatan & jualan	25.6	27.0	27.3	27.0	25.9	25.4
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	6.1	6.7	6.7	6.0	6.9	4.8
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	12.6	10.9	12.8	12.5	11.6	10.4
Operator mesin & loji dan pemasang	12.0	12.0	11.8	12.6	13.4	13.3
Pekerja asas	11.6	12.0	10.2	10.7	11.5	10.5
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Seramai 682.6 ribu orang pekerja (65.5%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 192.9 ribu orang (18.5%), Pertanian (85.5 ribu; 8.2%) dan Pembinaan (74.3 ribu; 7.1%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 7.4 ribu orang (0.7%).

**682.6 ribu**

Pekerja tertumpu pada sektor Perkhidmatan, 2021



**7.4 ribu**

Sektor Perlombongan & pengkuarian  
Bilangan pekerja terendah, 2021

**64.5%**  
Kadar penyertaan tenaga buruh di Perak, 2021



**5.3%**  
Kadar pengangguran di Perak, 2021


**Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2016-2021**

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	111.1	106.8	99.0	99.8	123.4	85.5
Perlombongan dan pengkuarian	10.1	4.8	5.7	10.1	6.2	7.4
Pembuatan	162.1	170.6	167.4	184.8	174.2	192.9
Pembinaan	82.0	70.8	85.5	74.6	74.3	74.3
Perkhidmatan	623.1	660.4	677.3	674.3	664.9	682.6
<b>Jumlah</b>	<b>988.2</b>	<b>1,013.3</b>	<b>1,034.8</b>	<b>1,043.7</b>	<b>1,042.8</b>	<b>1042.6</b>

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	11.2	10.5	9.6	9.6	11.8	8.2
Perlombongan dan pengkuarian	1.0	0.5	0.6	1.0	0.6	0.7
Pembuatan	16.4	16.8	16.2	17.7	16.7	18.5
Pembinaan	8.3	7.0	8.3	7.2	7.1	7.1
Perkhidmatan	63.1	65.2	65.5	64.6	63.8	65.5
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

### Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Perak meningkat 0.2 mata peratus daripada 64.3 peratus pada tahun 2020 kepada 64.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, kadar pengangguran di Perak meningkat 0.5 mata peratus kepada 5.3 peratus pada tahun 2021 (2020: 4.8%).

**Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2021**

# STATISTIK SISWAZAH

## STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA


### Statistik utama siswazah

Pada 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun sebelumnya (2020: 5.36 juta orang) seperti pada Carta 3.9.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.7 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

**Carta 3.9** Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



**5.61 juta**

Bilangan siswazah  
**Malaysia,**  
2021



**85.0%**

Kadar penyertaan  
tenaga buruh  
**Malaysia,**  
2021

**77.4%**

Siswazah bekerja berada dalam sektor Perkhidmatan, 2021

**RM 4,582**

Purata gaji & upah bulanan siswazah di Malaysia, 2021

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus lagi (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan, diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.9.

**Paparan 3.9 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)**



### Statistik gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, penengah dan purata gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM3,815. Manakala purata gaji naik 2.1 peratus daripada RM4,489.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984. . (Paparan 3.10).

**Paparan 3.10 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021**



Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 sebulan diterima oleh siswazah perempuan. (Paparan 3.11).

**Paparan 3.11 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021**



Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Begitu juga, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.12).

**Paparan 3.12 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021**



**RM 4,034**

**Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021**



**RM 7,247**


**Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021**

## STATISTIK SISWAZAH PERAK

### Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Perak adalah seramai 360.4 ribu orang, meningkat 7.9 peratus daripada 333.9 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 295.2 ribu orang, meningkat 10.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 266.3 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 81.9 peratus, naik 2.1 mata peratus berbanding 79.8 peratus pada tahun 2020 seperti Carta 3.10.

**Carta 3.10 Statistik utama siswazah, Perak, 2020-2021**



Seramai 276.5 ribu orang siswazah bekerja di Perak pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 10.3 peratus (2020: 250.7 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah 18.7 ribu orang (2020: 15.6 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Perak pada tahun 2021 ialah 6.3 peratus (2020: 5.9%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 18.1 peratus daripada jumlah siswazah di Perak iaitu seramai 65.2 ribu orang pada tahun 2021, menurun 3.6 peratus daripada 67.6 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Perak menunjukkan komposisi siswazah di Perak didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 54.4 peratus (196.2 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 45.6 peratus (164.2 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 84.9 peratus manakala siswazah perempuan adalah 79.4 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih tinggi iaitu 6.5 peratus berbanding perempuan 6.2 peratus (Carta 3.11).


**360.4 ribu**

Bilangan  
siswazah  
**Perak, 2021**



**276.5 ribu**

Bilangan tenaga  
buruh siswazah  
**bekerja, 2021**

**Carta 3.11** Statistik utama siswazah mengikut jantina, Perak, 2021

Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 155.8 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 9.1 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 13.0 peratus kepada 139.4 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Perak adalah seramai 130.4 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (146.1 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 57.7 peratus dari keseluruhan penganggur atau 9.0 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 9.7 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh menurun 4.1 peratus kepada 40.4 ribu orang manakala siswazah lelaki turut merekodkan penurunan 2.8 peratus kepada 24.8 ribu orang.

### Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Perak pada tahun 2021 adalah RM4,200 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM3,955. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,438 pada tahun 2021 meningkat dari RM3,403 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.11).

**Jadual 3.11** Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Perak, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020	2021
Purata gaji (RM)	3,955	4,200
Penengah gaji (RM)	3,403	3,438

13.0%

Peningkatan  
tenaga buruh  
lelaki , 2021



RM4,200

Purata gaji &  
upah siswazah di  
Perak, 2021

# MIGRASI

## MIGRASI MALAYSIA

**484.1 ribu**

Bilangan  
migrasi  
Malaysia, 2020



**1.5%**

Kadar migrasi  
Malaysia, 2020

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018.

Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

**Carta 3.12 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020**



## MIGRASI PERAK

### Kadar migrasi Perak

Pada 2020, Perak mencatatkan kadar migrasi 1.1 peratus berbanding 1.2 peratus pada tahun 2018. Peratusan migrasi Perak datangnya daripada migrasi dalam negeri iaitu 48.9 peratus, diikuti migrasi antara negeri (44.5%) dan migrasi antarabangsa (6.6%).



### Migrasi antara negeri

Pada 2020, peratusan migrasi antara negeri bagi Perak ialah 44.5 peratus, meningkat berbanding 31.6% pada tahun 2018. Migrasi bersih merekodkan Perak sebagai negeri penghantar migran iaitu meningkat 2.1 ribu orang kepada -1.2 ribu orang berbanding 3.3 ribu orang pada 2018. Migrasi ke Perak ramainya datang daripada negeri Selangor, Johor, W.P. Kuala Lumpur dan Kedah. Manakala migrasi dari Perak ramainya ke negeri Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor.

**Jadual 3.12** Lima negeri destinasi oleh migran dari Perak dan negeri asal oleh migran ke Perak, 2020

Negeri destinasi	Negeri asal
Selangor	Selangor
Pulau Pinang	Johor
Kelantan	W.P. Kuala Lumpur
Johor	Kedah
Sabah	Pulau Pinang

### Nisbah keberkesanan migrasi

Perak mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi negatif pada 2020 iaitu -4.9 peratus. Ini menunjukkan penduduk Perak berkurang seramai 4 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2018 (-15.1%).

### Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Taburan peratus tertinggi migrasi antara negeri di Perak adalah dari bandar ke bandar iaitu 74.6 peratus, diikuti bandar ke luar bandar (23.6%) dan luar bandar ke bandar (1.8%).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


# STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK

- Kedatangan pelawat, 2021
- Negeri asal pelancong, 2021
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021
- Terimaan pelancongan domestik, 2020
- Tujuan perjalanan, 2020



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



# STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

### Statistik utama pelancongan domestik

Pada 2021, pelancongan domestik Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan oleh COVID-19 lockdown. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 66.0 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2021 dengan penurunan sebanyak 49.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 131.7 juta). Sejumlah 72.4 juta perjalanan pelancongan direkodkan berbanding 147.0 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan penurunan sebanyak 54.5 peratus, iaitu RM18.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM40.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM254 iaitu merosot sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2021 adalah 2.19 hari.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021

Statistik utama	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat <sup>1</sup> (juta)	131.7	66.0	-49.9
Bilangan perjalanan (juta)	147.0	72.4	-50.7
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	40.4	18.4	-54.5
Purata perbelanjaan (RM)	275	254	-7.5
Purata bilangan hari menginap (hari)	1.93	2.19	13.2
Purata perjalanan	1.12	1.10	-1.7

<sup>1</sup> Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

**66.0 juta**  
Jumlah pelawat domestik, 2021

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan menyusut pada tahun 2021

**RM 18.4 bilion**  
Perbelanjaan pelawat domestik, 2021



## Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2021 adalah seramai 51.1 juta orang dengan penurunan sebanyak 40.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong merosot daripada 46.3 juta orang pada tahun 2020 kepada 14.9 juta orang (-67.8%) seperti pada Jadual 4.2.

**Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021**

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	85.4	51.1	-40.2
Pelancong	46.3	14.9	-67.8
Jumlah	131.7	66.0	-49.9

## Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2021, sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 78.5 peratus dan 21.5 peratus. Sumbangan perjalanan bermalam menyusut sebanyak 11.4 mata peratus berbanding 32.9 peratus yang dicatatkan pada 2020 (Paparan 4.1).

**Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021**

### Perjalanan Harian



	2021	78.5%
	2020	67.1%

### Perjalanan Bermalam




	2021	21.5%
	2020	32.9%

## Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada COVID-19 lockdown, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan pelancong menyusut sebanyak 68.0 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian jatuh 36.3 peratus kepada RM11.0 bilion seperti pada Paparan 4.2.

### Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021



**-54.5%**

Perbelanjaan pelancongan domestikerosot pada tahun 2021

## STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK

### Kedatangan pelawat, 2021

Perak menerima seramai 4.49 juta pelawat domestik pada 2021 berbanding 13.2 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan pelawat didorong oleh kemerosotan bilangan pelancong sebanyak 72.3 peratus iaitu kepada 1.36 juta pelancong berbanding 4.89 juta pelancong pada tahun 2020 seperti pada Jadual 4.3.


**Jadual 4.3** Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perak, 2020-2021

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	4.89	1.36	-72.3
Pelawat domestik	13.2	4.49	-65.9

### Negeri asal pelancong, 2021

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Perak pada tahun 2021. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari negeri Perak adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.44 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Selangor (0.30 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (0.25 juta pelancong), Pulau Pinang (0.10 juta pelancong) dan Kedah (0.10 juta pelancong).

**Carta 4.1** Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perak, 2021



**4.49 juta**

Ketibaan pelawat domestik di **Perak** pada tahun 2021

**Perak**

Negeri asal pelancong yang paling ramai berkunjung ke **Perak, 2021**

## Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021

**0.30 juta**

Pelancong dari **Selangor** yang mengunjungi negeri Perak pada tahun 2021

**Paparan 4.3** Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak, 2021




## Terimaan pelancongan domestik, 2020

Pada tahun 2020, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM3.3 bilion telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Perak. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 67.9 peratus dan 21.7 peratus seperti pada Paparan 4.4.


Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2020 merekodkan penurunan kepada RM236 berbanding nilai yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya iaitu RM275.

**Paparan 4.4** Terimaan pelancongan domestik, 2019-2020



Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 44.4 peratus daripada jumlah terimaan (2019: 24.1%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (22.8%), pembelian bahan api kenderaan (13.3%) dan pengangkutan (6.5%) seperti pada Paparan 4.5.

**Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Perak mengikut komponen, 2019-2020**



**RM3.3 billion**

Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke **Perak** pada tahun 2020

**Tujuan perjalanan, 2020**

Pada tahun 2020, majoriti pelancong berkunjung ke Perak untuk tujuan melawat saudara-mara & rakan iaitu sebanyak 67.9 peratus seperti Paparan 4.6. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percutian/ mengisi masa lapang/ berehat (24.9%) dan membeli-belah (3.3%).

**Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Perak, 2020**



**44.4%**

Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen **membeli-belah**, 2020

**67.9%**

**Melawat saudara mara dan rakan** merupakan tujuan utama pelancong melakukan perjalanan ke negeri **Perak**, 2020

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# STATISTIK PERDAGANGAN

## STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

- Jumlah perdagangan
- Eksport
- Eksport mengikut negara destinasi
- Import
- Import mengikut negara asal

## SOROTAN PERDAGANGAN PERAK

- Eksport dan import utama
- Eksport barang
- Import barang
- Rakan dagang utama
- Imbangan perdagangan



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# STATISTIK PERDAGANGAN

## STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

### Jumlah perdagangan

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.23 trillion, meningkat 24.9 peratus atau RM444.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM1.78 trillion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.24 trillion, manakala jumlah import sebanyak RM987.3 bilion, sekali gus mendorong lebihan perdagangan Malaysia berjumlah RM253.7 bilion, meningkat 38.4 peratus daripada RM183.3 bilion pada tahun 2020.

Peningkatan jumlah perdagangan berlaku di kebanyakan negeri terutamanya Selangor yang meningkat RM112.6 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM94.4 bilion), Johor (RM87.4 bilion), Kedah (RM32.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM22.2 bilion), Sarawak (RM22.2 bilion), Perak (RM20.4 bilion), Pahang (RM13.0 bilion), Negeri Sembilan (RM13.0 bilion) Melaka (RM10.5 bilion) dan Terengganu (RM9.7 bilion).

### Eksport

Pada tahun 2021, eksport meningkat 26.1 peratus kepada RM1.24 trillion dipengaruhi oleh peningkatan eksport produk utama seperti di bawah:

1

**Litar elektronik bersepada** yang menyumbang 18.3 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM38.0 bilion (20.1%) kepada RM227.3 bilion.

2

**Keluaran petroleum bertapis** yang merangkumi 6.9 peratus daripada jumlah eksport, naik RM32.4 bilion atau 60.4 peratus kepada RM86.2 bilion.

3

**Minyak kelapa sawit** menyumbang 5.2 peratus daripada jumlah eksport meningkat sebanyak RM19.0 bilion (41.6%) kepada RM64.6 bilion.

Peningkatan jumlah perdagangan terutamanya di **Selangor** dan **Pulau Pinang**



**RM  
2.23  
trillion**

Jumlah perdagangan **Malaysia**,  
2021

## China & Singapore

Destinasi utama eksport Malaysia




**15.5%**  
Peratusan eksport ke China pada tahun 2021

### Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2021 ialah China dan Singapore.

#### Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2021




Eksport ke China yang merangkumi 15.5 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 20.9 peratus kepada RM192.5 billion. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi produk seperti Paparan 5.2.

#### Paparan 5.2 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2021



Eksport ke Singapore yang meliputi 14.0 peratus daripada eksport Malaysia pada 2021 meningkat 22.4 peratus kepada RM174.0 billion berbanding 2020. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah litar elektronik bersepadu, keluaran petroleum bertapis dan barang elektrik dan elektronik yang lain.

#### Paparan 5.3 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapore, 2021



## Import

Import Malaysia merekodkan nilai RM987.3 bilion pada tahun 2021, meningkat sebanyak RM186.9 bilion atau 23.3 peratus (2020: RM800.5 bilion). Produk utama yang mendorong peningkatan ini adalah:

- 1** **Litar elektronik bersepada** menyumbang 14.0 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM31.5 bilion (29.5%) kepada RM138.5 bilion
- 2** **Keluaran petroleum bertapis** yang merangkumi 8.4 peratus daripada jumlah import, naik RM26.7 bilion atau 47.4 peratus kepada RM82.9 bilion
- 3** **Barangan elektrik dan elektronik yang lain** menyumbang 5.7 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM12.6 bilion (28.7%) kepada RM56.4 bilion.

## Import mengikut negara asal


Import dari China bernilai RM229.0 bilion (23.2% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM56.8 bilion (33.0%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti pada Paparan 5.4.

**Paparan 5.4** Produk yang menyumbang peningkatan import dari China, 2021



Import dari Singapore bernilai RM93.6 bilion (9.5% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM20.0 bilion (27.1%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti Paparan 5.5.

**Paparan 5.5** Produk yang menyumbang peningkatan import dari Singapore, 2021




## SOROTAN PERDAGANGAN PERAK

### Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Perak pada tahun 2021 bernilai RM77.3 bilion. Nilai eksport Perak berjumlah RM42.2 bilion pada tahun 2021, meningkat sebanyak 36.4 peratus berbanding RM31.0 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai import Perak juga meningkat 35.3 peratus kepada RM35.0 bilion berbanding RM25.9 bilion pada tahun 2020.

**Carta 5.1** Perdagangan Perak dengan dunia, 2015-2021



### Eksport Barang

Antara eksport barang utama Perak pada tahun 2021 adalah sarung tangan getah yang bernilai RM12.3 bilion dengan pertumbuhan positif 77.9 peratus. Litar elektronik bersepadu pula meningkat 20.4 peratus dan kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori meningkat 15.2 peratus. Seterusnya, minyak kelapa sawit meningkat 6.0 peratus dan barang elektrik dan elektronik yang lain meningkat 17.3 peratus.

**Jadual 5.1** Eksport barang mengikut komoditi utama Perak, 2015-2021<sup>p</sup>

Komoditi utama	Eksport barang (RM juta)							Peratus perubahan 2021 <sup>p</sup> /2020
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 <sup>p</sup>	
Jumlah eksport barang	27,129	29,226	30,326	29,279	28,916	30,968	42,247	36.4
Sarung tangan getah	2,234	2,549	3,220	3,632	3,957	6,897	12,269	77.9
Litar elektronik bersepadu	3,393	3,710	3,786	3,491	3,526	3,685	4,437	20.4
Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori	609	697	913	1,510	2,969	3,800	4,377	15.2
Minyak kelapa sawit	1,149	1,513	1,357	970	716	1,663	1,763	6.0
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	4,518	5,279	5,541	4,445	2,153	1,228	1,441	17.3

**RM 77.3  
bilion**  
Jumlah perdagangan Perak, 2021



**RM 42.2  
bilion**  
Jumlah eksport barang Perak, 2021

Destinasi eksport utama Perak pada tahun 2021 adalah United States of America dengan jumlah eksport bernilai RM11.6 bilion, diikuti China dengan RM6.0 bilion. Selain itu, eksport ke Singapore bernilai RM3.3 bilion manakala eksport ke Japan dan Germany masing-masing bernilai RM2.3 billion dan RM2.0 bilion.

### Import Barang

Antara import barang utama Perak pada tahun 2021 adalah kristal piezo elektrik & alat ganti yang meningkat 0.9 peratus, diikuti oleh litar elektronik bersepadu yang meningkat 25.9 peratus dan barang elektrik dan elektronik yang lain meningkat 33.7 peratus. Selain itu, peningkatan turut direkodkan oleh kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori sebanyak 108.8 peratus manakala perkakas litar elektrik & alat ganti menurun 8.7 peratus.

Pada tahun 2021, sumber import utama Perak adalah daripada Indonesia (RM6.3 bilion) dan China (RM6.0 bilion), diikuti oleh Brazil (RM4.1 bilion), United States of America (RM2.9 bilion) dan Republic of Korea (RM2.4 bilion).

**Jadual 5.2 Import barang mengikut komoditi utama Perak, 2015-2021<sup>p</sup>**

Komoditi utama	Import barang (RM juta)							Peratus perubahan 2021 <sup>p</sup> /2020
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 <sup>p</sup>	
Jumlah import barang	19,393	20,813	26,989	29,358	27,288	25,883	35,007	35.3
Kristal piezo elektrik & alat ganti	3,785	4,134	4,529	3,499	2,686	2,973	3,001	0.9
Litar elektronik bersepadu	1,463	1,369	1,628	1,707	1,532	1,730	2,177	25.9
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	710	764	972	948	960	983	1,314	33.7
Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori	168	239	317	343	351	431	900	108.8
Perkakas litar elektrik & alat ganti	784	901	1,071	935	701	723	660	-8.7

### Rakan Dagang Utama

United States of America merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Perak yang menyumbang sebanyak 18.8 peratus (RM14.5 bilion) daripada jumlah perdagangan. China (RM12.0 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti oleh Indonesia (RM7.1 bilion), Brazil (RM4.2 bilion) dan Japan (RM4.1 bilion).



## Imbangan Perdagangan

Dari sudut imbangan perdagangan dua hala, Perak mencatatkan eksport sebanyak RM11.6 bilion ke United States of America, sementara import Malaysia dari United States of America sebanyak RM2.9 bilion. Perbezaan dari segi nilai eksport dan import memberi manfaat kepada Perak sebanyak RM8.6 bilion. Nilai import daripada negara Indonesia dan Brazil yang melebihi nilai eksport telah mendorong kepada defisit perdagangan masing-masing sebanyak RM5.5 billion dan RM4.0 bilion. Di samping itu, China dan Japan masing-masing mencatatkan imbangan perdagangan sebanyak RM0.1 billion dan RM0.4 billion.

**United States of America**  
Imbangan perdagangan dua hala **Perak** dengan United States of America mencatatkan lebihan dengan nilai tertinggi



**Indonesia**

Imbangan perdagangan dua hala Perak dengan Indonesia merekodkan defisit tertinggi

**Jadual 5.3** Perdagangan barang mengikut rakan dagang utama, Perak, 2021<sup>P</sup>

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih		Jumlah perdagangan	
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	42,247	100.0	35,007	100.0	7,240	77,253	100.0	
USA	11,558	27.4	2,939	8.4	8,619	14,497	18.8	1
China	6,036	14.3	5,980	17.1	56	12,016	15.6	2
Indonesia	798	1.9	6,324	18.1	- 5,526	7,122	9.2	3
Brazil	100	0.2	4,109	11.7	- 4,009	4,209	5.4	4
Japan	2,282	5.4	1,852	5.3	430	4,134	5.4	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (jaitu negeri di mana barang dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barang itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatuan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

# STATISTIK AKAUN KERAJAAN

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Hasil Kerajaan Persekutuan
- Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan
- Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI


- Hasil kerajaan negeri
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri
- Surplus/defisit kerajaan negeri

## PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Prestasi kewangan PBT

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK

- Hasil Kerajaan Negeri Perak
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perak
- Surplus/defisit Kerajaan Negeri Perak
- Pihak berkuasa tempatan Perak



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### Hasil Kerajaan Persekutuan

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi seluruh dunia disebabkan oleh antaranya pandemik COVID-19, Malaysia juga tidak terkecuali. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam kutipan hasil turut menerima kesan berikutan daripada beberapa faktor antaranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelonggaran cukai dan juga harga minyak mentah yang rendah.

Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan penyusutan sebanyak 14.9 peratus pada tahun 2020. Jumlah hasil tersebut berkang sebanyak RM39.3 bilion iaitu daripada RM264.4 bilion pada tahun 2019 kepada RM225.1 bilion pada tahun 2020 seperti pada Jadual 6.1.

**Jadual 6.1** Hasil Kerajaan Persekutuan, 2019-2020

Hasil	RM bilion		Perkembangan (%)
	2019	2020	
Hasil cukai	180.6	154.4	-14.5
Hasil bukan cukai	79.8	62.0	-22.3
Terimaan bukan hasil	3.3	8.0	141.6
Hasil Wilayah Persekutuan	0.73	0.68	-7.5
<b>Jumlah hasil</b>	<b>264.4</b>	<b>225.1</b>	<b>-14.9</b>

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan semua komponen kutipan hasil kecuali terimaan bukan hasil yang mencatatkan peningkatan memberangsangkan. Hasil cukai mendominasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan sebanyak 68.6 peratus dan merekodkan penguncupan 14.5 peratus iaitu daripada RM180.6 bilion kepada RM154.4 bilion.



## Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

**-13.1%**  
Penurunan  
perbelanjaan  
Kerajaan  
Persekutuan  
pada tahun  
2020



**RM 38.1 bilion**  
Pengurangan  
perbelanjaan dalam  
pemberian dan  
kenaan bayaran  
pada tahun  
2020

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mencatatkan penurunan kepada RM276.0 bilion pada tahun 2020 seperti pada Jadual 6.2. Pengurangan ini didorong oleh perbelanjaan mengurus yang menguncup sebanyak 14.7 peratus iaitu kepada RM224.6 bilion daripada RM263.3 bilion pada tahun 2019.

Pemberian dan kenaan bayaran merupakan antara penyumbang kepada penurunan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dengan pengurangan sebanyak RM38.1 bilion atau 25.6 peratus daripada RM148.8 bilion kepada RM110.7 bilion pada tahun 2020. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan turut mencatatkan penurunan sebanyak 5.2 peratus iaitu daripada RM54.2 bilion pada tahun 2019 kepada RM51.4 bilion pada tahun 2020.

**Jadual 6.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2019-2020**

Perbelanjaan	RM bilion		Perubahan (%)
	2019	2020	
Perbelanjaan mengurus	263.3	224.6	-14.7
Perbelanjaan pembangunan	54.2	51.4	-5.2
<b>Jumlah perbelanjaan</b>	<b>317.5</b>	<b>276.0</b>	<b>-13.1</b>

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

## Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 telah diwartakan pada 26 Oktober 2020 sebagai salah satu inisiatif menghadapi wabak COVID-19 yang diperuntukkan dalam Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Pelbagai insentif yang dilaksanakan antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat PKS (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Pada tahun 2020, sebanyak RM38.0 bilion telah dibelanjakan di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihran ekonomi.

Selain itu, sebahagian besar Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 ini melibatkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi meringankan beban rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah berjumlah RM16.2 bilion. Sebanyak RM13.0 bilion telah dibelanjakan untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan manakala bagi tujuan memacu aktiviti ekonomi pula, sebanyak RM2.9 bilion digunakan untuk Projek Berskala Kecil dan RM2.6 bilion untuk Geran Prihatin PKS.

## STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

### Hasil kerajaan negeri


Kerajaan negeri memperoleh hasil daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain.

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM10.6 bilion (2019: RM7.3 bilion) dan bertumbuh sebanyak 46.5 peratus (Carta 6.1). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh hasil cukai dengan sumbangan sebanyak 60.0 peratus dan merekodkan pertumbuhan sebanyak 319.9 peratus pada tahun 2020.

Kerajaan Negeri Sabah merekodkan kutipan hasil kedua tertinggi yang berjumlah RM3.6 bilion berbanding RM4.3 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini dipengaruhi oleh pengurangan hasil bukan cukai sebanyak 32.5 peratus.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga merekodkan pengurangan hasil sebanyak RM62.5 juta dengan nilai hasil sebanyak RM2.3 bilion. Secara keseluruhannya, semua negeri merekodkan penurunan dalam kutipan hasil kecuali Sarawak dan Pahang. Pahang mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus iaitu daripada RM0.8 bilion kepada RM0.9 bilion pada tahun 2020.

**Carta 6.1** Kutipan hasil kerajaan negeri, 2019-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

**RM 10.6 bilion**

**Sarawak**  
kutipan hasil  
tertinggi pada  
tahun 2020



**RM 3.6 bilion**

**Sabah**  
kutipan hasil kedua  
tertinggi pada tahun  
2020

## Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri

**RM 10.3 bilion**  
Sarawak  
mencatatkan  
perbelanjaan  
mengurus  
tertinggi




**6 negeri**  
mencatatkan  
peningkatan  
dalam  
perbelanjaan  
mengurus

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM10.3 bilion berbanding RM9.4 bilion pada tahun 2019 dengan pertambahan sebanyak RM0.9 bilion atau meningkat 9.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (Carta 6.2). Peningkatan perbelanjaan mengurus ini didorong oleh pertambahan dalam pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan lain.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah pula memperuntukkan sebanyak RM4.5 bilion pada tahun 2020 bagi perbelanjaan mengurus. Negeri ini mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan berjumlah RM0.5 bilion atau 11.7 peratus, disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan aset dan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang masing-masing bertambah sebanyak RM0.2 bilion dan RM0.7 bilion.

Empat negeri yang lain turut mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang meningkat 26.3 peratus iaitu sebanyak RM734.1 juta, diikuti Kerajaan Negeri Kelantan (RM701.6 juta), Kerajaan Negeri Pahang (RM662.4 juta) dan Kerajaan Negeri Negeri Sembilan (RM490.0 juta).

**Carta 6.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2019-2020**




Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

## Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan surplus terbesar berjumlah RM366.6 juta pada tahun 2020 berbanding defisit sejumlah RM2.1 bilion pada tahun 2019. Surplus ini dipacu oleh peningkatan hasil cukai.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Sabah mencatatkan defisit terbesar berjumlah RM934.6 juta pada tahun 2020 berbanding surplus sebanyak RM214.2 juta pada tahun 2019. Defisit ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Secara keseluruhannya, enam negeri merekodkan surplus pada tahun 2020, manakala tujuh negeri memperoleh defisit seperti di Carta 6.3.

**Carta 6.3** Surplus/defisit mengikut negeri, 2019-2020 - RM juta



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

**6 negeri**  
mencatatkan  
**surplus**  
pada tahun  
2020



**RM0.4 bilion**  
Surplus bagi  
Kerajaan Negeri  
**Sarawak**  
pada tahun  
2020

## PIHAK BERKUASA TEMPATAN

**154 PBT**

- 18 Dewan/majlis bandaraya
- 38 Majlis perbandaran
- 93 Majlis daerah
- 5 Agensi diberi kuasa PBT



**RM3.1 bilion**

Pendapatan  
**DBKL**  
pada tahun  
2020

Terdapat 154 PBT di Malaysia yang terdiri daripada dewan/majlis bandaraya (DB/MB), majlis perbandaran (MP) dan majlis daerah (MD). Dewan/majlis bandaraya merangkumi 18 PBT manakala majlis perbandaran dan majlis daerah masing-masing sebanyak 38 dan 93 PBT dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu, lima badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Lembaga Pembangunan Tioman dan Lembaga Bandaran Kudat.

Sementara itu, prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

### Prestasi kewangan PBT

Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

#### a. Dewan/majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 18 dewan/majlis bandaraya, 10 dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi kewangan tertinggi melibatkan pihak berkuasa tempatan W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan.

Secara umumnya, daripada 10 PBT tersebut, empat dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2020. Namun, enam dewan/majlis bandaraya memperlihatkan penurunan terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai seperti di Carta 6.4.

Melihat dari aspek pendapatan, DBKL merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM3.1 bilion meskipun bertumbuh pada paras negatif 3.6 peratus pada tahun 2020. Selain itu, tiga PBT daripada Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Subang Jaya


masing-masing memperoleh pendapatan sebanyak RM468.5 juta, RM381.9 juta dan RM314.0 juta.

Di Johor pula, Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan sebanyak RM403.3 juta dan merupakan PBT ketiga tertinggi dalam kelompok dewan/majlis bandaraya, manakala Majlis Bandaraya Iskandar Puteri merekodkan pendapatan sebanyak RM271.8 juta.

Sementara itu, dua PBT Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mencatatkan pendapatan berjumlah RM383.6 juta dan RM258.5 juta.

Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Seremban masing-masing merekodkan pendapatan sebanyak RM344.9 juta dan RM303.0 juta pada tahun 2020.

**Carta 6.4** Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: MB Seremban bergabung dengan MP Nilai

### b. Majlis perbandaran

Daripada keseluruhan 38 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Selangor, Pahang, Perak dan Johor (Carta 6.5).

Pada tahun 2020, Majlis Perbandaran Sepang memperoleh pendapatan tertinggi iaitu RM546.7 juta berbanding pada tahun 2019 sebanyak RM192.5 juta dengan pertumbuhan yang memberangsangkan berbanding majlis perbandaran lain.

**3.1%**

Pertumbuhan positif **MB Shah Alam** pada tahun 2020

**-3.6%**

Pengurangan pendapatan **DBKL** pada tahun 2020

**183.9%**

Pertumbuhan pendapatan **MP Sepang** pada tahun 2020



**RM546.7 juta**


Pendapatan MP Sepang untuk tahun 2020

Pada masa yang sama, terdapat lima majlis perbandaran di Selangor berada dalam kelompok penyumbang tertinggi di kalangan majlis perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Selayang (RM456.4 juta), Majlis Perbandaran Klang (RM284.1 juta), Majlis Perbandaran Kajang (RM226.1 juta), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (RM166.1 juta) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (RM112.8 juta).

Melihat prestasi kewangan di Pahang, Majlis Perbandaran Kuantan merekodkan pendapatan sebanyak RM164.5 juta. Manakala di Johor pula, Majlis Perbandaran Kulai merekodkan peningkatan dalam perolehan pendapatan daripada RM101.4 juta kepada RM111.6 juta pada tahun 2020.

Dua majlis perbandaran dari Perak merupakan antara PBT yang mencatatkan pendapatan tertinggi. Majlis Perbandaran Teluk Intan bertumbuh 67.7 peratus menjadikan pendapatan pada tahun 2020 berjumlah RM107.4 juta. Sebaliknya, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar merekodkan pengurangan pendapatan daripada RM283.3 juta pada tahun 2019 kepada RM119.2 juta pada tahun 2020.

**Carta 6.5 Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020**



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia  
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

### c. Majlis daerah

Daripada 93 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Selangor, Pahang, Perak, Johor dan Kelantan.

Secara keseluruhannya, daripada 10 majlis daerah tersebut dua majlis daerah menunjukkan penurunan pendapatan iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kampar.


Di Selangor terdapat dua majlis daerah merekodkan prestasi kewangan tertinggi dalam kelompok majlis daerah iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dengan pendapatan sebanyak RM128.1 juta pada tahun 2020 seperti pada Carta 6.6. Ini diikuti dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dengan pendapatan berjumlah RM63.2 juta.

Sementara itu, dua majlis daerah Pahang menunjukkan peningkatan pendapatan iaitu Majlis Daerah Pekan dengan pendapatan sebanyak RM63.2 juta meningkat dari RM51.0 juta dan Majlis Daerah Rompin RM47.1 juta dari RM43.1 juta.

Terdapat empat majlis daerah Perak berada di dalam kategori 10 pendapatan tertinggi iaitu Majlis Daerah Kerian dengan merekodkan prestasi kewangan berjumlah RM55.1 juta, diikuti Majlis Daerah Tanjong Malim yang memperlihatkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 63.2 peratus dengan perolehan pendapatan RM41.1 juta pada tahun 2020. Seterusnya, Majlis Daerah Batu Gajah (RM37.3 juta) dan Majlis Daerah Kampar (RM35.0 juta).

Pada masa yang sama, Majlis Daerah Pontian mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM43.4 juta manakala Majlis Daerah Tumpat meningkat sebanyak 0.8 peratus dengan memperoleh pendapatan berjumlah RM34.3 juta.

**Carta 6.6** Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia  
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**63.2%**

Pertumbuhan  
**MD Tanjong  
Malim** pada  
tahun 2020



**RM 128.1 juta**

**Pendapatan MD  
Hulu Selangor** untuk  
tahun 2020

# STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK

## Hasil Kerajaan Negeri Perak

**RM983.5 juta**  
Hasil Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2020



**44.0%**  
Sumbangan hasil cukai pada tahun 2020


**Carta 6.7** Hasil Kerajaan Negeri Perak, 2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Secara keseluruhan, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2020 merekodkan penurunan sebanyak 10.2 peratus daripada RM1,094.9 juta kepada RM983.5 juta (Carta 6.8). Penurunan ini dipengaruhi oleh penyusutan hasil cukai dan hasil bukan cukai pada tahun 2020.

**Carta 6.8** Siri masa hasil Kerajaan Negeri Perak, 2015-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Hasil Kerajaan Negeri Perak disumbangkan oleh lima sumber utama dengan sumbangan tertinggi iaitu cukai tanah bernilai RM317.4 juta diikuti perolehan daripada jualan barang-barang yang berjumlah RM180.3 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan Perak adalah terimaan daripada agensi kerajaan yang lain, royalti dan keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan seperti yang tercatat pada Jadual 6.3.

**Jadual 6.3** Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Perak, 2019-2020


Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2019	2020
Cukai tanah	323.0	317.4
Perolehan daripada jualan barang-barang	232.2	180.3
Terimaan daripada agensi kerajaan yang lain	163.6	164.8
Royalti	103.7	94.0
Keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan	64.2	61.6
<b>Jumlah</b>	<b>886.8</b>	<b>818.1</b>

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

### Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perak

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berjumlah RM1,162.9 juta. Namun, sejumlah RM1,061.5 juta atau 91.3 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut (Carta 6.9).

**Carta 6.9** Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perak, 2015-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

**RM317.4 juta**  
Cukai tanah merupakan hasil cukai tertinggi



**-2.6%**  
Penurunan perbelanjaan mengurus Perak pada tahun 2020

**27.4%**  
Penurunan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pada tahun 2020



**RM78.0 juta**  
Defisit Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2020

Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perak mencatatkan penurunan sebanyak RM28.2 juta atau 2.6 peratus iaitu daripada RM1,089.8 juta pada tahun 2019 kepada RM1,061.5 juta pada tahun 2020 (Jadual 6.4).

Perkhidmatan dan bekalan Kerajaan Negeri Perak merupakan penyumbang terbesar kepada penurunan perbelanjaan mengurus dengan pengurangan sebanyak RM27.4 juta. Selain itu, aset dan perbelanjaan lain turut menyumbang kepada penurunan perbelanjaan mengurus ini. Walau bagaimanapun, emolumen dan pemberian dan kenaan bayaran tetap menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2019.

**Jadual 6.4** Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Perak, 2019-2020

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2019	2020	RM juta	%
Emolumen	359.5	359.6	0.1	0.0
Perkhidmatan dan bekalan	251.4	224.0	-27.4	-10.9
Aset	16.7	11.6	-5.0	-30.3
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	453.1	462.2	9.1	2.0
Perbelanjaan lain	9.0	4.1	-5.0	-54.8
<b>Jumlah</b>	<b>1,089.8</b>	<b>1,061.5</b>	<b>-28.2</b>	<b>-2.6</b>

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

### Surplus/defisit Kerajaan Negeri Perak

Kerajaan Negeri Perak mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan defisit berjumlah RM78.0 juta berbanding surplus berjumlah RM5.1 juta pada tahun 2019 seperti di Jadual 6.5.

**Jadual 6.5** Surplus/defisit Kerajaan Negeri Perak, 2019-2020

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2019	2020	RM juta	%
Hasil	1,094.9	983.5	-111.4	-10.2
Perbelanjaan mengurus	1,089.8	1,061.5	-28.2	-2.6
<b>Surplus/defisit</b>	<b>5.1</b>	<b>-78.0</b>	<b>-83.2</b>	<b>-1,617.7</b>

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

## PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI PERAK



**ULU PERAK**  
mempunyai tiga PBT  
iaitu **MD Gerik**,  
**MD Pengkalan Hulu** dan  
**MD Lenggong**

**MB IPOH**  
merekodkan  
pendapatan **tertinggi**  
pada tahun 2020 iaitu  
**RM344.9 juta**

### LARUT & MATANG

	MP TAIPING
	RM83.0 juta
	269.6

### SELAMA

	MD SELAMA
	RM12.8 juta
	34.4

### KERIAN

	MD KERIAN
	RM55.1 juta
	166.4

### MANJUNG

	MP MANJUNG
	RM92.0 juta
	247.0

### PERAK TENGAH

	MD PERAK TENGAH
	RM30.1 juta
	94.6

### BAGAN DATUK DAN HILIR PERAK

	MP TELUK INTAN
	RM107.4 juta
	82.8

142.0

### ULU PERAK

	MD GERIK		MD PENGKALAN HULU		MD LENGGONG
	RM17.3 juta		RM10.4 juta		RM20.0 juta
	95.1				

### KUALA KANGSAR

	MP KUALA KANGSAR
	RM119.2 juta
	176.1

### KINTA

	MD BATU GAJAH		MB IPOH
	RM37.3 juta		RM344.9 juta
	888.8		

### KAMPAR

	MD KAMPAR
	RM35.0 juta
	98.7

### MUALLIM

	MD TANJONG MALIM
	RM41.1juta

76.7

### Petunjuk:

Jumlah penduduk 2020 ('000)

Pihak berkuasa tempatan

Pendapatan PBT 2020

#### Nota:

- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
- Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

## Pihak berkuasa tempatan Perak

**RM344.9 juta**

Pendapatan  
**MB Ipoh**  
pada tahun  
2020



**RM0.7 juta**

Defisit bagi  
**MP Perak  
Tengah**  
pada tahun  
2020

Pada tahun 2020, Majlis Bandaraya Ipoh mencatatkan perolehan pendapatan tertinggi dalam kalangan PBT di Perak berjumlah RM344.9 juta. Dari aspek perbelanjaan, sejumlah RM361.4 juta telah direkodkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan meletakkan kedudukan kewangan majlis ini pada kadar defisit RM16.5 juta.

Dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar merekodkan perolehan pendapatan tertinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM119.2 juta. Pada masa yang sama, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar juga mencatatkan surplus tertinggi berjumlah RM69.8 juta di antara PBT di Perak. Selain itu, Majlis Perbandaran Teluk Intan merekodkan surplus berjumlah RM52.2 juta. Namun, dua lagi majlis perbandaran mencatatkan defisit berjumlah RM16.8 juta bagi Majlis Perbandaran Manjung dan RM5.4 juta bagi Majlis Perbandaran Taiping.

